

Pesan – Pesan
P e r n i k a h a n

Hafiz Firdaus Abdullah

Judul:

Pesan-Pesan Pernikahan (Beserta Soal-Jawab Munakahat)

Penulis:

Hafiz Firdaus bin Abdullah

hafizfirdaus@hotmail.com

www.hafizfirdaus.com

SMS: 019-384 8467

© Hafiz Firdaus Abdullah.

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu.
Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa
cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis
daripada penulis.

Cetakan Pertama: 2013

Penerbit:

Perniagaan Jahabersa

15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,

81200 Johor Bahru,

Johor Darul Takzim,

Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605

Fax: 07-235 1603

<http://www.jahabersa.com.my>

Mencari Duri Bunga Ros	7
Apakah Dia Sesuai Bagi Daku?	13
Bagaimana Dengan Pilihan Saya?	21
Soal-Jawab Munakahat	
Soalan 1: Tidak Minat Untuk Berkahwin.	27
Soalan 2: Berhutang Duit Mahar dan Haji Badal.	31
Nyalakan Asap Anda	35
Soal Jawab Munakahat	
Soalan 1: Perjanjian Pra-Perkahwinan.	41
Soalan 2: Pertunangan Jarak Jauh.	44
Aku Minat Kepada Dia...	49
Soal-Jawab Munakahat	
Soalan 1: Tanggungjawab Isteri Di Rumah.	55
Soalan 2: Kekurangan Bakal Isteri.	60
Perkahwinan: Pilihan Saya Atau Ibubapa?	63
Soal Jawab Munakahat	
Soalan 1: Tangkal Sebagai Penjaga.	70

Soalan 2: Dulang-Dulang Hantaran.	74
Harga Minyak Naik Lagi...	77
Soal-Jawab Munakahat	
Soalan 1: Wali.	83
Soalan 2: Takut Untuk Berkahwin.	90
Cemburu!	93
Soal-Jawab Munakahat	
Soalan 1: Jodoh.	101
Soalan 2: Nikah <i>Tahlil</i> .	104
Di Sebalik Kehidupan Suami-Isteri...	107
Soal Jawab Munakahat	
Soalan 1: Mas Kahwin.	114
Soalan 2: Menceritakan Aib Sebelum Perkahwinan	120
Bersediakah Anda Menjadi Suami?	123
Soal Jawab Munakahat	
Soalan 1: Kelab Isteri Taat.	129
Soalan 2: Membawa Tunang Ke Rumah.	134

Jom Bincang Berkenaan Nafkah	137
Soal Jawab Munakahat	
Soalan 1: Nikah Mut'ah.	144
Soalan 2: Kos Perkahwinan.	148
Tujuan Di Sebalik Perkahwinan	151
Soal-Jawab Munakahat	
Soalan 1: Nikah Di Sempadan.	157
Soalan 2: Suami Enggan Pulang Ke Rumah.	161
Kisah Nabi Musa dan Isterinya	164
Soal Jawab Munakahat	
Soalan 1: <i>Pre-Nuptial Agreement</i> .	170
Soalan 2: Minta Izin Keluar Rumah.	174
Bergaduh?	177
Soal Jawab Munakahat	
Soalan 1: Mencari Orang Agama.	183
Soalan 2: Bulu Roma.	185
Soalan 3: Muzik Ketika Majlis Perkahwinan.	188

Merajuk!	191
Soal Jawab Munakahat	
Soalan 1: Pernikahan Berlainan Agama.	197
Soalan 2: Perbezaan Umur.	200
Soalan 3: Bercinta Sebelum Bernikah.	201
Suami Soleh, Isteri Soleh	204
Soal Jawab Munakahat	
Soalan 1: Sekufu.	210
Soalan 2: Pembantu Rumah.	214
SMS	218
Soal Jawab Munakahat	
Soalan 1: Suami Tanggung Dosa Isteri.	224
Soalan 2: Ujian Kesihatan.	229
Mungkir Janji	232
Soal Jawab Munakahat	
Soalan 1: Ayat Pengasih.	238
Soalan 2: Keadilan Suami Dan Isteri.	241

Mencari Duri Bunga Ros

Hasnah duduk termenung di bangku mahkamah, menunggu giliran kesnya dibicarakan. Di hadapannya kini kes isteri menuntut cerai terhadap suami yang tidak menunaikan tanggungjawab batin. Dalam suasana perbincangan yang terbuka, Hasnah dapat mendengar kes-kes yang lain sebagaimana para hadirin juga akan dapat mendengar kesnya apabila dibicarakan sebentar lagi.

“Saya tidak tahu suami saya seorang homoseksual. Sebelum kami bernikah dia tidak menceritakannya. Selepas bernikah dia tidak menyentuh saya. Setelah beberapa bulan, saya mendapat tahu dia seorang homoseksual, sukakan seks sejantina. Dia menikah saya semata-mata atas tekanan keluarga padahal dia tidak inginkan mana-mana wanita. Dia inginkan lelaki” jelas isteri yang sedang berada dalam kotak perbincangan. Suara Maisarah tegas, menunjukkan kemarahan kerana ditipu oleh lelaki yang bergelar suaminya.

“Apa hujah pihak suami?” hakim bertanya. Peguam dan suami terbabit menundukkan kepala. Ketiadaan hujah

agaknyanya, dicampur dengan rasa malu kerana aib suami didengari oleh semua yang hadir dalam mahkamah syari'ah tersebut.

Hasnah juga terdiam. Kes dia seumpama dengan kes Maisarah yang sedang dibicarakan saat itu. Hanya bagi Hasnah, suaminya bukan seorang homoseksual tetapi seorang yang ketagih arak dan judi. Terlalu kerap berdampingan dengan arak dan judi sehingga mengabaikan Hasnah sebagai isteri. Suami hanya “kembali” kepada Hasnah apabila memerlukan duit bagi menebus kekalahan judinya. Hasnah yang bekerja sebagai kerani bank dapat membantu sedikit tetapi tentu tidak cukup. Kekurangan ini dibalas dengan tindakan fizikal oleh suami.

Setelah insiden memukul berlaku beberapa kali rakan-rakan menyarankan Hasnah untuk menuntut cerai. Suami enggan diajak kaunseling, enggan menerima nasihat dan enggan berubah. Setelah semua ruang yang diusahakan gagal, Hasnah memberanikan diri berjumpa peguam bagi memulakan tuntutan cerai.

Hanya yang masih berlegar di kepala Hasnah ialah, kenapa dia tidak menyelidik dengan lebih mendalam perangai

suaminya sebelum mereka bernikah? Ini sebagaimana kes Maisarah yang sedang dibicarakan saat itu, kenapa dia tidak menyelidik latarbelakang seksual suaminya sebelum mereka bernikah?

Bunga Ros Sebelum Bernikah.

Sebelum bernikah, seseorang itu lazimnya hanya nampak bunga ros pada bakal pasangannya. Duri-duri di dahan bunga ros tidak kelihatan. Jika terlihat sekalipun, mata akan ditutup agar ia hilang dari penglihatan. Usah diambil peduli tentangnya, yang penting ialah bunga ros yang harum lagi cantik di atas.

Analogi bunga ros ini merujuk kepada fenomena kebanyakan pasangan sebelum mereka bernikah. Sebelum bernikah, yang difikir, dirancang dan diharapkan adalah yang baik-baik belaka. Usah dicari keburukan pasangan, usah diketahui kekurangan pasangan, usah diberi perhatian kepada apa-apa sikap negatif yang kelihatan pada saat itu. Mesti ada penjelasannya kenapa dia bersikap negatif. Maafkan saja.

Fenomena inilah yang menyebabkan tidak sedikit di antara pasangan yang baru bernikah menghadapi kejutan. Selepas bernikah, barulah diketahui pasangannya itu kaki arak

dan judi. Selepas ijab kabul, barulah diketahui pasangannya itu homoseksual. Selepas habis puluhan ribu ringgit untuk majlis pernikahan, baru terbongkar rahsia bahawa pasangannya itu memiliki hutang puluhan ribu ringgit lagi di atas hutang majlis pernikahan.

Tidak sedikit juga selepas menghadapi kejutan di atas, pasangan-pasangan yang baru bernikah ini akhirnya berkunjung ke mahkamah bagi memutuskan pernikahan mereka. Kes Hasnah dan Maisarah merupakan dua dari sekian banyak kes seumpama.

Mencari Duri-Duri.

Pengajaran penting dari kes Hasnah dan Maisarah serta banyak yang lain ialah, setiap orang hendaklah mengenali dengan mendalam siapa yang bakal menjadi pasangan mereka. Tidak cukup dengan bunga ros yang cantik lagi harum, perlu diselidik di bawahnya untuk mencari duri-durinya.

Penyelidikan ini adalah sesuatu yang dibolehkan dalam Islam. Setiap individu yang akan mendirikan rumahtangga hendaklah bertanya kepada orang yang rapat lagi dipercayai tentang sejarah, kelakuan dan apa-apa ciri

bakal pasangan yang tidak baik. Berdasarkan penyelidikan ini, dia boleh menilai sama ada mampu atau tidak untuk hidup dengan bakal pasangan yang memiliki sejarah, kelakuan dan ciri-ciri tidak baik itu.

Menyelidik latarbelakang bakal pasangan merupakan sesuatu yang berlaku pada zaman Rasulullah. Salah satu kisah yang sahih tentang ini ialah apabila Fathimah binti Qais telah dilamar oleh Mu'awiyah bin Abi Sufyan dan Abu Jahm. Lalu Fathimah pergi berjumpa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bagi menyelidiki latarbelakang kedua-dua lelaki yang melamarnya itu. Rasulullah menjawab:

أَمَّا أَبُو جَهْمٍ فَلَا يَضَعُ عَصَاهُ عَنْ عَاتِقِهِ وَأَمَّا مُعَاوِيَةُ
فَصُعْلُوكٌ لَا مَالَ لَهُ.

Ada pun Abu Jahm, maka dia adalah orang yang tidak pernah meninggalkan tongkatnya dari lehernya sedangkan Mu'awiyah adalah orang yang miskin, dia tidak memiliki harta. [Shahih Muslim, no: 2709/1480]

Maksud “tidak pernah meninggalkan tongkat dari lehernya” ialah kiasan bagi orang yang suka memukul orang lain dengan tongkat. Ia boleh juga bererti kerap bermusafir.

Jawapan Rasulullah kepada Fathimah binti Qais menunjukkan dua perkara penting. **Pertama:** Dbolehkan menyelidik bakal pasangan sebelum bernikah.

Kedua: Dbolehkan menceritakan kekurangan bakal pasangan kepada orang yang bertanya. Poin kedua ini penting untuk diperhatikan kerana Islam melarang secara tegas menceritakan kekurangan di antara sesama muslim. Islam melarang mengintip, bergossip dan menyebarkan cerita berkenaan kekurangan seseorang tanpa dibezakan apakah kekurangan itu benar atau dusta. Pengecualian yang terhad diberikan kepada orang yang dilamar, di mana dia dibolehkan menyelidik kekurangan orang yang melamarnya dan orang yang mengetahuinya boleh menceritakan kekurangan tersebut. Akan tetapi pihak yang menyelidik tidak dibenarkan menyebarkan kekurangan yang sudah diketahuinya kepada orang-orang lain yang tidak berkaitan dengan pernikahannya. Inilah yang dimaksudkan dengan pengecualian yang terhad.

Akhir kata, pernikahan ialah kehidupan dua insan secara bersama. Sebelum bernikah, selidiklah terlebih dahulu sama ada bakal pasangan sesuai atau tidak untuk dihidup bersama. Jangan bataskan penyelidikan kepada ciri-ciri yang baik sahaja, tetapi luaskannya kepada ciri yang tidak baik juga. Jangan dibataskan kepada bunga ros sahaja tetapi berilah perhatian kepada duri-durinya.

Apakah Dia Sesuai Bagi Daku?

Agaknya di atas merupakan soalan yang lazim bermain-main di fikiran. Lebih halus, apakah sebenarnya ciri-ciri yang patut dicari dan dipertimbangkan oleh seorang wanita apabila dia ingin memilih calon suami? Berikut disenaraikan ciri-ciri yang penting, berdasarkan turutan kepentingannya.

Pertama: Agama.

Ciri pertama yang mesti diperhatikan ialah agama calon suami. Pastikan suami seorang muslim. Jika dia seorang bukan muslim, jemputlah dia ke arah agama Islam. Pastikan sebab utama dia memeluk Islam ialah kerana sayangkan Allah dan Rasulullah, bukan kerana sayangkan anda.

Jika calon memang beragama Islam, maka langkah seterusnya ialah memerhatikan tahap keislamannya. Kita tidak mahu Islam yang biasa-biasa, tetapi muslim yang berilmu, beriman dan beramal shalih.

Di sini calon suami bukanlah semestinya seorang ustaz berkelulusan jurusan agama. Akan tetapi dia hendaklah

orang yang menaruh minat kepada Islam, berusaha untuk mendalami ilmu-ilmunya, rajin mengerjakan amal shalih dan menjauhi perkara mungkar. Ini penting kerana suami dipertanggungjawabkan untuk memelihara dirinya dan rumahtangganya dari api neraka. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا.

Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka. [al-Tahrim 66:06]

Perkara penting untuk turut diperhatikan, jangan hanya harap suami memiliki nilai agama yang bagus. Anda juga sebagai isteri mesti memiliki nilai agama yang baik agar dapat memainkan peranan sebagai isteri yang berilmu, beriman dan beramal shalih. Tidak dilupakan, sebagai isteri yang dapat menasihati dan membetulkan suami. Ini kerana kaum muslimin (lelaki) dan muslimat (perempuan) sebenarnya saling membantu antara satu sama lain:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ

وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ.

Dan orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman, sebahagiannya menjadi penolong bagi sebahagian yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. [al-Taubah 9:71]

Kedua: Keluarga.

Ciri kedua yang perlu diperhatikan ialah sikap calon suami kepada keluarganya, khasnya ibubapanya. Ini kerana Islam amat menekankan seorang anak untuk berbuat baik kepada ibubapanya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

رَضِيَ الرَّبُّ فِي رِضَى الْوَالِدِ وَسَخَطُ الرَّبِّ فِي سَخَطِ الْوَالِدِ.

Keredhaan Allah terletak pada keredhaan ibubapa manakala kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan ibubapa. [Shahih Sunan al-Tirmizi, no: 1821/1899]

Maka calon suami itu jika dia memiliki kefahaman agama yang baik akan memastikan ibubapanya redha dan senang menerima anda sebagai bakal menantu. Jika tidak, dia akan bercakap dengan penuh hikmah dan hormat bagi menyakinkan ibubapanya menerima anda sebagai bakal menantu. Dia tidak akan membelakangkan ibubapanya kerana anda, dia tidak akan menderhakai ibubapanya kepada anda. Calon suami hendaklah pandai memainkan peranannya di jalan pertengahan di antara ibubapanya dan anda sebagai bakal isterinya.

Di antara ayah dan ibu, seorang anak hendaklah mengutamakan ibunya berdasarkan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

فَإِنَّ الْجَنَّةَ تَحْتَ رِجْلَيْهَا.

Sesungguhnya syurga terletak di bawah tapak kakinya (ibu). [Shahih Sunan al-Nasa'e, no: 3053/3104]

Justeru perhatikan bagaimana layanan calon suami terhadap ibunya kerana ia memiliki kaitan yang amat kuat dengan bagaimana dia bakal melayan anda sebagai isteri. Seorang anak lelaki yang melayan ibunya dengan penuh

keprihatinan besar kemungkinan akan melayan bakal isterinya dengan penuh keprihatinan juga. Seorang anak lelaki yang mengabaikan ibunya besar kemungkinan akan mengabaikan isterinya juga.

Ketiga: Ciri Kepimpinan.

Lelaki – yakni suami – ialah pemimpin dalam sebuah institusi keluarga. Allah *Subhanahu waTa'ala* menyatakan tanggungjawab ini:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ.

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan. [al-Nisa' 4:34]

Maka hendaklah anda memerhatikan ciri-ciri kepimpinan calon suami anda. Berikan dia satu senario dan perhatikan bagaimana dia membuat keputusan. Berikan dia satu permasalahan dan perhatikan bagaimana dia menyelesaikannya. Berikan dia satu perancangan dan perhatikan bagaimana dia mengaturnya. Berikan dia satu amanah dan perhatikan bagaimana dia bertanggungjawab ke atasnya.

Berkenaan ciri kepimpinan ini, hendaklah diketahui bahawa kebanyakan lelaki masa kini ketandusan ciri kepimpinan. Ini kerana kebanyakan ibubapa mendidik anak lelaki dengan cara membiarkan mereka bermain di luar rumah sesuka hati manakala anak perempuan dididik sikap bertanggungjawab menguruskan adik-adik dan pelbagai urusan lain. Hasilnya, kebanyakan wanita bersikap dewasa dan bertanggungjawab manakala kebanyakan lelaki bersikap “sesuka hati” dan tidak memiliki hala tuju yang tertentu.

Berpijak atas sejarah pendidikan ini, maka janganlah mengharapkan calon suami memiliki ciri kepimpinan yang baik. Boleh dijangkakan dia lemah dalam bab ini, maka anda boleh memainkan peranan menyedarkannya dari tidur yang lena. Berikan dia masa dan ruang untuk meningkatkan ciri kepimpinannya.

Keempat: Kewangan.

Suami bertanggungjawab ke atas kewangan (nafkah) isterinya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengingatkan para suami:

فَاتَّقُوا اللَّهَ فِي النِّسَاءِ... وَهُنَّ عَلَيْكُمْ رِزْقُهُنَّ وَكَسْوَتُهُنَّ

بِالْمَعْرُوفِ .

Bertaqwalah kepada Allah berkenaan isteri-isteri kalian....mereka memiliki hak di atas kamu, iaitu nafkah dan pakaian pada kadar yang berpatutan. [Shahih Muslim, no: 2137/1218]

Perlu dibezakan, tanggungjawab kewangan suami ke atas isteri bukanlah bererti suami mesti kaya. Tidak ada manfaat memiliki suami yang kaya tetapi kedekut, suami yang berharta tetapi tidak memberi nafkah, suami yang berstatus tinggi tetapi masih meminta duit isteri. Akan tetapi yang penting lagi bermanfaat ialah suami yang sedar tanggungjawabnya untuk memberi nafkah kepada isteri pada kadar yang dia mampu.

Perlu juga ditekankan, suami tetap wajib memberi nafkah kepada isteri sekalipun isteri memiliki harta atau pendapatan sendiri. Suami tidak boleh mengabaikan tanggungjawabnya memberi nafkah kepada isteri yang kaya atau berpendapatan, juga tidak boleh memaksa isteri mengeluarkan belanja untuk menampung kewangan keluarga. Isteri dibolehkan mengeluarkan belanja atas pilihan dirinya secara rela, bukan paksaan.

Kelima: Akhlaknya.

Ciri kelima ialah akhlak calon suami. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menekankan:

إِنَّ الرَّفْقَ لَا يَكُونُ فِي شَيْءٍ إِلَّا زَانَهُ وَلَا يُنَزَعُ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا
شَانَهُ.

Sesungguhnya tidaklah sikap santun terdapat pada sesuatu melainkan ia menghiasinya dan tidaklah ia (sikap santun) tercabut dari sesuatu melainkan ia memburukkannya. [Shahih Muslim, no: 4698/2594]

Cara penampilan, kekemasan pakaian, arah pandangan, bahasa percakapan, kesungguhan mendengar, kejujuran mengaku salah, rendah diri menerima teguran, sabar terhadap apa yang tidak diinginkan, tenang dalam suasana marah, senyum dalam suasana tenang dan tegas dalam suasana dizalimi, semuanya adalah akhlak mulia yang perlu diperhatikan.

Jangan sekadar memerhatikan akhlak calon suami kepada anda kerana lazimnya ia mestilah baik. Akan tetapi perhatikan akhlak dia kepada orang lain seperti ahli keluarga, rakan kerja, peniaga buah dan pelayan restoran. Dengan cara ini anda dapat bezakan sama ada akhlak baik yang ditunjukkan calon suami kepada anda adalah tulen atau pura-pura.

Bagaimana Dengan Pilihan Saya?

Jika sebelum ini kita telah mengupas ciri-ciri suami pilihan, maka kali ini kita akan mengupas pula ciri-ciri isteri pilihan. Artikel ini ditujukan kepada bakal suami tentang apakah ciri-ciri isteri yang patut dia pilih, juga kepada bakal suami yang sudah ada calon isteri, maka ciri-ciri apakah yang patut dia didik calon isterinya itu. Tidak ketinggalan kepada wanita atau bakal isteri, ciri-ciri apakah yang sepatutnya dia melengkapi dirinya.

Pertama: Agama.

Ciri pertama yang penting ialah agama. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman dengan membuat perbandingan:

وَلَا أُمَّةٌ مُّؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِنْ مُشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ.

Sesungguhnya seorang hamba wanita yang beriman lebih baik daripada wanita kafir musyrik sekalipun keadaannya menarik hati kamu. [al-Baqarah 2:221]

Dalam perbandingan di atas, Allah menerangkan

bahawa seorang wanita yang berstatus rendah, amat rendah sehingga ke tahap budak hamba, adalah lebih baik asalkan dia beriman kepada Allah (mukminat). Justeru yang membezakan ciri baik dan buruk bukanlah kecantikan atau daya tarikan, tetapi nilai agama seorang wanita.

Perhatikan juga bahawa Allah tidak menyebut wanita Islam (Muslimat) tetapi menyebut wanita beriman (Mukminat). Ini kerana tahap seorang Mukminat lebih tinggi dari tahap seorang Muslimat. Maka untuk ciri pertama ini, ciri isteri pilihan bukanlah sekadar muslimat yang biasa-biasa tetapi muslimat yang memiliki ilmu agama, beriman dengan teguh dan menterjemahkan ilmu dan keimanannya kepada amal shalih sehari-harian. Berkenaan ciri agama ini, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga pernah bersabda:

تُنكَحُ الْمَرْأَةُ لِأَرْبَعٍ لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا فَاطْفُرْ
بِدَاتِ الدِّينِ تَرَبَّتْ يَدَاكَ.

*Seorang wanita dinikahi kerana empat sebab:
hartanya, keluarganya, kecantikannya dan agamanya.
Maka pilihlah kerana agamanya, jika tidak kamu akan rugi.*
[Shahih al-Bukhari, no: 4700/5090]

Kedua: Cantik.

Jangan terperanjat jika Islam mementingkan ciri kecantikan kepada seorang isteri. Rasulullah pernah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ.

Sesungguhnya Allah itu indah dan menyukai keindahan. [Shahih Muslim, no: 131/91] Kecantikan sebegitu penting sehingga Rasulullah menganjurkan seorang lelaki untuk melihat wanita pilihannya sebelum pergi melamar atau meminang. Baginda bersabda:

إِذَا خَطَبَ أَحَدُكُمْ الْمَرْأَةَ فَإِنْ اسْتَطَاعَ أَنْ يَنْظُرَ إِلَى مَا يَدْعُوهُ إِلَى نِكَاحِهَا فَلْيَفْعَلْ.

Apabila salah seorang dari kalian melamar wanita, maka selagi dia boleh melihat apa yang dapat mendorongnya untuk menikahinya, maka lakukanlah ia. [Shahih Sunan Abu Daud, no: 1783/2082]

Maksud kecantikan di sini ialah apa yang tulen, bukan kecantikan palsu umpama penggunaan alat solek. Bukan juga kecantikan yang menelan kos yang tinggi seperti pembedahan plastik, dandanan rambut di salon terkenal, penurunan berat

badan di pusat-pusat yang diragui keberkesannya dan pakaian fesyen terkini di butik yang berjenama.

Justeru mana-mana wanita yang ingin diperisterikan, bakal menjadi isteri dan sudah menjadi isteri, hendaklah menjaga kecantikan mereka dengan gizi pemakanan yang sihat, senaman dan keyakinan diri. Yakinlah bahawa semua wanita ciptaan Allah adalah cantik, hanya kecantikan itu akan dikecapi oleh lelaki yang tentu saja berbeza citarasanya antara satu dengan yang lain.

Ketiga: Menyenangkan Suami.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah ditanya tentang ciri-ciri isteri yang baik. Baginda menjawab:

الَّتِي تَسْرُهُ إِذَا نَظَرَ وَتُطِيعُهُ إِذَا أَمَرَ وَلَا تُخَالِفُهُ فِي نَفْسِهَا
وَمَا هِيَ بِمَا يَكْرَهُ.

Wanita yang membahagiakan (suaminya) jika dipandang, mentaatinya jika diperintahkan dan tidak menyelisihinya berkenaan dirinya dan hartanya dengan apa yang tidak disukai (oleh suami). [Shahih Sunan al-Nasa'e, no: 3179/3231]

Ciri seorang isteri pilihan ialah dia memberi ketenangan, kegembiraan dan kebahagiaan apabila saja suami melihatnya. Jika suami menyuruh dia melakukan sesuatu, dia akan melakukannya sekadar yang mampu dengan syarat suruhan itu selari dengan syari'at Islam. Jika bertentangan, maka isteri tidak perlu taat. Namun berbincanglah dengan suami secara hikmah kerana mungkin suami tidak tahu mengenainya.

Selain itu isteri tidak akan menyelisih, apatah lagi bertengkar atau memarahi, jika apa yang disukainya dibenci pula oleh suami. Ertinya, isteri berusaha untuk menyelaraskan kesukaannya dengan citarasa suami. Inilah yang dinamakan sehati, sejiwa.

Di sini mungkin ada yang bertanya, bahawa kenapa isteri mesti bersikap sehingga ke tahap demikian kepada suaminya? Apakah isteri tidak boleh bermuka muram, enggan taat dan memiliki pilihan tersendiri? Terhadap persoalan seperti ini atau yang seumpama, para isteri hendaklah sedar bahawa semua kebaikan yang dilakukan kepada suaminya, ia adalah ibadah kepada Allah. Dalam erti kata lain, suami merupakan sarana atau jalan untuk isteri beribadah kepada

Allah. Perlu diingatkan bahawa ibadah bukan sahaja solat, puasa dan zikir, tetapi berbuat baik kepada suami sebagaimana dalam hadis di atas.

Keempat: Pandai Mendidik Anak-Anak.

Tanggungjawab suami ialah di luar rumah mencari nafkah untuk isteri dan anak-anak. Tanggungjawab isteri pula di dalam rumah mendidik anak-anak dan menjaga rumah. Maka atas dasar pembahagian tugas seperti ini, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

صَالِحُ نِسَاءِ قُرَيْشٍ أَحْنَاهُ عَلَى وَلَدٍ فِي صِغَرِهِ وَأَرْعَاهُ عَلَى زَوْجٍ فِي ذَاتِ يَدِهِ.

Sebaik-baik wanita Quraisy adalah yang paling lembut dan simpati pada anak pada masa kecilnya dan paling boleh menjaga harta suaminya. [Shahih al-Bukhari, no: 4692/5082]

Mungkin ada pula yang bertanya, bahawa isteri juga bekerja di luar rumah. Maka kenapa mereka dipertanggungjawabkan untuk urusan anak-anak dan penjagaan rumah? Jawapannya, pekerjaan di luar rumah tidak diwajibkan oleh Islam ke atas isteri. Jika isteri bekerja di luar

rumah, maka ia adalah tanggungjawab tambahan yang dipilih oleh isteri itu sendiri. Jika isteri beralasan perlu mencari sumber kewangan tambahan untuk seisi keluarga, maka perlu ditanya kembali: “Apakah manusia pernah berkecukupan dalam urusan kewangan?”

Soal-Jawab Munakahat

Soalan 1: Tidak Minat Untuk Berkahwin.

Saya seorang wanita yang berumur 27 tahun. Saya ada satu cabaran, iaitu saya tidak minat kepada lelaki, apatah lagi untuk hidup bersama seorang lelaki sebagai pasangan suami isteri. Saya cuba membaca majalah Pengantin untuk mencari “minat” ke arah perkahwinan tetapi belum menemuinya. Boleh bantu cabaran saya ini? Azura, Ipoh.

Jawapan:

Bagi mencari minat kepada lelaki dan alam perkahwinan, anda perlu merujuk kepada tujuan penciptaan lelaki dan wanita yang oleh Allah. Allah *Subhanahu waTa'ala* telah berfirman:

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا
لِيَسْكُنَ إِلَيْهَا فَلَمَّا تَغَشَّاهَا حَمَلَتْ حَمْلًا خَفِيًّا فَمَرَّتْ بِهِ فَلَمَّا
أَثْقَلَتْ دَعَا اللَّهَ رَبَّهُمَا لَئِنْ آتَيْتَنَا صَالِحًا لَنُكَونَنَّ مِنَ الشَّاكِرِينَ.

Dialah (Allah) yang menciptakan kamu semua dari diri yang satu dan Dia mengadakan dari itu pasangannya (suami isteri) untuk bersenang-senang (antara) satu diri kepada yang lain. Ketika suami mencampuri isterinya, mengandunglah dia dengan kandungan yang ringan, serta teruslah dia dengan keadaan itu (ke suatu waktu). Kemudian ketika dia merasa berat (kandungannya itu) berdoalah suami isteri itu kepada Tuhan mereka (dengan berkata): Sesungguhnya jika Engkau (Allah) mengurniakan kami nikmat yang baik, tentulah kami menjadi orang-orang yang bersyukur. [al-A'raaf 7:189]

Dalam ayat di atas, Allah menerangkan bahawa dia menciptakan manusia ini sebagai lelaki dan wanita, dengan hikmah agar mereka hidup bersenang-senang di antara satu sama lain sebagai suami isteri. Kemudian Allah menerangkan hikmah seterusnya, iaitu pasangan itu akan mendapat anak yang dengan itu akan berterusanlah zuriat manusia di bumi ini.

Berdasarkan ayat al-Qur'an di atas serta banyak yang lain, seseorang itu dapat menyadari bahawa kehidupan di dunia ini bukanlah secara rambang atau sesuka hati, akan tetapi memiliki tujuan dan hikmah oleh penciptanya, iaitu Allah. Di antaranya ialah kehidupan dalam suasana suami isteri dan memiliki anak. Apabila kita berusaha untuk berkahwin dan seterusnya berusaha untuk menjayakan kehidupan di alam perkahwinan sehingga ke akhir hayat atas kesedaran bahawa ia adalah tujuan Allah mencipta kita, maka ia termasuk dalam ruang lingkup beribadah kepada Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ.

Dan Aku (allah) tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka beribadat kepada-Ku. [al-Zariyat 51:56]

Oleh itu perkahwinan bukan sekadar tujuan penciptaan manusia tetapi merupakan perintah daripada yang menciptanya. Allah berfirman kepada ibubapa dan tuan-tuan yang memiliki hamba:

وَأَنْكِحُوا الْأَيَامَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِنَّ

يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِيهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ.

Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu dan orang-orang yang shalih dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya kerana Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan kurnia-Nya), lagi Maha Mengetahui.
[al-Nur 24:32]

Apabila seseorang itu tidak berminat kepada lelaki, mungkin ada faktor-faktor di bawah sedar yang menghalanginya. Antaranya, sikap ayah, pakcik atau jiran yang tidak disenangi sejak kecil, pengalaman lama bersama rakan lelaki yang tidak jujur dan suasana kebanyakan lelaki masa kini yang tidak bertanggungjawab. Andai ini benar, maka ketahuilah bahawa kaum lelaki itu berbagai-bagai sikapnya, ada yang baik dan jahat, ada yang jujur dan khianat, ada yang bertanggungjawab dan lalai. Maka berusaha mencari yang terbaik, nescaya anda menemuinya.

Apabila seseorang itu tidak berminat kepada alam perkahwinan, mungkin ada faktor-faktor di bawah sedar yang mempengaruhinya. Seperti alam rumahtangga ibubapa atau

saudara-mara yang porak peranda, suami atau isteri yang dizalimi oleh pasangannya, suasana kos kehidupan yang tinggi dan tidak dilupai, kos perkahwinan yang tinggi. Andai ini benar, maka faktor-faktor di atas boleh diminimumkan jika pasangan memainkan peranan masing-masing berdasarkan ilmu dan kesabaran.

Akhir sekali jangan lupa berdoa kepada Allah, agar Allah memberikan anda minat kepada lelaki dengan cara yang syar'e, menemui calon suami yang terbaik dan dapat bersenang-senang dengannya di alam perkahwinan.

Soalan 2: Berhutang Duit Mahar dan Haji Badal.

Bolehkah saya menggunakan duit mahar yang diberikan oleh tunang saya sebagai upah haji (haji badal) untuk arwah ibu saya? Ini kerana saya mengetahui tunang saya itu telah berhutang untuk memberikan duit mahar tersebut. Mimi, Johor Bahru.

Jawapan:

Jika yang dimaksudkan sebagai mahar ialah mas kahwin, maka ia hanya menjadi hakmilik penuh isteri selepas

pernikahan dan selepas dirinya disetubuhi oleh suaminya. Jika yang dimaksudkan sebagai mahar ialah duit belanja kahwin atau duit hantaran, maka duit itu sepatutnya digunakan untuk perkahwinan dan kelengkapan selepas perkahwinan.

Adapun haji badal, ada beberapa perkara yang mesti diperhatikan:

Pertama: Jika ibu anda sudah menunaikan haji maka tidak ada tuntutan untuk melaksanakan haji badal ke atasnya. Ini kerana haji hanya wajib sekali dalam seumur hidup manakala selebihnya sunat. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah berkhotbah:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ، كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْحُجُّ. قَالَ: فَقَامَ الْأَفْرَعُ بْنُ حَابِسٍ، فَقَالَ: أَيْ كُلِّ عَامٍ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ فَقَالَ: لَوْ قُلْتُمْهَا لَوَجَبَتْ، وَلَوْ وَجَبَتْ لَمْ تَعْمَلُوا بِهَا، وَلَمْ تَسْتَطِيعُوا أَنْ تَعْمَلُوا بِهَا، الْحُجُّ مَرَّةً، فَمَنْ زَادَ فَهُوَ تَطَوُّعٌ.

“Wahai manusia, telah diwajibkan ke atas kalian haji.” Lalu *al-Aqra’ bin Habis* berdiri dan berkata: *“Apakah setiap tahun wahai Rasulullah?”* Baginda bersabda: *“Seandainya aku katakan (ya), nescaya akan*

menjadi wajib (setiap tahun) dan bila itu diwajibkan, kalian tidak akan melakukannya dan tidak mampu melaksanakannya. Haji itu hanya sekali, barangsiapa yang menambah maka itu adalah sunat.” [Musnad Ahmad, no: 2510/2642]

Kedua: Jika ibu anda belum pernah menunaikan haji kerana tidak mampu, maka tidak ada lagi kewajipan haji ke atasnya. Ini kerana haji hanya wajib ke atas orang yang mampu sebagaimana firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا.

Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu bagi sesiapa yang mampu sampai kepadanya. [Ali Imran 3:97]

Ketiga: Jika ibu anda mampu tetapi tidak sempat menunaikan haji, maka anda boleh menunaikan haji badal untuknya dengan syarat anda sendiri telah menunaikan haji. Berkenaan perkara ketiga ini, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah menemui seorang sahabat yang melaksanakan haji bagi pihak saudaranya yang bernama Syubrumah. Lalu baginda bertanya: *“Apakah kamu telah*

melaksanakan haji untuk dirimu sendiri?” Dia menjawab: “Belum.” Baginda seterusnya bersabda: “Laksanakan haji untuk dirimu, kemudian berhajilah untuk Syubrumah.”
[*Shahih Sunan Abu Daud*, no: 1546/1811]

Merujuk kepada hutang, maka boleh menunaikan haji atau haji badal dengan cara berhutang. Akan tetapi amat tidak digalakkan berhutang untuk berkahwin sebagaimana tindakan bakal tunang anda, sebab kos kehidupan selepas perkahwinan akan menambah beban pembayaran hutang itu. Maka jika anda ada kelebihan kewangan dan redha, maka lebih baik menggunakan kelebihan itu untuk bantu bakal tunang lunaskan hutang selepas perkahwinan anda berdua.

Nyalakan Asap Anda

Manusia ialah makhluk yang berkomunikasi. Bahkan jika tanpa komunikasi manusia akan kerap terasa sunyi lagi bosan. Oleh itulah sejak awal manusia telah membuat pelbagai cara komunikasi, dengan masing-masing tamadun memiliki abjad dan bahasa tersendiri. Malah jauh sebelum itu dalam suasana ketiadaan abjad dan kaedah penulisan tertentu, manusia melukis di dinding-dinding gua dan mengukir di atas batu simbol-simbol yang memiliki maksud tertentu (*Petroglyphs*), semuanya atas sebab untuk berkomunikasi.

Manusia tidak berasa puas untuk berkomunikasi sesama mereka yang hadir di satu tempat tetapi ingin meluaskannya, memanjangkannya kepada rakan, saudara dan kumpulan manusia yang lain. Maka manusia memikirkan cara komunikasi jarak jauh, antara yang masyhur ialah menggunakan burung. Secebis nota diikat di kaki burung merpati dan burung itu kemudiannya “disuruh” terbang kepada orang yang hendak disampaikan nota tersebut.

Ada juga yang menggunakan api dan asap. Penduduk

peribumi *Indian* benua Amerika Utara misalnya, mereka berkomunikasi dengan asap. Satu kelompok *Indian* berkomunikasi dengan menyalakan api agar asapnya dapat dilihat oleh kelompok *Indian* yang lain. Jika api dinyalakan di pertengahan lereng bukit, ertinya semua baik di kelompok itu. Namun jika api dinyalakan di puncak bukit, ertinya ada sesuatu yang tidak baik dan memerlukan perhatian.

Pada masa kini – *alhamdulillah* – kita tidak mengukir di dinding atau menyalakan api. Kita memiliki pelbagai sarana komunikasi yang canggih, bahkan terlalu pelbagai sehingga adakalanya seseorang itu terfikir-fikir cara apakah yang hendak dipilihnya. Adakah dengan panggilan talifon, pesanan ringkas (SMS), emel, *chat* atau rangkaian sosial?

Komunikasi Suami-Isteri.

Sekalipun dengan kepelbagaian sarana komunikasi yang ada pada zaman kita kini, di antara manusia ada yang enggan atau sukar untuk berkomunikasi. Fokus saya terhadap kenyataan ini ditujukan kepada pasangan suami isteri. Sebelum bernikah, komunikasi begitu rancak lagi kerap. Semua sarana komunikasi digunakan, bahkan adakalanya satu mesej yang sama disampaikan melalui dua atau lebih cara

komunikasi.

Akan tetapi sayang sekali, selepas bernikah kadar komunikasi semakin menurun lagi merudum. Padahal sepatutnya selepas bernikah – iaitu apabila hubungan lelaki dan wanita telah dihalalkan oleh agama – komunikasi sepatutnya bersifat rancak lagi kerap. Apatah lagi jika ia melibatkan sesuatu perkara yang tidak disenangi oleh suami mahupun isteri, penting untuk disampaikan apa yang tidak disenangi itu dan berbincang cara mengatasinya. Jangan mendiamkannya kerana lambat-laun ia akan “meletup” menjadi satu pergaduhan. Usah sekadar memaafkannya kerana ia akan terus berulang sehingga kemaafan beralih menjadi persengketaan.

Di sini suka saya berkongsi sebuah hadis sahih berkenaan komunikasi di antara Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan isterinya A'isyah *radhiallahu 'anha*. A'isyah menerangkan pada satu malam baginda keluar dari rumahnya dan ini menyebabkan dia merasa cemburu. Kemudian Rasulullah kembali ke rumah dan mendapati dia sedang dalam keadaan yang cemburu. Lalu baginda bertanya:

“Apa jadi kepada kamu wahai A'isyah? Adakah

kamu cemburu?”

“Takkanlah aku tidak cemburu kepada orang sepertimu?”

Kemudian Rasulullah melanjutkan: “Apakah telah datang kepadamu syaitan kamu?”

“Wahai Rasulullah! Apakah bersama aku ada syaitan?”

“Ya.”

“Dan (apakah syaitan itu ada) pada setiap manusia?”

“Ya.”

(Apakah syaitan juga) bersama kamu wahai Rasulullah?”

“Ya, akan tetapi Tuhanku telah menolongku darinya sehingga aku selamat dari gangguannya.” [Shahih Muslim, no: 5035/2815]

Dalam kisah di atas, A'isyah tidak menyenangi tindakan Rasulullah keluar pada malam hari. Bahkan A'isyah merasa cemburu kalau-kalau Rasulullah keluar untuk pergi ke rumah isteri baginda yang lain. Sekembalinya ke rumah,

Rasulullah dapat mengesan keadaan A'isyah lalu terus berkomunikasi tanpa lengah. A'isyah juga menyambut komunikasi suaminya itu tanpa lengah juga. Melalui saling berkomunikasi tersebut, A'isyah dapat belajar bahawa setiap manusia memiliki syaitan yang mengikutinya dan syaitan inilah yang menyucuk sifat-sifat buruk ke dalam diri seseorang, termasuklah sifat cemburu dan berburuk sangka kepada suami.

Bayangkan jika Rasulullah dan A'isyah tidak berkomunikasi segera dalam kes di atas. Bayangkan jika sekembalinya ke rumah, Rasulullah meneruskan urusan peribadinya tanpa memberi perhatian kepada air muka dan *body language* A'isyah yang sedang cemburu saat itu. Bayangkan jika A'isyah pula yang merajuk seribu bahasa atau cuba memendam perasaan cemburu kepada tindakan Rasulullah. Syaitan akan terus menyucuk A'isyah dengan sifat cemburu dan buruk sangka sehingga akhirnya berlaku pergaduhan di antara beliau dan Rasulullah.

Oleh itu hadis di atas, selain menerangkan kehadiran dan peranan syaitan bagi setiap manusia, juga menerangkan kepentingan untuk segera berkomunikasi apabila timbul

sesuatu yang tidak menyenangkan pada diri suami mahupun isteri.

Di Sebalik Kecanggihan Komunikasi Masa Kini.

Seperti yang saya nyatakan di atas, kita pada zaman ini memiliki pelbagai cara atau sarana komunikasi. Para ahli komunikasi juga telah menulis buku-buku yang mengajar kita cara mengesan komunikasi melalui air muka dan gerak badan (*body language*). Semua ini dapat membantu kita berkomunikasi dengan syarat kita sendiri ingin berkomunikasi.

Ketahuilah di sebalik semua kecanggihan dan ilmu ini, ia masih tidak dapat mengeluarkan apa yang terdapat di dalam hati dan fikiran manusia. Manusalah yang perlu mengambil inisiatif untuk menyampaikan – yakni berkomunikasi – apa yang di dalam hati dan fikiran kepada pasangannya. Pada waktu yang sama pasangan perlu memberi perhatian kepada apa yang cuba disampaikan, bahkan lebih baik jika dia mengorak langkah untuk terlebih dahulu berkomunikasi apabila mengesan sesuatu yang tidak kena dengan *body languagenya*.

Kesimpulannya, sesama suami-isteri hendaklah belajar berkomunikasi, berani berkomunikasi dan segera

berkomunikasi. Jika salah seorang ingin berkomunikasi namun tidak mendapat perhatian daripada pasangannya, maka nyalakanlah asap di tempat yang tinggi. Cara berkomunikasi dengan asap tidak terhad kepada kaum *Indian* Amerika Utara zaman dahulu sahaja.

Soal Jawab Munakahat

Soalan 1: Perjanjian Pra-Perkahwinan.

Seorang rakan saya memberitahu bahawa Islam membolehkan perjanjian pra-perkahwinan. Benarkah? Setahu saya ini hanya diamalkan oleh orang-orang di negara Barat.

Jawapan:

Benar, Islam membolehkan perjanjian pra-perkahwinan. Secara umumnya dua atau lebih umat Islam boleh membuat perjanjian di antara mereka berkenaan sesuatu perkara dan semua pihak terbabit hendaklah mematuhiinya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

وَالْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ إِلَّا شَرْطًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ

حَرَامًا.

Kaum muslimin berada di atas syarat-syarat (yang dipersetujui di antara mereka) kecuali syarat yang mengharamkan apa yang halal atau menghalalkan apa yang diharamkan (di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah). [Shahih Sunan al-Tirmizi, no: 1272/1352]

Di antara perjanjian tersebut, yang paling utama untuk dipatuhi ialah perjanjian pra-perkahwinan. Berkenaan hal ini Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

أَحَقُّ الشُّرُوطِ أَنْ تُوفُوا بِهِ مَا اسْتَحَلَلْتُمْ بِهِ الْفُرُوجَ.

Syarat (perjanjian) yang paling layak untuk kalian penuhi ialah apa yang menghalalkan faraj isteri kalian (pernikahan). [Shahih al-Bukhari, no: 2520/2721]

Berdasarkan hadis ini, para ilmuan menyatakan bahawa dibolehkan membuat perjanjian pra-perkahwinan. Akan tetapi sah atau tidak perjanjian itu terbahagi kepada tiga kategori:

- **Pertama:** Kandungan perjanjian selari dengan syari'at Islam, seperti isteri mensyaratkan nafkah minima RM500 setiap bulan dan suami mensyaratkan isteri menyusui badan apabila dikurniakan anak kelak.

Perjanjian yang mengandungi syarat-syarat yang selari dengan syari'at Islam adalah sah. Tujuan syarat-syarat ini, sekalipun ia pada asalnya sudah digariskan oleh syari'at Islam, adalah bagi memastikan kedua-dua pasangan melaksanakan tanggungjawab mereka di alam perkahwinan kelak. Ini penting kerana kerap kali seorang atau kedua-dua pasangan mengabaikan tanggungjawab masing-masing selepas beberapa tahun berkahwin.

- **Kedua:** Kandungan perjanjian yang menyelisihi syari'at Islam, seperti isteri mensyaratkan bahawa dirinya tidak dimadu oleh suami dan suami mensyaratkan isterinya untuk tidak menutup aurat. Perjanjian yang mengandungi syarat-syarat yang menyelisihi syari'at Islam adalah tidak sah. Perhatikan penghujung hadis yang telah dikemukakan sebelum ini: ***Kaum muslimin berada di atas syarat-syarat (yang dipersetujui di antara mereka) kecuali syarat yang mengharamkan apa yang halal atau menghalalkan apa yang diharamkan (di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah).*** [Shahih Sunan al-Tirmizi, no: 1272/1352]

- **Ketiga:** Kandungan perjanjian terdiri dari perkara-perkara yang dibiarkan terbuka oleh syari'at Islam, seperti isteri mensyaratkan agar suami membenarkannya menyambung pengajian dan suami mensyaratkan isteri untuk duduk di daerah pilihannya. Perjanjian seperti ini adalah sah dan masing-masing pihak hendaklah memenuhinya.

Perkara penting yang perlu diperhatikan adalah, sekalipun Islam membolehkan perjanjian pra-perkahwinan, ia tidak bererti Islam menganjurkan perjanjian yang memberatkan salah satu atau kedua-dua pasangan. Kehidupan pasangan suami isteri ialah berbincang dan membuat keputusan bersama secara harmoni. Keputusan itu pula boleh berubah apabila suasana dan keadaan berubah, bererti ia sentiasa dinamik. Oleh itu sekalipun perjanjian pra-perkahwinan dibolehkan, ia bukanlah sijil yang dapat menjamin kebahagiaan kedua-dua pasangan.

Soalan 2: Pertunangan Jarak Jauh.

Jika gadis yang ingin saya pinang berada pada jarak yang jauh, bolehkah saya meminangnya melalui talifon atau

emel sahaja? Kedudukan kami berdua yang agak jauh menyukarkan ibubapa kami untuk saling bertemu dan membuat majlis pertunangan.

Jawapan:

Pinangan, lamaran atau pertunangan merupakan salah satu jalan ke arah pernikahan dan ia dibolehkan oleh Islam. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا عَرَّضْتُمْ بِهِ مِنْ خِطْبَةِ النِّسَاءِ...

Dan tidak ada dosa bagi kamu meminang wanita-wanita itu... [al-Baqarah 2:235] Pinangan ialah pernyataan hajat seseorang untuk menjadikan seseorang itu pasangan hidupnya. Lelaki boleh meminang perempuan dan perempuan boleh meminang lelaki. Ia boleh disampaikan secara terus, melalui orang tengah dan melalui wali pihak perempuan. Walaubagaimanapun pinangan bukanlah syarat sah pernikahan. Oleh itu boleh bernikah andai sebelum itu tidak ada sebarang proses pinangan, lamaran atau pertunangan.

Merujuk kepada soalan di atas, boleh meminang, melamar atau bertunang dengan gadis pilihan anda melalui apa jua cara komunikasi. Seterusnya hendaklah memberi

tempoh waktu bagi gadis tersebut mempertimbang dan membincangkannya dengan ibubapa serta orang-orang yang dipercayainya.

Di sini terdapat satu hukum penting, iaitu selagi mana gadis tersebut belum menyatakan kata setuju untuk menerima pinangan anda (dia masih mempertimbangkannya), lelaki lain boleh masuk meminangnya. Apabila gadis tersebut telah menyatakan persetujuannya menerima pinangan anda, maka lelaki lain dilarang masuk meminang. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menegaskan:

المُؤْمِنُ أَخُو الْمُؤْمِنِ فَلَا يَحِلُّ لِلْمُؤْمِنِ أَنْ يَبْتَاعَ عَلَى بَيْعِ
أَخِيهِ وَلَا يَخْطُبَ عَلَى خِطْبَةِ أَخِيهِ حَتَّى يَذَرَ.

Orang Mukmin adalah saudara Mukmin lainnya, maka tidak halal bagi seorang Mukmin membeli barang yang telah dibeli (dipesan) saudaranya, dan tidak halal meminang pinangan saudaranya sebelum ia ditinggalkan (sebelum pinangan itu diputuskan). [Shahih Muslim, no: 2536/1414]

Penjelasan di atas mewakili cara pinangan, lamaran atau pertunangan dalam Islam. Adapun perjumpaan kaum

keluarga pihak lelaki dengan pihak perempuan serta pelbagai upacara yang mengikutinya, maka ia hanya adat masyarakat. Di dalam adat ini ada yang baik lagi selari dengan Islam, seperti pertemuan di antara ibubapa pihak lelaki dan pihak perempuan. Pertemuan ini menandakan keredhaan ibubapa terhadap pernikahan yang bakal berlangsung ke atas anak-anak mereka dan keredhaan ini memang ditekankan oleh Islam sebagaimana jelas Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

رَضِيَ الرَّبُّ فِي رَضَى الْوَالِدِ وَسَخَطُ الرَّبِّ فِي سَخَطِ الْوَالِدِ.

Keredhaan Allah terletak pada keredhaan ibubapa manakala kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan ibubapa. [Shahih Sunan al-Tirmizi, no: 1821/1899]

Ada pun apa yang mengikutinya seperti dulang-dulang hantaran yang menelan belanja tinggi dan majlis besar-besaran, ia merupakan satu pembaziran yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Sekali pun dirasakan perlu membuat majlis pertunangan, maka buatlah yang sederhana lagi selari dengan kedudukan kewangan ibubapa kedua-dua pihak. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ
فَتَقْعَدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا.

Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu (kedekut) dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya (boros) kerana akibatnya akan tinggallah engkau dengan keadaan yang tercela (kerana sikap kedekut itu) dan menyesal (kerana sikap boros itu). [al-Isra' 17:29]

Terakhir, jika lokasi ibubapa anda dan ibubapa gadis yang bakal anda pinang adalah jauh sehingga sukar bagi mereka saling bertemu, maka tidak perlu meminang gadis tersebut. Ini kerana jika anda hajatkan gadis yang jauh, maka usahakanlah agar ibubapa dapat saling bertemu. Jika anda enggan berusaha maka usah dipinang gadis yang jauh-jauh. Memadailah dengan yang berdekatan dengan kampung halaman anda.

Aku Minat Kepada Dia...

Apabila anda telah menemui calon pasangan hidup yang dirasakan sesuai, agaknya apakah cara yang ditunjukkan oleh Islam untuk melamarnya? Apakah kita akan mengikuti budaya orang Barat melalui filem-filem mereka, bahawa pihak lelaki akan turun berdiri di atas sebelah lututnya menghadap calon wanitanya, membuka bekas yang tersimpan kemas sebuah cincin berlian lalu melamar: "*Will you marry me?*" Calon wanita akan menjawab: "*Yes I do!*" Kemudian mereka akan berpelukan dan berciuman tanda kegembiraan.

Tentu saja para pembaca yang budiman sekalian tidak akan melamar dengan cara di atas sebab pelukan dan ciuman adalah haram di antara lelaki dan wanita selagi mana mereka belum bernikah. Lalu apakah cara yang ditunjukkan oleh Islam? Insya-Allah melalui artikel ini saya akan berkongsi cara-cara, dimulakan dengan cara lelaki melamar calon isterinya.

Lelaki Melamar Calon Isteri.

Cara pertama lagi yang terbaik ialah lelaki melamar

melalui wali – yakni ayah – calon isterinya. Lelaki akan menemui wali secara berhadapan (*face to face*) lalu meminta izin dan keredhaan beliau untuk menjadikan anak perempuannya sebagai isteri. Cara ini ditunjukkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* apabila baginda ingin menikahi A'isyah binti Abu Bakar. Rasulullah pergi menemui ayahnya – Abu Bakar as-Shiddiq – lalu menyatakan hajatnya untuk menikahi puteri beliau – A'isyah. Kisah ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab *Shahihnya*, hadis no: 4691/5081.

Cara kedua, lelaki menggunakan orang tengah untuk melamar terus kepada calon isterinya. Cara kedua ini sesuai jika wanita tersebut sudah dewasa atau janda berbanding cara pertama yang sesuai untuk wanita muda atau masih dara. Cara kedua ini ditunjukkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* apabila baginda ingin menikahi Umm Salamah. Baginda mengutuskan Hathib bin Abi Balta'ah untuk melamar Umm Salamah yang ketika itu baru kematian suaminya. [*Shahih Muslim*, no: 1525/918]

Wanita Melamar Calon Suami.

Islam membolehkan wanita mengorak langkah

pertama untuk melamar calon suami yang dirasakan sesuai. Wanita Islam tidak semestinya duduk dan tunggu lelaki datang melamarnya, bagaikan menunggu jodoh datang bergolek kepadanya.

Cara pertama lagi terbaik ialah memintakan wali – yakni ayah – untuk melamar calon suaminya. Cara ini pernah ditunjuk oleh al-Qur'an, ketika seorang ayah berkata kepada Nabi Musa:

إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أُنكِحَكَ إِحْدَى ابْنَتَيَّ.

Aku hendak mengahwinkanmu dengan salah seorang dari dua anak perempuanku ini. [al-Qashash 28:27] Ayat di atas menunjukkan bagaimana seorang wali melamar anak perempuannya kepada seorang lelaki. Oleh itu jika seorang wanita itu ingin melamar calon suaminya, dia boleh – malah patut – meminta agar walinya melamar calon suami tersebut.

Cara kedua ialah meminta orang tengah untuk melamar calon suami. Ini merujuk kepada tindakan Rasulullah yang menggunakan Hathib bin Abi Balta'ah untuk melamat Umm Salamah. Penggunaan orang tengah bukan

sahaja bagi lelaki melamar calon isteri tetapi boleh juga bagi wanita melamar calon suami.

Apabila memilih orang tengah, pilihlah orang yang berpengalaman dalam hal ehwal rumahtangga, pandai memberi nasihat, mengenali calon yang bakal dilamar dan amanah menjaga rahsia. Ciri-ciri ini membolehkan orang tengah tersebut menilai sama ada lamaran yang dicadangkan itu sesuai atau tidak dan apa-apa perkara-perkara tambahan yang perlu diperhatikan oleh kedua-dua bakal suami-isteri. Jangan memilih orang tengah yang sebarangan, dibimbangi mudarat melebihi manfaat dalam proses lamaran tersebut.

Cara ketiga ialah wanita melamar terus calon suaminya. Sahl bin Sa'ad menerangkan bahawa seorang wanita pernah datang menawarkan dirinya menjadi isteri Rasulullah. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak menerima lamaran tersebut, namun tidak menegur atau menasihati sikap wanita tersebut yang dengan berani melamar terus kepada baginda. [*Shahih Muslim*, no: 2554/1425]

Mungkin ada yang berpendapat seorang wanita patut memiliki sikap malu untuk melamar terus calon suaminya. Pendapat ini perlu dibetulkan bahawa seseorang itu tidak

sepatutnya malu-malu melakukan apa yang halal lagi dibolehkan oleh agama. Sikap malu hanyalah terhadap apa yang dilarang dan ditegah oleh agama. Berkenaan sikap malu ini, Anas bin Malik menerangkan:

جَاءَتْ امْرَأَةٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَعْرِضُ عَلَيْهِ نَفْسَهَا قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلَيْكَ بِي حَاجَةٌ. فَقَالَتْ بِنْتُ أَنَسٍ: مَا أَقَلَّ حَيَاءَهَا وَاسْوَأَاتَاهُ وَسَوَأَاتَاهُ. قَالَ: هِيَ خَيْرٌ مِنْكَ رَغَبْتَ فِي النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَعَرَضْتَ عَلَيْهِ نَفْسَهَا.

“Ada seorang wanita datang kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam lalu menawarkan dirinya kepada baginda (untuk dijadikan isteri).” Wanita itu berkata: “Wahai Rasulullah, adakah anda berhasrat padaku?” Anak perempuan Anas (yang turut hadir saat itu) berkata: “Alangkah sedikitnya rasa malu dia.” Anas berkata: “Wanita itu lebih baik berbanding kamu sebab dia suka kepada Nabi shallallahu 'alaihi wasallam sehingga dia menawarkan dirinya kepada baginda.” [Shahih al-Bukhari, no: 4726/5120]

Oleh itu seorang wanita boleh melamar terus kepada calon suaminya jika dia yakin tindakannya itu akan tetap

menjaga maruahnya dan lamaran tersebut akan diberi pertimbangan serius oleh calon lelaki tersebut. Sebaliknya jika lamaran secara terus akan menjadikan wanita itu sebagai subjek gossip dan lawak jenaka, maka lebih baik beralih ke cara pertama dan kedua yang diterangkan di atas.

Konflik Ibumama.

Agak kerap kita mendengar dua insan yang ingin berkahwin menghadapi rintangan ibumama. Ibu atau bapa dari salah satu atau kedua-dua pihak tidak setuju dengan calon pilihan anak mereka. Mengapakah ini berlaku? Salah satu sebab utama ialah anak-anak membuat keputusan memilih calon dan melamarnya menjadi pasangan hidup tanpa pengetahuan, perbincangan dan keredhaan ibumama terlebih dahulu. Ibumama hanya dibawa masuk setelah semua pilihan, lamaran dan keputusan dibuat.

Sikap seperti ini oleh anak-anak – sekali pun mereka sudah dewasa – menyebabkan ibumama merasakan diri mereka tidak dihormati apatah lagi dipedulikan. Maka ini sedikit sebanyak menyumbang kepada keberatan mereka untuk menerima calon pilihan anak mereka sebagai bakal menantu.

Atas dasar inilah Islam sejak awal mengajar anak-anak

peranan wali dalam lamaran. Sekali pun anak-anak boleh melamar secara terus, ia lebih tertumpu kepada kes anak yang sudah berpengalaman dalam hidup seperti duda dan janda. Ada pun bagi kebanyakan orang muda, maka melamar melalui wali calon pasangan adalah cara yang terbaik lagi memudahkan segala urusan selepas itu.

Soal-Jawab Munakahat

Soalan 1: Tanggungjawab Isteri Di Rumah.

Dalam rangka membuat persediaan sebagai seorang isteri, saya terbaca beberapa pendapat berkenaan tanggungjawab isteri di rumah. Satu pendapat mengatakan tanggungjawab isteri hanyalah melayan kehendak seks suami manakala selainnya adalah tanggungjawab suami. Maka suamilah menguruskan kerja-kerja rumah seperti mengemas, memasak, membasuh pakaian dan menyapu lantai. Atau pilihan lain, suami menyediakan pembantu rumah untuk menguruskan kerja-kerja rumah. Pendapat kedua mengatakan tanggungjawab isteri ialah menguruskan kerja-kerja rumah. Pendapat manakah yang benar dalam Islam?

Jawapan:

Dalam Islam, apabila kita berhadapan dengan dua atau lebih pendapat berkenaan hukum agama, maka penyelesaiannya ialah mengambil pendapat yang paling menepati al-Qur'an dan Sunnah. Ini dijelaskan sendiri oleh Allah *Subhanahu waTa'ala*:

فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا.

Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya jika kamu benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya. [al-Nisa 4:59]

Merujuk kepada soalan di atas, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْأَمِيرُ رَاعٍ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ زَوْجِهَا وَوَلَدِهِ فَكُلُّكُمْ رَاعٍ

وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

“Setiap daripada kalian adalah pemimpin dan setiap daripada kalian akan dipersoal akan apa yang dipimpinnya. Seorang amir adalah pemimpin (kepada rakyatnya), seorang lelaki adalah pemimpin ke atas ahli keluarganya dan seorang wanita adalah pemimpin ke atas rumah suaminya dan anak-anaknya. Maka setiap daripada kalian adalah pemimpin dan setiap daripada kalian akan dipersoal akan apa yang dipimpinnya.” [Shahih al-Bukhari, no: 4801/5200]

Dalam hadis di atas, nyata bahawa Islam telah meletakkan tanggungjawab kepimpinan urusan rumah dan anak-anak ke atas seorang isteri. Maka sebagai pemimpin, isterilah yang bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja rumah. Tentu saja suami membantu sama, akan tetapi bantuan suami lebih dari aspek penyediaan nafkah – yakni belanja kewangan untuk kelengkapan rumah, peralatan menguruskan kerja rumah dan barangan pasar serta runcit. Penyediaan nafkah belanjawan ini merupakan tanggungjawab yang diwajibkan ke atas suami sebagaimana firman Allah:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى
بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ.

“Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan sebahagian dari harta mereka (ke atas keluarga yang menjadi tanggungannya).” [al-Nisa’ 4:34]

Adapun pembantu rumah, ia tidak termasuk tanggungjawab atau sebahagian dari nafkah suami. Ketika Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memperolehi beberapa tawanan perang, anaknya – Fathimah – datang mengadu tentang tangannya yang menjadi kasar (atau keletihan) kerana menguli tepung bagi membuat roti untuk suaminya, Ali bin Abi Thalib. Fathimah amat berharap Rasulullah dapat memberikan salah seorang tawanan perang untuk dijadikan pembantu rumahnya. Namun Rasulullah tidak memberikan, sebaliknya mengajar beberapa kalimah zikir berupa *Subhanallah* (33 kali), *Alhamdulillah* (33 kali) dan *Allahu Akbar* (34 kali) untuk dibaca sebelum tidur. [*Shahih*

al-Bukhari, no: 4942/5361]

Berdasarkan hadis ini, seandainya menguruskan kerja-kerja rumah bukan tanggungjawab seorang isteri, tentu Rasulullah akan menerangkannya kepada Fathimah. Seterusnya baginda akan memberikan salah seorang tawanan perang yang diharapkan, menyuruh Ali bin Abi Thalib menguruskan kerja-kerja rumah atau menyuruh Ali mengupah seorang pembantu rumah.

Dalam sebuah hadis lain, Jabir bin Abdullah mengkhabarkan kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bahawa dia baru menikahi seorang janda. Apabila Rasulullah bertanya kenapa janda yang menjadi pilihannya, Jabir menjawab bahawa ayahnya baru meninggal dunia dan beliau memerlukan seorang yang wanita dewasa bagi mengurus dan mendidik adik-beradik perempuannya. Rasulullah bersetuju dengan keputusan beliau itu dengan bersabda:

فَبَارَكَ اللَّهُ لَكَ.

Semoga Allah memberkati kamu. [*Shahih Muslim*, no: 2664/715] Dalam hadis ini sekali lagi terdapat petunjuk di

mana tanggungjawab seorang isteri ialah di rumah mengurus dan mendidik kanak-kanak. Seandainya tugas didikan bukan tanggungjawab isteri, tentu Rasulullah akan membetulkan keputusan Jabir.

Demikian beberapa hadis sahih yang sempat saya kemukakan secara ringkas bagi menerangkan bahawa tanggungjawab isteri ialah menguruskan kerja-kerja rumah. Pendapat yang mengatakan tanggungjawab isteri hanyalah melayan kehendak seks suami adalah tidak benar. Ia hanya merujuk kepada satu-dua hadis sambil mengabaikan banyak hadis yang lain. Terakhir, amat penting untuk para isteri dan bakal para isteri untuk tidak memandang kerja-kerja rumah sebagai sesuatu yang remeh lagi tidak berstatus. Sebaliknya pandanglah ia sebagai satu ibadah kepada Allah, satu ibadah yang sebenarnya agak mudah tetapi mampu menjana pahala yang besar.

Soalan 2: Kekurangan Bakal Isteri.

Saya baru mendapat tahu bahawa tunang saya pada zaman silamnya pernah terlanjur berzina. Sekalipun beliau sudah bertaubat dan berjanji tidak akan mengulangnya, saya

merasa berat untuk meneruskan pertunangan ini kepada alam rumahtangga. Saya bimbang ia akan berulang semula. Apa yang patut saya lakukan?

Jawapan:

Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman berkenaan orang yang bertaubat:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ.

Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertaubat dan mengasihi orang-orang yang mensucikan diri.

[al-Baqarah 2:222] Semua manusia pasti pernah melakukan kesalahan dan di antara mereka yang dikasihi oleh Allah ialah yang telah bertaubat dan berazam untuk tidak mengulangnya.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

كُلُّ بَنِي آدَمَ خَطَّاءٌ وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ.

Setiap anak Adam mempunyai kesalahan dan sebaik-baik orang yang bersalah adalah mereka yang sering bertaubat. [Shahih Sunan Ibn Majah, no: 4241/3447] Maka beruntunglah sesiapa yang menjadikan orang yang dikasihi Allah sebagai pasangan hidupnya.

Di sini saya faham bahawa agak berat untuk menerima seseorang yang pernah berzina sebagai pasangan hidup. Namun ketahuilah, tidak ada manusia yang sempurna. Anda mungkin akan menemui calon lain yang tidak pernah berzina tetapi dia tetap akan memiliki kekurangan dari sudut yang lain seperti panas baran, enggan solat, suka mengumpat dan gilakan harta. Bahkan kesukaran anda menerima orang yang sudah bertaubat sebenarnya adalah satu kekurangan pada pihak anda, maka mengapa anda ingin mencari pasangan yang sempurna padahal diri anda juga memiliki kekurangan.

Jika dapat membantu, maka saya sarankan anda perhatikan sejauh mana tunang anda bersungguh-sungguh untuk bertaubat. Jika beliau benar-benar insaf, menjauhi aktiviti yang boleh menghampirkan kepada zina dan istiqamah dengan amal shalih, maka dapat diyakini dia tidak akan mengulanginya semula selepas ini.

Perkahwinan: Pilihan Saya Atau Ibumama?

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda:

لَا نِكَاحَ إِلَّا بِوَالِيٍّ.

Tidak ada nikah kecuali dengan wali. [Shahih Sunan Abu Daud, no: 1785/2085] Apa yang baginda maksudkan dengan hadis di atas ialah, pernikahan adalah tidak sah tanpa izin wali. Hadis berikut memperincikan maksud hadis di atas:

أَيُّمَا امْرَأَةٍ نَكَحْتِ بِغَيْرِ إِذْنِ مَوْلِيَّهَا فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ.

Mana-mana wanita yang bernikah tanpa izin walinya maka pernikahan tersebut adalah batal (baginda mengulanginya tiga kali). [Shahih Sunan Abu Daud, no: 1784/2083] Maksud wali dalam hadis-hadis ini ialah ayah wanita yang akan bernikah itu.

Jika dua hadis di atas merujuk kepada anak perempuan, maka dua hadis berikut merujuk kepada anak lelaki pula. 'Abd Allah ibn 'Umar berkata:

كَانَتْ تَحْتِي امْرَأَةً وَكُنْتُ أُحِبُّهَا وَكَانَ عُمَرُ يَكْرَهُهَا فَقَالَ لِي
طَلِّقْهَا فَأَبَيْتُ فَأَتَى عُمَرُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَ ذَلِكَ لَهُ.
فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: طَلِّقْهَا.

*Aku pernah memiliki seorang isteri yang sangat aku
cintai akan tetapi ‘Umar (bin al-Khaththab, yakni ayahnya)
tidak menyukainya dan menyuruh aku menceraikannya.
Namun aku enggan. Maka ‘Umar membawa hal ini kepada
Nabi shallallahu 'alaihi wasallam dan menceritakan apa
yang berlaku. Nabi shallallahu 'alaihi wasallam menjawab
(kepada ‘Abd Allah ibn ‘Umar): “Ceraikanlah dia.” [Shahih
Sunan Abu Daud, no: 4472/5138]*

Dalam sebuah kes yang lain, Abu Darda’ berkata:

أَنَّ رَجُلًا أَتَاهُ فَقَالَ إِنَّ لِي امْرَأَةً وَإِنَّ أُمَّي تَأْمُرُنِي بِطَلَاقِهَا.
قَالَ أَبُو الدَّرْدَاءِ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:
الْوَالِدُ أَوْسَطُ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ فَإِنْ شِئْتَ فَأَضِعْ ذَلِكَ الْبَابَ أَوْ احْفَظْهُ.

*Bahawa seorang lelaki datang bertanya:
“Sesungguhnya aku memiliki seorang isteri akan tetapi ibu
aku menyuruhku menceraikannya.” Abu Darda menjawab:
“Aku mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam*

bersabda, ibubapa adalah pintu syurga yang paling tengah. Terserah kepada kamu (seorang anak) sama ada untuk mensia-siakan pintu itu atau memeliharanya.” [Shahih Sunan al-Tirmizi, no: 1822/1900]

Hadis-hadis di atas jelas menunjukkan kedudukan dan peranan ibubapa dalam pilihan calon pasangan bagi perkahwinan seorang anak. Secara lebih terperinci, hadis-hadis ini perlu dikupas dari dua sudut.

Sudut Pertama:

Ia adalah dari sudut keutamaan, di mana ia membuktikan betapa besar kedudukan dan peranan ibubapa terhadap kita sebagai anak sehingga ia juga menyentuh persoalan pasangan hidup. Memang, ibubapa tidak boleh memaksa kita berkahwin dengan pasangan yang tidak kita sukai. Akan tetapi pada waktu yang sama, kita juga tidak boleh memaksa ibubapa menerima menantu yang tidak disukai mereka. Ringkas kata, anak dan ibubapa tidak boleh saling memaksa dalam persoalan ini. Sebaliknya perlu sama-sama suka dan redha.

Timbul persoalan, bukankah yang berkahwin ialah anak? Maka kenapa pula perlu mendapatkan izin dan redha

ibubapa? Persoalan ini dapat dijawab seperti berikut:

1. Ibubapa adalah orang dewasa yang telah merasai asam garam kehidupan berumahtangga. Mereka memiliki pengetahuan yang luas, sama ada melalui pengalaman sendiri atau rakan-rakan, tentang apa yang dapat menjamin kebahagiaan rumahtangga dan apa yang tidak. Berbeza dengan kita sebagai anak-anak, yang dikenali hanyalah cinta. Lazimnya keputusan untuk berkahwin tidak didirikan atas apa-apa penilaian yang matang kecuali cinta semata-mata. Maka izin dan redha ibubapa adalah penting kerana ia dapat membantu dan membimbing kita membina rumahtangga yang berjaya.
2. Perkahwinan bukan sesuatu yang melibatkan pasangan suami isteri sahaja, tetapi ia juga melibatkan keluarga daripada kedua-dua pihak. Justeru izin dan redha ibubapa memainkan peranan yang penting dalam menjamin kebahagiaan dan kesinambungan hidup berumahtangga.
3. Mendapatkan izin dan redha ibubapa termasuk dalam keumuman sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi*

wasallam:

رَضِيَ الرَّبُّ فِي رِضَى الْوَالِدِ وَسَخَطُ الرَّبِّ فِي سَخَطِ الْوَالِدِ.

Keredhaan Allah terletak pada keredhaan ibubapa manakala kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan ibubapa. [Shahih Sunan al-Tirmizi, no: 1821/1899] Maka jika kita ingin membina rumahtangga yang diredhai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, binalah ia dengan cara memperoleh keredhaan ibubapa terlebih dahulu.

Sudut Kedua:

Ia adalah dari sudut hukum fiqh, maka hadis-hadis di atas perlu dibaca bersama hadis-hadis yang melarang ketaatan dalam perkara maksiat. Ini kerana:

إِنَّمَا الطَّاعَةُ فِي الْمَعْرُوفِ.

“Sesungguhnya ketaatan tidak lain hanya dalam perkara ma'ruf (kebaikan yang selari dengan syari'at Islam). [Shahih al-Bukhari, no: 6612/7145] Oleh itu pemahaman dan pelaksanaan hadis-hadis di atas boleh dibahagikan kepada tiga suasana:

Suasana Pertama: Apabila ibubapa enggan menerima calon pilihan kita berdasarkan alasan yang dibenarkan syari'at. Contohnya ialah calon yang bukan beragama Islam dan dia memang tidak bercadang untuk memeluk Islam. Maka dalam kes ini ibubapa layak menegah kita daripada berkahwin dengan calon tersebut dan kita wajib mematuhi.

Suasana Kedua: Apabila ibubapa enggan menerima calon pilihan kita disebabkan alasan yang menyelisih syari'at. Contohnya apabila ibubapa enggan menerima calon isteri pilihan kita semata-mata kerana dia berpakaian menutup aurat, atau enggan menerima calon lelaki pilihan kita semata-mata kerana dia sering pergi solat berjamaah. Maka dalam kes ini ibubapa tidak sepatutnya menegah kita daripada calon tersebut. Akan tetapi ini tidaklah bererti kita boleh "kahwin lari". Sebaliknya hendaklah kita berbincang dengan sopan dan hikmah bersama ibubapa agar mereka akhirnya bersetuju dengan calon pilihan kita.

Suasana Ketiga: Kita dan ibubapa saling berselisih dengan masing-masing memiliki alasan yang harus di sisi syari'at. Dua contoh yang lazim berlaku adalah:

1. Kita ingin berkahwin tetapi masih menuntut. Ibumama tidak membenarkannya sehinggalah ditamatkan pengajian terlebih dahulu.
2. Calon lelaki pilihan kita tidak memiliki pekerjaan yang mampu menyara hidup.

Bagi kedua-dua contoh di atas atau apa-apa yang seumpama, hendaklah kita berbincang dengan ibumama untuk mencari jalan penyelesaian yang dipertengahan. Kebanyakan ibumama akan bergembira untuk membantu dan memberi jalan penyelesaian yang terbaik jika kita sebagai anak-anak berbincang dengan mereka secara hormat, sopan dan hikmah. Kegagalan sering berlaku apabila anak-anak berkeras, membuat keputusan tanpa mempertimbangan pandangan ibumama atau mungkin mengabaikan ibumama secara keseluruhan dalam persoalan ini.

Meski pun demikian, jika perbincangan tidak membuahkan hasil yang diinginkan, hendaklah kita mengalah kepada ibumama. Hendaklah kita merenung kembali hadis-hadis yang dikemukakan dalam penulisan ini. Ketahui dan yakinilah bahawa apa yang ada di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* adalah jauh lebih baik daripada kekasih yang ada di hati.

Soal Jawab Munakahat

Soalan 1: Tangkal Sebagai Penjaga.

Saya sudah memiliki teman lelaki yang baru dan kini kami sudah bertunang. Namun teman lelaki saya yang lama masih menghubungi saya dan meminta saya kembali kepadanya. Ini banyak mengganggu ketenteraman saya. Tunang saya ada memberikan saya sebuah tangkal, katanya ia dapat menjaga saya dari gangguan teman lelaki yang lama itu atau dari mana-mana lelaki lain. Beliau juga berkata tangkal tersebut dijampi dengan ayat-ayat al-Qur'an oleh seorang ustaz. Akan tetapi saya ragu-ragu untuk memakainya. Apakah pandangan Islam tentang memakai tangkal?

Jawapan:

Amalan memakai tangkal tidak akan menjaga atau memelihara pemakainya dari gangguan teman lelaki yang lama, mahupun mana-mana lelaki yang lain. Sebaliknya ia akan menambah-nambah gangguan tersebut.

Pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, ada seorang lelaki yang memakai ikatan di tangannya umpama tangkal. Apabila ditanya oleh Rasulullah apakah itu,

dia menjawab: “Aku menjadikannya sebagai pelindung dari penyakit *al-Wahinah*.” Lalu Rasulullah bersabda:

أَمَّا إِنَّهَا لَا تَزِيدُكَ إِلَّا وَهْنًا ابْتِذَاهَا عَنْكَ فَإِنَّكَ لَوْ مِتَّ وَهِيَ
عَلَيْكَ مَا أَفْلَحْتَ أَبَدًا.

“Tiadalah ia menambah bagi kamu kecuali kelemahan (yakni bertambah-tambah sakit). Lemparkan ia daripadamu, kerana sesungguhnya jika kamu mati dan ia berada di atasmu, tidaklah ia akan membantu kamu selama-lamanya (yakni di Hari Akhirat).” [Riwayat Ahmad, *al-Tarhib wa al-Tarhib*, no: 5067 dengan sanad hasan]

Lebih dahsyat, tangkal merupakan satu amalan syirik kerana orang yang memakainya atau memakaikannya kepada orang lain sedikit atau banyak akan mengharapkan kekuasaan dari tangkal tersebut. Padahal harapan tersebut hendaklah difokuskan kepada Allah sahaja. Oleh kerana itulah dalam sebuah hadis yang lain Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menegaskan:

مَنْ عَلَّقَ تَمِيمَةً فَقَدْ أَشْرَكَ.

“Sesiapa yang menggantung tangkal maka sungguh

dia telah berbuat syirik.” [Riwayat Ahmad, *al-Tarhib wa al-Tarhib*, no: 5065 dengan sanad hasan]

Mungkin ada yang berhujah, tangkal hanyalah jalan tengah antara pemakai dan Allah. Allah jua yang akan membantu dan melindungi. Hujah ini dipatahkan oleh hadis berikut:

مَنْ تَعَلَّقَ تَمِيمَةً فَلَا أَيْمَانَ لِلَّهِ لَهُ.

“Sesiapa menggantung tangkal maka Allah tidak akan menyempurnakan baginya (hajatnya).” [Riwayat Ahmad, *al-Tarhib wa al-Tarhib*, no: 5064 dengan sanad hasan] Ini kerana dalam Islam, hubungan seorang hamba dengan Allah adalah secara terus, ia tidak memerlukan “orang” atau “alat” sebagai perantara. Oleh itu jika memerlukan sesuatu perlindungan atau hajat, maka mintalah terus kepada Allah.

Perhatikan juga dalam hadis-hadis di atas, Rasulullah menyebut tangkal secara umum tanpa membezakan sama ada ia dijampi dengan ayat al-Qur’an atau selainnya, sama ada ia dijampi oleh seorang ustaz, imam atau sesiapa jua. Asalkan ia adalah tangkal dalam apa jua bentuk, maka ia adalah syirik,

diabaikan oleh Allah dan menambah keburukan di sebalik apa yang diharapkan. Justeru janganlah anda memakai tangkal tersebut dan nasihatilah tunang anda bahawa amalan tangkal adalah sesuatu yang amat bertentangan dengan ajaran Islam.

Selain itu ingin ditambah bahawa dalam Islam tidak ada “teman lelaki” dan “teman wanita”, tidak ada “*boyfriend*” dan “*girlfriend*”. Setiap lelaki dan wanita hendaklah menjaga batas-batas perhubungan mereka, seolah-olah ada dinding pemisah di antara satu sama lain. Dinding ini hanya dapat dirobuhkan selepas pernikahan. Adapun pertunangan, ia hanyalah perjanjian untuk berkahwin pada satu tarikh yang dipersetujui. Ia bukan lesen untuk bergaul bebas, saling bersentuhan dan berpacaran.

Dalam sebuah hadis diriwayatkan bahawa: ***“Berhati-hatilah, jangan sampai kalian berkhawat dengan wanita, demi diriku yang berada di tangan-Nya, tidaklah berduaan seorang lelaki dan wanita melainkan masuk syaitan di antara keduanya.***

Bahawa sesungguhnya adalah lebih baik seorang lelaki untuk bergeseran dengan khinzir yang berlumuran dengan tanah atau lumpur daripada dia menggeserkan

bahunya dengan bahu seorang wanita yang tidak halal baginya.” [Riwayat al-Thabarani, *al-Tarhib wa al-Tarhib*, no: 2855 dengan sanad yang lemah]

Soalan 2: Dulang-Dulang Hantaran.

Ketika majlis pertunangan dan pernikahan, ada sesi pertukaran dulang-dulang hantaran. Lazimnya pihak pengantin lelaki membawa dulang-dulang hantaran dalam jumlah yang ganjil lalu dibalas oleh pihak pengantin perempuan dalam jumlah yang ganjil juga. Adakah semua ini dianjurkan oleh Islam? Saya rasa ia agak memberatkan kerana kos yang tinggi bagi menyediakan dulang-dulang hantaran tersebut dengan segala perhiasannya.

Jawapan:

تَهَادَوْا تَحَابُّوا

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: *Salinglah kalian memberi hadiah, nescaya kalian akan saling mencintai.* [al-Adab al-Mufrad, no: 594 dengan sanad yang hasan] Justeru saling memberi hadiah adalah sesuatu yang dianjurkan dalam Islam.

Merujuk kepada amalan dulang-dulang hantaran, ia merupakan adat masyarakat Melayu di Malaysia. Sekalipun adat, ia memiliki dasar di dalam Islam di mana dulang-dulang tersebut merupakan hadiah di antara pengantin pihak lelaki dan perempuan. Diharapkan dengan pertukaran hadiah-hadiah tersebut, ia akan dapat menjalin hubungan silaturahim dan kasih sayang yang baik di antara kedua-dua keluarga pengantin.

Walau bagaimanapun, syarat-syarat hadiah adalah ia diberikan secara ikhlas, mengikut kemampuan pemberi dan tidak bertujuan untuk menunjuk-nunjuk atau berbangga-bangga di hadapan orang lain. Oleh itu amalan memberi dan bertukar dulang-dulang hantaran di antara pengantin pihak lelaki dan perempuan hendaklah dilakukan secara ikhlas, yakni mengharapkan balasan dan keredhaan Allah. Ia hendaklah disediakan dengan kos yang selari dengan kemampuan pemberi, jangan sehingga berhutang atau makan mee segera semata-mata untuk menyediakan dulang hantaran.

Paling penting, persediaan dulang-dulang hantaran adalah untuk mengeratkan silaturahim dan kasih sayang di antara kedua-dua pihak pengantin. Maka jangan jadikan ia

sumber menunjuk-nunjuk kehebatan, kemewahan dan status kepada orang lain. Betapa banyak majlis pertunangan dan perkahwinan yang dulang-dulang hantarannya diharapkan menjadi sebutan orang, namun selepas itu kehidupan kedua-dua mempelai mahupun hubungan kekeluargaan di antara kedua-dua pihak tidak seperti yang diharapkan.

Harga Minyak Naik Lagi...

Ketika saya merancang untuk menulis kolum bagi edisi bulan ini, harga minyak RON97 baru saja dinaikkan dua puluh sen kepada RM2.70 per liter. Mujurlah harga minyak RON95 dan Diesel tidak dinaikkan, sekurang-kurangnya buat masa ini. Namun dikatakan harganya tidak akan bertahan lama, dijangkakan ia juga akan naik dalam masa beberapa bulan lagi.

Jika harga minyak naik, maka akan naik jugalah harga barangan asasi yang lain seperti beras, tepung, minyak masak, gula, garam, sayur-sayuran, ayam, ikan dan daging. Semua ini pasti memberatkan rakyat selaku pengguna, termasuklah bakal-bakal pengantin.

Apa Kaitannya?

Mungkin ada di kalangan pembaca yang tertanya-tanya, apa kaitannya harga minyak, kenaikan harga barangan asasi dan perkahwinan? Ia memiliki kaitan kerana pada masa kini, hampir setiap pasangan suami-isteri bekerja keras untuk menaikkan ekonomi rumahtangga mereka. Dengan

menaiknya harga barangan asasi, maka suami-isteri terpaksa bekerja lebih keras. Ini ditambah dengan senario masa kini di mana agak ramai yang ingin menaikkan ekonomi rumahtangga bukan untuk kemampuan asasi, tetapi untuk sesuatu yang merupakan perhiasan dan kemewahan dalam kehidupan.

Izinkan saya memberi satu contoh, iaitu talifon bimbit (*handphone*). Tidak dinafikan ia termasuk barangan asasi masa kini. Akan tetapi agak ramai yang ingin memiliki sebuah *smartphone* yang harganya mencecah lingkungan RM2000 padahal talifon bimbit yang biasa boleh dimiliki dengan harga RM300. *Smartphone* bukanlah barangan asasi tetapi lebih kepada perhiasan dan kemewahan.

Selain talifon bimbit terdapat banyak contoh lain seperti jenama pakaian, jenis kenderaan dan menu makanan. Apabila pasangan suami-isteri ingin hidup di atas paras ekonomi mereka, di atas keperluan asasi mereka, ia menjejaskan dua hubungan yang amat penting.

Hubungan Suami-Isteri.

Pertama, ia menjejaskan hubungan suami isteri itu sendiri. Bayangkan pasangan suami-isteri yang masing-

masing bekerja. Setiap hari kerja dimulai pada pukul 6 pagi, bersiap-siap untuk keluar rumah pada pukul 6.30 pagi. Lewat sedikit, mereka akan terperangkap dalam kesesakan lalu lintas. Sehari-hari sibuk di pejabat dengan kerja masing-masing hingga kerap kali lewat keluar dari pejabat. Apabila masing-masing kembali ke rumah, hari sudah pun gelap sebagaimana keadaan gelap ketika keluar rumah awal pagi tadi. Sedikit masa yang ada digunakan untuk persiapan hari kerja esok, diakhiri dengan masing-masing “pengsan” di atas katil pada pukul 10 malam.

Demikianlah jadual mereka setiap hari, melainkan pada hujung minggu. Itu pun seandainya mereka ada masa lapang pada hujung minggu kerana kerap kali jadual masing-masing telah dipenuhi oleh pelbagai aktiviti lain yang ada kaitan dengan menjana ekonomi rumahtangga.

Dalam suasana masing-masing suami-isteri bekerja keras menaikkan ekonomi, ada sesuatu yang menurun iaitu hubungan romantik antara suami dan isteri. Kesibukan, tekanan (*stress*) dan keletihan menafikan kemesraan, kemanjaan dan kasih sayang di antara satu sama lain. Semakin hari semakin lama hubungan romantik kian menurun

sementara keadaan ekonomi pula tidak semakin baik. Inilah yang akhirnya menjarakkan hubungan di antara suami dan isteri sebagaimana yang lazim kita perhatikan pada hari ini.

Hubungan Dengan Allah.

Apabila pasangan suami-isteri sibuk bekerja menaikkan ekonomi rumahtangga, sebuah lagi hubungan yang amat penting terjejas, iaitu hubungan dengan Allah. Kesibukan bekerja kerap kali menjadi alasan lewat mendirikan solat fardhu, bahkan ada yang tertinggal beberapa waktu dalam sehari. Ini termasuklah ibadah-ibadah yang lain seperti menuntut ilmu agama, solat sunat, puasa sunat, membaca al-Qur'an, berzikir dan berbuat baik kepada ibubapa, semua ini jarang-jarang terlintas di fikiran, apatah lagi untuk diamalkan.

Putus hubungan dengan Allah memutuskan segala-galanya daripada Allah. Maka sekali lagi, ekonomi rumahtangga tidak kunjung naik sementara kehidupan terasa semakin sempit, semakin sukar, semakin merudum.

Di Sebalik Ekonomi Rumahtangga.

Merujuk kepada dua hubungan di atas, saya tidaklah

bermaksud untuk menyatakan pasangan suami-isteri tidak perlu berusaha untuk menaikkan ekonomi rumahtangga mereka. Akan tetapi apa yang saya hendak sampaikan ialah, janganlah fokus kepada ekonomi dan kerjaya menyebabkan anda mengabaikan hubungan suami-isteri dan hubungan bersama Allah.

Sebaliknya jadikanlah Allah dan hubungan bersama pasangan anda sebagai fokus utama, di samping bekerja menaikkan ekonomi bagi mencukupi keperluan asasi rumahtangga. Dalam konteks ini saya ingin berkongsi sebuah ayat dari al-Qur'an:

فِي بُيُوتٍ أَدَانَ اللَّهُ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذَكَّرَ فِيهَا اسْمُهُ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْعُدْوَةِ وَالْآصَالِ. رِجَالٌ لَا تُلْهِيهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ. لِيَجْزِيََهُمُ اللَّهُ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا وَيَزِيدَهُمْ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِعَيْرِ حِسَابٍ.

Bertasbih kepada Allah di masjid-masjid yang telah diperintahkan untuk dimuliakan dan disebut nama-Nya di dalamnya, pada waktu pagi dan waktu petang, lelaki yang

tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak (pula) oleh jual-beli daripada mengingat Allah, mendirikan solat dan membayarkan zakat.

Mereka takut kepada suatu hari yang (pada hari itu) hati dan penglihatan menjadi goncang. (Mereka melakukan yang demikian itu) supaya Allah memberi balasan kepada mereka lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan dan supaya Allah menambah karunia-Nya kepada mereka. Dan Allah memberi rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya tanpa batas. [al-Nur 24:36-38]

Dalam ayat di atas, Allah *Subhanahu waTa'ala* menerangkan keutamaan orang yang melakukan perniagaan bagi menaikkan ekonomi namun tidak lalai untuk beribadah sementara hatinya takut kepada pengadilan Hari Kiamat kelak. Hati yang takut ini menyebabkan dia berniaga secara jujur, amanah dan halal sambil tetap tidak leka daripada Allah. Semua ini menyebabkan Allah membalasnya dengan tambahan limpah karunia dan rezeki yang tidak terhingga. Balasan inilah yang benar-benar akan menaikkan ekonomi rumahtangga.

Karunia dan rezeki Allah tidak terbatas dalam bentuk

harta sahaja tetapi ia meluas kepada apa jua pemberian Allah seperti kemudahan hidup, kelapangan masa, kesihatan yang baik dan lebih penting – keimanan dan ketaqwaan kepada-Nya.

Justeru bakal-bakal pengantin hendaklah merancang kehidupan rumahtangga mereka dan meletakkan prioriti yang betul di antara Allah, hubungan suami-isteri sesama mereka dan tahap ekonomi. Tahap ekonomi rumahtangga memang penting dalam suasana harga barangan asasi yang semakin meninggi, namun janganlah menjadikannya alasan untuk menurunkan atau menombor duakan hubungan bersama Allah dan antara suami-isteri.

Soal-Jawab Munakahat

Soalan 1: Wali.

Minta diterangkan apakah maksud wali, siapakah wali dan apakah peranan wali dalam perkahwinan.

Jawapan:

Secara ringkas, wali bermaksud penolong, pelindung dan pembela. Sebagai contoh kita umat Islam adalah wali

kepada satu sama lain sebagaimana firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ
وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ. وَمَنْ يَتَوَلَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا فَإِنَّ
حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْغَالِبُونَ.

Sesungguhnya wali kamu hanyalah Allah, Rasul-Nya, orang-orang beriman yang mendirikan solat dan menunaikan zakat, seraya mereka tunduk (kepada Allah). Dan barangsiapa mengambil Allah, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman menjadi walinya, maka sesungguhnya pengikut (agama) Allah itulah yang pasti menang. [al-Maidah 5:55-56]

Apabila kita umat Islam saling menolong, melindungi dan membela, kita pasti akan menang. Kekalahan dan kehinaan yang dihadapi oleh umat Islam masa kini ialah kerana kita tidak menjadi wali kepada satu sama lain.

Adapun dalam konteks perkahwinan, wali berperanan menolong bakal pengantin wanita untuk berkahwin dan melindungi serta membelanya dari apa-apa kemudaratan atau penganiyaan dari pihak bakal pengantin lelaki. Peranan wali

amat penting kerana ia menjadi syarat sah perkahwinan. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

أَيُّمَا امْرَأَةٍ نَكَحْتِ بِغَيْرِ إِذْنِ مَوْلَاهَا فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ.

Mana-mana wanita yang bernikah tanpa izin walinya maka pernikahan tersebut adalah batal (baginda mengulanginya tiga kali). [Shahih Sunan Abu Daud, no: 1784/2083]

Wali bagi seorang pengantin wanita ialah ayahnya. Jika ayahnya tidak dapat menjadi wali, maka ia beralih kepada datuknya dan seterusnya kepada saudara-mara di pihak ayahnya. Jika tidak ada wali, para wali berselisih pendapat atau wali enggan menikahkan, maka bakal pengantin wanita boleh mendapatkan wali hakim. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

فَإِنْ تَشَاجَرُوا فَالْسُّلْطَانُ وَلِيُّ مَنْ لَا وَلِيَّ لَهُ.

Jika para wali berselisih maka pemerintah adalah wali bagi orang yang tidak memiliki wali. [Shahih Sunan Abu Daud, no: 2083]

Maksud pemerintah sebagai wali boleh bererti

pemerintah itu sendiri atau wakil-wakil yang dilantik oleh pemerintah sebagai wali. Di Malaysia, jabatan-jabatan agama merupakan wakil pemerintah, maka sesiapa yang inginkan wali hakim hendaklah mendapatkannya mengikut prosedur jabatan agama di negeri masing-masing.

Seorang bakal pengantin wanita hendaklah mendapatkan izin walinya untuk menikah. Pada waktu yang sama, wali tidak boleh menghalang wanita di bawah perwaliannya untuk menikah dengan lelaki pilihannya jika dia (wali) tidak memiliki sebab yang munasabah dari sudut agama. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَنْ يَنْكَحْنَ أَرْوَاجَهُنَّ إِذَا تَرَاضُوا بَيْنَهُمْ
بِالْمَعْرُوفِ.

Maka janganlah kamu (para wali) menghalangi mereka kawin lagi dengan bakal suaminya, apabila telah terdapat kerelaan (kesukaan) di antara mereka dengan cara yang baik. [al-Baqarah 2:232] Sekalipun ayat ini merujuk kepada isteri-isteri yang telah diceraikan, maksudnya umum meliputi para wanita yang baru hendak berkahwin juga.

Demikian juga, wali tidak boleh memaksa wanita di

bawah perwaliannya menikah tanpa izin wanita itu sendiri.
Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

لَا تُنْكَحُ الْأَيِّمَ حَتَّى تُسْتَأْمَرَ وَلَا تُنْكَحُ الْبِكْرَ حَتَّى تُسْتَأْذَنَ.
قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَكَيْفَ إِذْنُهَا؟ قَالَ: أَنْ تَسْكُتَ.

“Seorang janda tidak boleh dinikahkan sehingga ditanya pendapatnya dan seorang gadis dara tidak boleh dinikahkan sehingga ditanya izinnya”. Orang bertanya: “Wahai Rasulullah, bagaimana hendak diketahui keizinannya?” Rasulullah menjawab: “Apabila dia diam (setelah ditanya tentang pernikahan).” [Shahih al-Bukhari, no: 4741/5136]

Pernah pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* seorang gadis dara dinikahkan oleh ayahnya padahal dia membencinya. Maka gadis itu datang mengadu kepada Rasulullah, lantas Rasulullah memisahkan (menceraikan) perkahwinan tersebut. [Shahih Sunan Abu Daud, no: 1794/2096]

Penjelasan di atas berkenaan hak wali dan hak wanita di bawah perwalian menunjukkan bahawa tidak boleh ada pemaksaan di antara kedua-dua pihak. Sebaliknya hendaklah

wujud suasana kerelaan antara wali dan wanita di bawah perwaliannya. Wanita tidak boleh menikah tanpa izin wali dan wali tidak boleh menikahkan seorang wanita tanpa izinnnya.

Pada masa kini agak lazim kedengaran perselisihan antara wali dan wanita di bawah perwaliannya berkenaan calon suami, tarikh pernikahan, belanja pernikahan dan sebagainya. Sebaik-baiknya perselisihan ini tidak berlaku. Seorang wali hendaklah sedar bahawa tanggungjawabnya ialah untuk menolong wanita di bawah perwaliannya untuk berkahwin dan bukanlah menyusahkannya. Seorang wanita pula hendaklah mendengar nasihat dan pandangan walinya kerana beliau tentu lebih berpengalaman dalam urusan perkahwinan.

Pada waktu yang sama, pihak jabatan agama hendaklah memudahkan urusan wali hakim seandainya ia diminta oleh seorang wanita. Janganlah pula menyusahkan dengan prosedur yang rumit kerana kesusahan dan kerumitan bukanlah sebahagian dari ruh ajaran Islam.

Penjelasan Tambahan: Setahu penulis, tidak ada ayat al-Qur'an mahu pun hadis sahih yang menerangkan secara khusus siapakah yang sepatutnya menjadi wali. Ada

pun kefahaman masa kini bahawa wali ialah ayah, datuk, pakcik di sebelah ayah dan sebagainya, ia dibina di atas sumber *uruf*, yakni kebiasaan masyarakat. Dalam ilmu *Usul al-Fiqh*, dinyatakan bahawa jika sesuatu hukum dibina atas dasar *uruf*, maka hukum itu berubah selari dengan perubahan *uruf*.

Pada zaman dahulu ketika kitab-kitab fiqh ditulis, kebiasaan masyarakat ialah menjadikan ayah, datuk atau pakcik di sebelah ayah sebagai wali. Para ayah pada zaman awal Islam memahami maksud wali dan menjalankan peranan mereka sebagai wali sebaik mungkin.

Namun pada masa kini, sebahagian ayah, datuk dan pakcik tidak lagi memainkan peranan sebagai wali. Mereka tidak lagi membantu anak perempuan mereka menikah, menyemak latar belakang calon suami pilihan anak dan melindungi serta membela anak dari apa-apa kemudaratan atau penganiyaan dari pihak bakal pengantin lelaki.

Maka siapakah yang layak menjadi wali dalam pernikahan hendaklah dibuka untuk penilaian semula. Pada pandangan penulis, sesiapa jua yang benar-benar prihatin kepada urusan pernikahan seorang wanita layak menjadi wali.

Sebagai contoh, seorang ibu tunggal layak menjadi wali untuk pernikahan anak perempuannya. Seorang pensyarah yang berdedikasi layak menjadi wali untuk pernikahan anak murid perempuannya. Seorang naqibah layak menjadi wali untuk anak usrahnya.

Definisi wali pernikahan tidak sepatutnya dibataskan kepada lelaki dan ayah, tetapi meluas kepada sesiapa sahaja yang benar-benar prihatin kepada wanita yang akan dinikahkannya. Harapan penulis, perkara ini dapat dibincang oleh para ilmunan agama yang berani lagi amanah. Ada pun bagi para pembaca sekalian, hendaklah tetap mengikuti prosedur jabatan agama berkenaan siapakah yang berhak menjadi wali dalam pernikahan.

Soalan 2: Takut Untuk Berkahwin.

Alam rumahtangga abang dan kakak saya kerap kali dilanda pergaduhan dan kesedihan, demikian juga di kalangan saudara-mara saya. Di antaranya ada yang berakhir dengan perceraian atau di ambang perceraian. Semua ini menyebabkan saya takut dan ragu-ragu untuk berkahwin. Apakah yang patut saya buat?

Jawapan:

Kenyataan di atas memang benar, namun ia tidak sepatutnya menjadi alasan untuk takut berkahwin. Sebaliknya hendaklah diteruskan hajat berkahwin dengan keazaman untuk menjadikan alam rumahtangga anda lebih baik berbanding selainnya.

Pada pengamatan saya, banyak pasangan berkahwin tanpa fokus yang cukup berkenaan alam perkahwinan. Bagi mereka fokus perkahwinan hanya ditumpukan kepada hari perkahwinan sementara apa yang berlaku selepas itu dibiarkan sahaja, hanyut dalam mengikut arus kehidupan. Segala perancangan, kreativiti dan semangat dicurahkan kepada kebahagiaan sehari sementara ribuan hari selepas itu diabaikan. Maka hendaklah anda dan bakal pasangan anda mengubah kesalahan ini dengan tetap memberi fokus kepada membahagiakan hari-hari selepas hari perkahwinan.

Faktor kedua, banyak pasangan yang tidak mencari ilmu berkenaan alam rumahtangga. Mereka menyangkakan ia adalah sesuatu yang fitrah dan boleh ditempuh secara mudah. Oleh itu ada yang yang berpendidikan hingga ke tahap *Master* dan *PhD* tetapi pendidikan mereka berkenaan alam

rumahtangga tetap di bangku tadika. Mereka mencari ilmu untuk mencapai kecemerlangan dalam kerjaya sementara ilmu rumahtangga tidak disentuh. Sepatutnya ilmu rumahtangga perlu dicari dengan lebih gigih kerana kebahagiaan di rumah akan menghasilkan kecemerlangan di tempat kerja jua.

Terakhir, pergaduhan adalah sesuatu yang lumrah dalam alam rumahtangga. Sayang sekali, ramai yang sekadar ingin melupakan pergaduhan dan berharap ia tidak akan berulang. Sikap yang benar ialah tidak melupakan pergaduhan, sebaliknya hendaklah diingati dengan objektif mengkaji sebab-sebab ia berlaku dan bagaimana untuk mengelaknya dari berulang lagi.

Cemburu!

Beberapa tabloid pernah mengemukakan kisah “perang saudara” di antara isteri-isteri yang hidup dalam suasana poligami, di mana ada yang mencurah asid, menikam dengan pisau dapur dan mengejar antara satu sama lain. Aksi-aksi cemburu seperti ini menjadi topik perbualan serta gelak ketawa di kalangan masyarakat. Demikianlah sifat sebahagian media cetak di Malaysia, ia tidak mendidik pembacanya ke arah ilmu yang bermanfaat, sebaliknya merendahkan pembacanya kepada perbuatan-perbuatan yang menyelisihi ilmu, norma sihat dan etika mulia.

Sebenarnya cemburu tidak sekadar berlaku di antara isteri-isteri yang hidup di alam poligami. Ada isteri yang cemburu apabila suaminya berbuat baik kepada ibu atau adik perempuannya. Ada suami yang cemburu apabila isterinya melayan tetamu minum petang terlebih baik daripada melayan dirinya. Ada abang yang cemburu apabila adiknya menerima hadiah daripada ibubapanya. Justeru cemburu adalah sesuatu yang lazim berlaku. Hanya ia lebih sensasi jika berlaku di kalangan mereka yang hidup di alam poligami.

Maksud Cemburu.

Secara mudah, cemburu bererti reaksi seseorang apabila sesuatu yang memiliki kepentingan bagi dirinya disaingi atau dicabar. Reaksi tersebut boleh jadi perasaan yang benci dan marah, boleh juga diterjemahkan kepada perbuatan fizikal seperti memecah atau membaling barang.

Cemburu ada yang terpuji, iaitu benci dan marah kepada orang yang menyembah tuhan selain Allah, mengamalkan cara hidup selain dari apa yang Islam gariskan dan menukar-nukar ajaran Islam dengan tafsiran tersendiri. Perasaan cemburu seperti ini lahir kerana Allah dan Islam berada dalam posisi yang penting dalam diri seseorang. Apabila ia disaingi atau dicabar, maka lahirlah rasa cemburu.

Reaksi cemburu ini seterusnya diterjemahkan kepada perbuatan mengajak orang kepada menyembah Allah (dakwah), mencegah kemungkaran yang sedang berlaku (*nahimungkar*) dan membela ajaran Islam yang tulen agar masyarakat tidak terpengaruh dengan ajaran sesat.

Termasuk sifat cemburu yang terpuji ialah apabila seorang suami memantau pakaian dan pergaulan isterinya agar sentiasa menepati tunjuk ajar Islam. Suami yang

membiarkan isterinya tanpa menutup aurat, bergaul bebas dengan lelaki asing, tidak mendirikan solat dan sebagainya dicela oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai lelaki dayus. Baginda menegaskan:

ثَلَاثَةٌ قَدْ حَرَّمَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى عَلَيْهِمُ الْجَنَّةَ مُدْمِنُ الْخَمْرِ
وَالْعَاقُ وَالِدَيْوُثُ الَّذِي يُقْرُّ فِي أَهْلِهِ الْخُبْثُ.

Tiga (jenis orang) yang Allah Tabaraka waTa'ala haramkan syurga ke atasnya: orang yang ketagih arak, orang yang menderhaka kepada ibubapanya dan orang yang dayus – iaitu orang yang membiarkan maksiat dilakukan oleh ahli keluarganya. [Musnad Ahmad, no: 5839/6113 dan dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth]

Berdasarkan hadis ini, jika seorang isteri itu memiliki suami yang prihatin memantau aktivitiinya, maka ia adalah sesuatu yang terpuji. Janganlah pula merungut kerana suami demikian melaksanakan tanggungjawabnya, berbeza dengan suami yang dayus.

Cemburu Yang Tercela.

Di sebalik cemburu yang terpuji, ada cemburu yang tercela. Ia merujuk kepada reaksi benci dan marah yang

timbul atas sebab-sebab duniawi. Satu contoh cemburu yang tercela ialah seorang isteri yang cemburu apabila suaminya membelikan hadiah tas tangan kepada ibunya. Berbuat baik kepada ibubapa dituntut oleh Islam dan reaksi cemburu yang lahir dalam hati isteri adalah kerana sebab duniawi, iaitu dia merasakan dirinya dinombor duakan, di bawah ibu suaminya semata-mata kerana pemberian hadiah tersebut.

Cemburu yang tercela tidak sahaja dikaitkan dengan para wanita atau isteri. Ia juga boleh dimiliki oleh para lelaki dan suami. Saya teringat seorang rakan lelaki yang sangat pencemburu sehingga dia melarang isterinya menghadiri kuliah agama atau bertanya soalan agama kepada para ustaz. Akhirnya minat isterinya ke arah agama terhalang oleh suaminya yang pencemburu. Ini tentu saja satu sifat cemburu yang amat tercela.

Mengubati Penyakit Cemburu.

Hati yang dijangkiti penyakit cemburu yang tercela boleh diubati dengan beberapa tips berikut. **Pertama**, hendaklah disedari bahawa apa jua yang diperolehi oleh seseorang, maka Allah yang memberikannya. Jika suami memberikan tas tangan kepada ibunya, maka Allah yang

sebenarnya memberi sementara suami hanya berperanan sebagai perantara yang menyampaikannya. Maka cemburu sehingga benci dan marah bererti membenci dan memarahi Allah.

Oleh kerana itulah Allah *Subhanahu waTa'ala* mengingatkan kita:

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ لِلرِّجَالِ
نَصِيبٌ مِّمَّا كَتَبْنَا لِلنِّسَاءِ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَتَبْنَا
لِلرِّجَالِ وَإِسْأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا.

Dan janganlah kamu iri hati (cemburu) terhadap apa yang dikaruniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak dari sebahagian yang lain. (Karena) bagi orang laki-laki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan bagi para wanita (pun) ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan mohonlah kepada Allah sebagian dari karunia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu. [al-Nisa' 4:32]

Kedua, kita sesama umat Islam, sesama mukminin dan mukminat hendaklah tumpang gembira apabila saudara kita memperoleh sesuatu. Kita bergembira untuknya seolah-

olah kita sendiri yang mendapat kelebihan tersebut. “*I am happy for you*” bukan sekadar slogan masyarakat Barat tetapi juga sesama umat Islam. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

Tidaklah (sempurna) iman seseorang kalian sehinggalah dia mencintai untuk saudaranya apa yang dia cintai untuk dirinya. [Shahih al-Bukhari, no: 12/13]

Justeru ciri seseorang yang beriman ialah dia tidak cemburu atas kelebihan yang diperolehi oleh saudara seislamnya, tetapi dia turut bergembira. Berdasarkan hadis ini mungkin ada yang berkata: “Imanku belum cukup sempurna untuk aku mencintai bagi saudaraku apa yang aku cintai untuk diriku.” Maka alasan ini diperbetulkan dengan nasihat: “Cintailah untuk saudaramu apa yang kamu cintai bagi dirimu, nescaya kamu akan merasai kemanisan dan pertambahan iman di dalam dirimu.”

Ketiga, syaitan suka menghasut manusia ke arah sifat yang tercela, termasuklah sifat cemburu yang tercela. Dengan hasutan tersebut, syaitan dapat menjadikan kita lupa kepada

peranan Allah yang sebenarnya memberi sehingga kita bermusuhan sesama umat Islam. Oleh itu apabila sahaja terlintas bisikan cemburu yang tercela di dalam hati, segeralah menolaknya dengan membaca *A'uzubillahi minash syaitan nirrajim*.

Hadis berikut menjadi rujukan:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ مِنْ عِنْدِهَا لَيْلًا
قَالَتْ فَعَزَّتْ عَلَيْهِ فَجَاءَ فَرَأَى مَا أَصْنَعُ فَقَالَ: مَا لَكَ يَا عَائِشَةُ
أَعَزَّتِ؟ فَقُلْتُ: وَمَا لِي لَا يِعَارُ مِثْلِي عَلَى مِثْلِكَ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَقَدْ جَاءَكَ شَيْطَانُكَ؟ قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ
أَوْ مَعِيَ شَيْطَانٌ؟ قَالَ نَعَمْ. قُلْتُ: وَمَعَ كُلِّ إِنْسَانٍ؟ قَالَ: نَعَمْ.
قُلْتُ: وَمَعَكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: نَعَمْ وَلَكِنْ رَبِّي أَعَانَنِي عَلَيْهِ حَتَّى
أَسْلَمَ.

A'isyah menerangkan pada satu malam Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam keluar dari rumahnya dan ini menyebabkan dia merasa cemburu. Kemudian Rasulullah kembali ke rumah dan mendapati dia sedang dalam keadaan yang cemburu. Lalu baginda bertanya:

“Apa jadi kepada kamu wahai A’isyah? Adakah kamu cemburu?”

“Takkanlah aku tidak cemburu kepada orang sepertimu?”

Kemudian Rasulullah melanjutkan: “Apakah telah datang kepadamu syaitan kamu?”

“Wahai Rasulullah! Apakah bersama aku ada syaitan?”

“Ya.”

“Dan (apakah syaitan itu ada) pada setiap manusia?”

“Ya.”

(Apakah syaitan juga) bersama kamu wahai Rasulullah?”

“Ya, akan tetapi Tuhanku telah menolongku darinya sehingga aku selamat dari gangguannya.” [Shahih Muslim, no: 5035/2815]

Soal-Jawab Munakahat

Soalan 1: Jodoh.

Apabila membicarakan perkahwinan, kita lazim mendengar perkataan “jodoh”. Orang yang belum berkahwin disebut “belum ada jodoh” sementara yang bercerai disebut “dah tiada jodoh”. Apakah sebenarnya maksud jodoh dan kaitannya dengan perkahwinan?

Jawapan:

Jodoh dari sudut bahasa bererti pasangan hidup baik lelaki atau perempuan. Apabila dikatakan Fatimah belum ada jodoh, bererti Fatimah belum memiliki suami yang dijadikan pasangan hidup.

Di sisi masyarakat, apabila mereka menyebut “jodoh”, secara tidak langsung mereka bermaksud “taqdir”. Ia bererti orang itu belum ditaqdirkan menemui pasangan hidup yang sesuai baginya. Atau orang itu sudah ditaqdirkan bercerai, maka mereka pun bercerailah.

Memaksudkan jodoh sebagai taqdir ada betulnya dan ada salahnya. Ia betul kerana semua yang berlaku di dalam kehidupan kita ini sudah diketahui oleh Allah dan telah ditulis

sejak alam ini belum tercipta. Allah melakukan apa yang dikehendaki-Nya dan mencipta apa yang dikehendaki-Nya. Semua ini merupakan taqdir, disebut juga Qadha' dan Qadar.

Apabila kita beriman bahawa Allah adalah satu-satunya tuhan, kita juga beriman bahawa Allah adalah satu-satunya pencipta, pentadbir, pemberi dan pengatur kehidupan. Dengan itu juga, kita beriman bahawa Allah mengetahui apa yang berlaku dalam kehidupan kita, tidak ada yang berlaku secara kebetulan atau di luar pengetahuan Allah.

Kita juga beriman bahawa berdasarkan hikmah dan keadilan-Nya, apa yang Allah taqdirkan kepada kita adalah baik semuanya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menegaskan:

لَبَّيْكَ وَسَعْدَيْكَ وَالْخَيْرُ كُلُّهُ فِي يَدَيْكَ وَالشَّرُّ لَيْسَ إِلَيْكَ.

Aku penuhi panggilan-Mu dengan penuh kebahagiaan, kebaikan semuanya di tangan-Mu dan keburukan tidaklah disandarkan kepada-Mu.[Shahih Muslim, no: 1290/771]

Hanya kadangkala kita sebagai manusia tidak dapat mengesan kebaikan tersebut lalu menafsirkannya sebagai

keburukan. Sebagai contoh, Allah mentaqdirkan kita mendapat penyakit kronik lalu kita menafsirkannya sebagai keburukan. Padahal ia sebenarnya satu kebaikan kerana dengan penyakit itu seseorang kembali ingat kepada Allah, insaf akan kesalahannya dan mula mengenal erti kehidupan yang berbaki.

Atas dasar inilah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: **“Engkau beriman kepada taqdir sama ada yang baik mahupun yang buruk.”** [*Shahih Muslim*, no: 9/8] Dalam erti kata lain, kita menerima semua taqdir Allah sama ada yang baik mahupun buruk. Jika buruk, ia hanyalah pada tafsiran kita sementara apa yang Allah kehendaki di sebaliknya tetap baik.

Merujuk kepada perkahwinan, Allah *Subhanahu waTa'ala* sejak awal sudah mentaqdirkan siapakah pasangan hidup setiap seorang daripada kita. Pasangan yang Allah taqdirkan itu memiliki pelbagai kebaikan dan hikmah di dalamnya. Hanya Allah tidak memberitahu maklumat ini kepada kita dan menyerahkan pencariannya kepada kita.

Justeru orang yang memiliki kefahaman yang benar tentang taqdir akan berusaha mencari jodohnya. Dia tidak

takut atau was-was kerana yakin (beriman) bahawa pasangan yang telah Allah taqdirkan kepadanya tentu baik. Jika dia belum menemui pasangan tersebut, dia akan terus mencarinya. Jika sudah ditemui lalu secocok, maka dia bersyukur atas nikmat Allah kepadanya. Jika sudah ditemui namun tidak secocok, maka dia bersabar atas ujian Allah kepadanya dengan keyakinan di sebalik ujian itu tersedia pahala besar dan ganjaran syurga.

Sebaliknya orang yang salah faham tentang taqdir, dia hanya menunggu jodoh datang bergolek kepadanya. Jika dia menemui jodoh yang secocok, dia merasa bangga dan memuji-muji dirinya sambil lupa kepada Allah. Namun jika dia menemui jodoh yang tidak secocok, dia menyalahkan Allah kerana mentaqdirkan yang sedemikian.

Soalan 2: Nikah *Tahlil*.

Saya pernah membaca tentang nikah *tahlil* tetapi tidak tahu apakah maksudnya. Bolehkah diterangkan maksud nikah *tahlil*?

Jawapan:

Apabila seorang suami menceraikan isterinya dengan talak tiga, dia dilarang menikahi kembali bekas isterinya itu sehinggalah isteri itu menikahi lelaki yang lain, merasakan kemanisan hidup bersama namun akhirnya bercerai atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Setelah diceraikan, barulah isteri itu boleh bernikah semula dengan suami lamanya. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

فَإِنْ طَلَّقَهَا فَلَا تَحِلُّ لَهُ مِنْ بَعْدُ حَتَّى تَنْكِحَ زَوْجًا غَيْرَهُ فَإِنْ طَلَّقَهَا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يَتَرَاجَعَا إِنْ ظَنَّا أَنْ يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ وَتِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ يُبَيِّنُهَا لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ.

Sesudah itu, jika diceraikan pula (bagi kali yang ketiga – talak tiga) maka perempuan itu tidak halal lagi baginya sesudah itu sehingga dia berkahwin dengan suami yang lain. Setelah itu kalau dia diceraikan (oleh suami baru itu dan habis iddahnya), maka mereka berdua (suami lama dan bekas isterinya) tidaklah berdosa untuk kembali (kahwin semula) jika mereka kuat menyangka akan dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah dan itulah aturan-aturan hukum Allah, diterangkannya kepada kaum yang

(mahu) mengetahui dan memahaminya. [al-Baqarah 2:230]

Di dalam kes penceraian, ada di antara suami yang menyesali tindakan mereka menceraikan isteri mereka lalu merencana untuk menikahnya kembali. Sebagai contoh, Nawawi menceraikan isterinya Ainul namun menyesal dan ingin mendapatkannya kembali. Lalu Nawawi bersepakat dengan seorang rakannya – Mohd. Sidek – untuk menikahi Ainul selama sebulan dan kemudian menceraikannya. Setelah penceraian selesai, Nawawi kembali menikahi Ainul. Helah inilah yang disebut sebagai nikah *tahlil*.

Nikah *tahlil* hukumnya haram. Abdullah ibn Mas'ud, seorang sahabat Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* menerangkan bahawa:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُحِلَّ وَالْمُحَلَّلَ لَهُ.

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam melaknat al-Muhallil dan al-Muhallal lahu. [Shahih Sunan al-Tirmizi, no: 1039/1120] Merujuk kepada contoh di atas, *al-Muhallil* ialah Mohd. Sidek sementara *al-Muhallal lahu* ialah Nawawi.

Di Sebalik Kehidupan Suami-Isteri...

Kad-kad jemputan majlis perkahwinan sering kali dilengkapi dengan ayat-ayat al-Qur'an atau hadis-hadis Rasulullah berkenaan perkahwinan. Tindakan ini dibolehkan, dengan harapan orang-orang yang dijemput khususnya kedua-dua pengantin itu sendiri dapat mengambil iktibar dari ayat dan hadis tersebut.

Atas nafas ini, saya ingin menggunakan kolum bulan ini untuk mengupas salah sebuah ayat yang lazim dikemukakan, iaitu firman Allah *Subhanahu waTa'ala* yang bermaksud:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا
وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ.

Dan di antara tanda-tanda-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu, pasangan-pasangan dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya

dalam yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesadaran) bagi orang-orang yang berfikir. [al-Rum 30:21]

Dan Di Antara Tanda-Tanda-Nya...

Allah memulakan ayat ini dengan mengingatkan manusia akan tanda-tanda kekuasaan, kebesaran, keagungan dan rahmat-Nya dalam mencipta. Sebenarnya jika kita merenung kepada langit, bintang, matahari dan bulan, renungan ini akan segera membawa kita kepada yang menciptanya, iaitu Allah. Jika kita mengamati pergerakan angin, awan dan putaran bumi ini serta segala penghuninya seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan, kita akan segera terasa kehebatan Allah sebagai pencipta dan pengurusnya. Jika kita mengkaji tubuh badan kita sendiri, daripada DNA yang halus hinggalah organ hati (*liver*) yang besar, kita akan segera sujud kepada Allah.

Namun oleh kerana kita sering lupa kepada Allah, maka Allah di dalam al-Qur'an beberapa kali mengingatkan kita akan tanda-tanda kekuasaan, kebesaran, keagungan dan rahmat-Nya dalam mencipta. Salah satu daripadanya adalah ayat 21 surah al-Rum yang sedang kita kupas sekarang ini.

Bahawa Dia menciptakan untuk kamu, pasangan-pasangan dari jenis kamu sendiri...

Dalam rangka kita bersiap-siap menghadapi hari besar yakni hari pernikahan, dalam rangka kita menjalani kehidupan suami-isteri, Allah mengingatkan kita bahawa dengan kuasa, hikmah dan rahmat-Nya, Dia telah menciptakan untuk manusia pasangan-pasangan dari jenis mereka sendiri.

Asalnya Allah mencipta Adam dan daripada “model” Adam itu Allah mencipta Hawa. Ini diterangkan dalam ayat yang lain:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ
وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي
تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا.

Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya Hawa) dan juga yang membiakkan dari keduanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya,

serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu. [al-Nisa' 4:01]

Bayangkan jika Allah hanya mencipta satu jenis manusia yang bukan lelaki atau wanita, tentu dunia ini menjadi sangat hambar lagi membosankan. Bayangkan jika manusia perlu mencari pasangan dari jenis yang lain umpama harimau, gajah atau unta, tentu agak mustahil untuk hidup serumah. Bayangkan jika manusia perlu mencari pasangan dari jenis makhluk jin, tentu sukar untuk bermain-main dengan makhluk yang tidak kelihatan bentuknya yang asal.

Maka di sebalik penciptaan lelaki dan wanita, terdapat hikmah yang amat besar bagi kita, sekaligus membuktikan kebesaran, keagungan dan hikmah Allah dalam menciptanya.

Supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya...

Tujuan Allah menciptakan pasangan lelaki dan wanita ialah setelah mereka berdua diikat secara halal melalui pernikahan, setiap seorang daripada mereka dapat hidup bersenang hati dan mesra di antara satu sama lain. Suami dapat bersenang hati dan bermesra-mesraan dengan isterinya

sementara isteri dapat bersenang hati dan bermesra-mesraan dengan suaminya.

Apabila sifir ini diubah dengan salah seorang atau kedua-dua suami-isteri sibuk dengan kerjaya dan pulangan kebendaan, maka bermulalah bibit-bibit awal pergeseran rumahtangga. Rumahtangga tidak lagi menjadi suasana bersenang hati dan bermesra-mesraan tetapi suasana persinggahan sementara pada malam hari setelah sibuk mengejar kerjaya dan kebendaan pada siang hari.

Di sini saya bukan bermaksud untuk menafikan kepentingan kerja dan wang ringgit, akan tetapi hendaklah disusun prioriti agar suasana bersenang hati dan bermesra-mesraan di antara suami-isteri tetap mendapat perhatian di tangga yang atas.

Dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan.

Apabila pasangan suami-isteri saling berkasih sayang di antara satu sama lain, tahukah, ingatkah dan sedarkah mereka bahawa Allah yang mencipta perasaan kasih sayang itu dan menjadikannya memutik lagi mekar di hati masing-masing? Jika belum, maka ketahuilah bahawa Allah yang

menjadikan *di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan.*

Di sini terdapat dua pengajaran yang amat penting. **Pertama**, apabila kita sayang kepada pasangan kita, maka sayangilah Allah yang telah menjadikan kasih sayang tersebut. Semakin kita menyayangi pasangan kita, semakin kita menyayangi Allah. Bahkan kasih sayang kita kepada Allah hendaklah jauh lebih besar dari kasih sayang kita kepada pasangan, kerana daripada Allah jualah datang nikmat berkasih sayang.

Kedua, apabila terasa kasih sayang di antara pasangan semakin berkurang atau telah hilang, maka kembalilah kepada Allah untuk berdoa kepada-Nya agar dikembalikan kasih sayang tersebut. Kerap kali kita mendengar pasangan yang sudah beberapa tahun mendirikan rumahtangga merungut bahawa “sudah tidak ada apa-apa di antara kita berdua”. Jangan merungut tetapi rujuklah kepada Allah, kembalilah kepada kehidupan yang diredhai Allah dan mintalah agar kasih sayang tersebut kembali memutik dan mekar di hati masing-masing.

“Ya Allah! Engkaulah yang telah menciptakan bagi

manusia pasangan dari jenisnya yang sendiri agar manusia dapat hidup bersenang hati dan bermesra-mesraan. Ya Allah! Engkaulah yang menjadikan di antara pasangan suami-isteri perasaan kasih sayang dan belas kasihan.

Oleh itu Ya Allah, jadikanlah perasaan kasih sayang dan belas kasihan di antara kami agar kami dapat hidup bersenang hati dan bermesra-mesraan.

Ya Allah, sebelum ini kami telah lupa kepada Kamu dan mengabaikan Kamu. Maafkanlah kami, terimalah kembali kami dan golongkanlah kami di kalangan hamba-hamba-Mu yang berada di bawah keampunan, hidayah, rahmat-Mu.”

Sesungguhnya dalam yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

Semoga kupasan-kupasan di atas mengandungi keterangan-keterangan yang menimbulkan kesedaran bagi para pembaca yang berfikir.

Soal Jawab Munakahat

Soalan 1: Mas Kahwin

Bolehkah diterangkan berkenaan hukum-hakam mas kahwin di dalam Islam?

Jawapan:

Mas kahwin atau mahar adalah sesuatu yang diberikan oleh suami kepada isteri yang bakal dinikahnya. Mas kahwin merupakan tanda kejujuran seorang suami dalam menikahi isterinya. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

وَأْتُوا النِّسَاءَ صَدُقَاتِهِنَّ نِحْلَةً.

Berikanlah maskawin (mahar) kepada wanita (yang kamu nikahi) sebagai pemberian dengan penuh kerelaan.
[al-Nisa' 4:04]

Dalam ayat ini Allah memerintahkan kepada para suami untuk memberi mas kahwin kepada wanita yang akan dinikahnya. Ini merupakan dalil bahawa memberikan mas kahwin hukumnya wajib ke atas suami. Dalam ayat ini juga Allah menyebut pemberian itu sebagai sesuatu yang dilakukan dengan kerelaan suami. Ini merupakan dalil bahawa kadar

mas kahwin adalah mengikut kemampuan suami dan bukan atas permintaan mahu pun status pihak isteri.

Sebaik-baik mas kahwin ialah apa yang memudahkan suami. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِنَّ مِنْ يُمْنِ الْمَرْأَةِ تَيْسِيرَ خِطْبَتِهَا وَتَيْسِيرَ صَدَاقِهَا وَتَيْسِيرَ رَحْمَتِهَا.

Sesungguhnya di antara kebaikan seorang wanita ialah mudah lamarannya, mudah mas kahwinnya dan mudah rahimnya (yakni mudah melahirkan anak). [Musnad Ahmad, no: 23338/24478 dengan sanad hasan]

Oleh itu di dalam hadis-hadis sahih kita dapati pada zaman Rasulullah, para sahabat yang tidak memiliki harta ada yang memberi mas kahwin dengan bacaan ayat al-Qur'an, memeluk Islam dan baju besi yang digunakan ketika perang. Sebaliknya bagi suami yang mampu dan mudah baginya, tidak ada nilai maksimum pemberian mas kahwin kepada isterinya. Hanya amatlah penting untuk menjaga hati agar tidak timbul perasaan ujub atau ingin meraih sebutan orang ramai.

Mas kahwin seluruhnya adalah untuk isteri. Wali atau

sesiapa lain tidak boleh meminta mas kahwin tersebut, sama ada sedikit atau banyak. Atas dasar ini juga, isteri boleh – atas kerelaannya sendiri – memberikan sebahagian dari mas kahwin tersebut kepada suaminya. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

فَإِنْ طِبْنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَرِيئًا.

Kemudian jika mereka (isteri) menyerahkan kepada kamu sebahagian dari maskawin itu dengan senang hati, maka makanlah (ambillah) pemberian itu (sebagai suatu) nikmat yang baik. [al-Nisa 4:04]

Dianjurkan menentukan nilai mas kahwin dan menyerahkannya sebelum melaksanakan akad nikah. Ini adalah cara yang terbaik sekalipun pada asalnya mas kahwin tersebut boleh tidak dinyatakan nilainya dan/atau ditangguhkan penyerahannya ketika akad nikah. Allah berfirman:

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ طَلَقْتُمْ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا لَهُنَّ فَرِيضَةً.

Tidak ada kewajiban membayar (mas kahwin) atas

kamu, jika kamu menceraikan isteri-isterimu sebelum kamu bercampur dengan mereka dan sebelum kamu menentukan (nilai) mas kahwinnya. [al-Baqarah 2:236]

Mas kahwin menjadi hak isteri 100% setelah berlakunya persetubuhan di antara suami dan isteri. Allah berfirman:

وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُ وَقَدْ أَفْضَىٰ بَعْضُكُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ وَأَخَذْنَ مِنْكُمْ مِيثَاقًا غَلِيظًا.

Bagaimana kamu akan mengambilnya kembali (mas kahwin), padahal sebagian kamu telah bergaul (bersetubuh) dengan yang lain sebagai suami-isteri. Dan mereka (isterimu) telah mengambil daripada kamu perjanjian yang kuat. [al-Nisa' 4:21] Mas kahwin juga menjadi hak isteri 100% jika suami meninggal dunia sebelum dia sempat bersetubuh dengan isterinya. Ini berdasarkan kesepakatan para sahabat dan ulama'.

Mas kahwin menjadi hak isteri 50% jika suami menceraikan isterinya sebelum berlaku persetubuhan di antara mereka berdua. Firman Allah:

وَإِنْ طَلَّقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ وَقَدْ فَرَضْتُمْ لَهُنَّ فَرِيضَةً
فَانصِفُوا مَا فَرَضْتُمْ إِلَّا أَنْ يَعْفُونَ أَوْ يَعْفُوَ الَّذِي بِيَدِهِ عُقْدَةُ النِّكَاحِ
وَأَنْ تَعْفُوا أَقْرَبُ لِلتَّقْوَى وَلَا تَنْسُوا الْفَضْلَ بَيْنَكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِمَا
تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ.

Jika kamu menceraikan isteri-isterimu sebelum kamu bercampur dengan mereka, padahal sesungguhnya kamu sudah menentukan maharnya, maka bayarlah seperdua dari mahar yang telah kamu tentukan itu, kecuali jika isteri-isterimu itu memaafkan atau dimaafkan oleh orang yang memegang ikatan nikah, dan pemaafan kamu itu lebih dekat kepada takwa. Dan janganlah kamu melupakan keutamaan di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang kamu kerjakan. [al-Baqarah 2:237]

Jika tidak ada nilai mas kahwin yang ditentukan sebelum akad nikah, lalu suami menceraikan isterinya selepas akad nikah dan sebelum persetubuhan, maka hendaklah suami memberikan hadiah kepada isterinya itu. Hadiah ini disebut sebagai *mut'ah* dan ia diberi mengikut kesanggupan suami:

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ طَلَقْتُمْ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا
لَهُنَّ فَرِيضَةً وَمَتَّعُوهُنَّ عَلَى الْمَوْسِعِ قَدْرُهُ وَعَلَى الْمُقْتِرِ قَدْرُهُ مَتَاعًا
بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُحْسِنِينَ.

Tidak ada kewajiban membayar (mas kahwin) atas kamu, jika kamu menceraikan isteri-isterimu sebelum kamu bersetubuh dengan mereka dan sebelum kamu menentukan mas kahwinnya. Dan hendaklah kamu berikan suatu mut'ah (pemberian) kepada mereka. Orang yang mampu menurut kemampuannya dan orang yang miskin menurut kemampuannya (pula), yaitu pemberian menurut yang patut. Yang demikian itu merupakan ketentuan bagi orang-orang yang berbuat kebajikan. [al-Baqarah 2:236]

Mas kahwin dikembalikan sepenuhnya kepada suami (isteri mendapat 0%) jika berlaku penceraian disebabkan oleh isteri sementara persetubuhan belum berlaku. Misalnya, suami menceraikan isteri kerana terdapat aib besar pada isteri yang disembunyikan daripada pengetahuan suami sebelum pernikahan.

Mas kahwin juga dikembalikan sepenuhnya kepada suami dalam kes *khulu'*, iaitu apabila isteri memohon

perceraian di hadapan hakim. Isteri menyerahkan kembali mas kahwinnya sebagai satu bentuk tebusan. Firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

فَإِنْ حِفْتُمْ إِلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا افْتَدَتْ بِهِ.

Jika kamu khawatir bahwa keduanya (suami-isteri) tidak dapat menjalankan hukum-hukum Allah, maka tidak ada dosa atas keduanya tentang bayaran yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya. [al-Baqarah 2:229]

Demikianlah secara ringkas hukum-hakam berkenaan mas kahwin di dalam Islam.

Soalan 2: Menceritakan Aib Sebelum Perkahwinan.

Adakah wajib bagi seseorang itu menerangkan kekurangan atau kecacatan yang ada pada dirinya sebelum melangsungkan akad nikah? Saya menghadapi penyakit darah istihadhah, di mana pendarahan ini kerap kali berlaku di luar masa kitaran haid saya.

Jawapan:

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah berjalan melintasi sebuah kedai yang menjual makanan. Apabila baginda memasukkan tangannya ke dalam makanan tersebut, ternyata jari-jarinya terasa sesuatu yang basah (makanan yang sudah rosak). Maka baginda bertanya: “Apakah ini wahai pemilik makanan?” Dia menjawab: “Ia telah basah kerana terkena air hujan ya Rasulullah!” Rasulullah membalas:

أَفَلَا جَعَلْتَهُ فَوْقَ الطَّعَامِ كَيْ يَرَاهُ النَّاسُ؟ مَنْ عَشَّ فَلَيْسَ

مِيَّي.

Mengapa kamu tidak meletaknya di bahagian atas makanan supaya boleh dilihat oleh orang ramai (dan mereka mengetahui ia sudah rosak)? Sesiapa yang menipu maka dia bukan daripada golonganku. [Shahih Muslim, no: 147/102]

Dalam hadis di atas, orang yang menyembunyikan makanan yang rosak telah diberi amaran keras oleh Rasulullah. Maka bagaimana pula dengan pasangan yang ingin menikah, lalu salah seorang atau kedua-duanya

menyembunyikan kekurangan atau kecacatan yang ada pada diri mereka sendiri? Sudah tentu ia dilarang juga.

Oleh itu hendaklah memberitahu semua kekurangan dan kecacatan yang ada pada diri sendiri ketika proses lamaran. Jika tidak pasti sama ada perkara itu adalah kekurangan atau tidak, kecacatan atau tidak, maka hendaklah tetap diberitahu sebagai langkah selamat dan jujur. Kemudian terpulang kepada bakal pasangan sama ada untuk menerima atau menolaknya.

Jika kekurangan dan kecacatan itu hanya diketahui selepas pernikahan, maka pasangannya berhak menuntut cerai dan berita penceraian yang berlaku segera selepas pernikahan sudah tentu akan menjadi buah mulut orang ramai. Maka bersikap jujurlah sejak awal bagi mengelakkan penyesalan di masa kemudian.

Bersediakah Anda Menjadi Suami?

Kebiasaan masyarakat kita apabila disebut persediaan menjadi suami, mereka menyangka ia adalah memiliki sijil pengajian tinggi, paling kurang diploma. Sudah memiliki kerjaya dengan gaji bulanan minima RM2500, diikuti dengan sebuah rumah dan kereta. Tidak ketinggalan, wang tunai berjumlah RM30,000 untuk urusan perkahwinan seperti duit hantaran, dulang-dulang hantaran, cincin dan belanja kenduri kahwin. Jika seorang lelaki belum memiliki semua ini, dia belum layak untuk bergelar suami.

Namun dalam Islam, ukuran persediaan untuk menjadi suami bukanlah seperti di atas. Persediaan untuk menjadi suami lebih tertumpu kepada kualiti lelaki tersebut dan inilah yang akan diperincikan dalam kolum bulan ini.

Kepimpinan.

Persediaan terpenting ialah bakal suami perlu mengetahui bahawa dia memiliki tanggungjawab sebagai pemimpin ke atas keluarganya. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى
بَعْضٍ.

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan. [al-Nisa' 4:34]

Sebagai pemimpin, bakal suami hendaklah memiliki ilmu rumahtangga, akhlak yang menterjemah teori kepada praktikal, disiplin yang tinggi serta wawasan yang luas. Jika sebelum ini pernah menjadi pemimpin, seperti pemimpin kelab, persatuan, rombongan atau jabatan, maka ia adalah pengalaman yang boleh dikembangkan dalam kepimpinan rumahtangga.

Bagi yang belum pernah, maka alam rumahtangga adalah suasana yang baik untuk mula melatih diri menjadi pemimpin. Terasa sukar? Jangan bimbang. Lantiklah isteri anda menjadi timbalan pemimpin untuk bersama-sama saling membantu mengemudi bahtera rumahtangga.

Di sini perlu diingatkan bahawa kepimpinan anda

sentiasa dicatat markahnya oleh malaikat di bahu kanan dan kiri. Oleh itu berwaspadalah, jangan menjadi pemimpin yang ego dan zalim. Setiap langkah dan ciri kepimpinan anda akan dipersoalkan semula oleh Allah pada Hari Akhirat kelak.

Ketegasan.

Lanjutan dari ciri seorang pemimpin, bakal suami hendaklah tegas dalam membimbing isteri. Kelak apabila dianugerahkan cahaya mata, suami juga hendaklah tegas dalam membimbing anak-anak. Allah *Subhanahu waTa'ala* mengingatkan:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ وَأَوْلَادِكُمْ عَدُوًّا لَكُمْ
فَاخْذُرُوهُمْ وَإِنْ تَعَفُّوا وَتَصْفَحُوا وَتَغْفِرُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ.

Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya ada di antara isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu yang menjadi musuh bagi kamu; oleh itu awaslah serta berjaga-jagalah kamu terhadap mereka.

Dan kalau kamu memaafkan dan tidak marahkan (mereka) serta mengampunkan kesalahan mereka (maka Allah akan berbuat demikian kepada kamu), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha

Mengasihani. [al-Taghabun 64:14]

Oleh itu dalam institusi perkahwinan, suami adalah pemimpin dan bukan yang dipimpin, penjaga dan bukannya dijaga serta pengawal dan bukannya dikawal. Namun ketegasan bukanlah bererti bengis dan menakutkan, sebaliknya hendaklah bersikap *...memaafkan dan tidak marahkan (mereka) serta mengampunkan kesalahan mereka.*

Pemelihara Dari Api Neraka.

Suami merupakan pemelihara agar ahli keluarga tidak masuk ke dalam api neraka. Firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ
وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ
وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ.

Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: Manusia dan batu (berhala); Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar

(layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.
[al-Tahrim 66:06]

Justeru anda perlu melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu agama dan seterusnya mendidik ahli keluarga serta memastikan mereka mempraktikkannya. Lebih penting, anda hendaklah paling kehadapan dalam mempraktikkan ilmu-ilmu agama tersebut. Jangan sekadar menyuruh ahli keluarga mendirikan solat tetapi anda tidak solat, jangan sekadar menyuruh ahli keluarga menutup aurat tetapi anda mendedahkan aurat. Allah memberi amaran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ. كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ
اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ.

Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya! Amat besar kebenciannya di sisi Allah kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya. [al-Saff 61:2-3]

Memberi Nafkah.

Termasuk persediaan menjadi suami ialah kesedaran

bahawa anda merupakan sumber kewangan rumahtangga. Justeru anda bertanggungjawab menyediakan nafkah tempat tinggal, keperluan asas dalam tempat tinggal, pakaian, makanan dan minuman kepada ahli keluarganya. Anda juga bertanggungjawab ke atas kesihatan dan perubatan ahli keluarga seandainya mereka jatuh sakit.

Meskipun nafkah rumahtangga berada di atas bahu suami, ini tidaklah bererti suami mesti memiliki pendapat minima yang tertentu jumlahnya. Setiap suami memiliki kemampuan kewangan yang berbeza dan setiap suami berbelanja untuk ahli keluarganya pada kadar kemampuannya. Tidak ada nilai minimum atau maksimum untuk kadar nafkah ini. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

لِيُنْفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّنْ سَعَتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا
آتَاهُ اللَّهُ.

Hendaklah orang (suami) yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu). [al-Thalaq 65:07]

Demikianlah beberapa kualiti yang perlu ada pada seorang lelaki untuk dia menjadi seorang suami. Perhatikan bahawa kualiti-kualiti ini tidak ada ukuran minimum dan maksimum atau batasan tertentu bagi menentukan layak atau tidak. Ia adalah kualiti yang nilainya relatif, ia akan bertambah apabila anda berusaha untuk memperbaikinya dan akan berkurang apabila anda mengabaikannya.

Justeru lelaki yang sudah bersedia menjadi suami ialah lelaki yang mengetahui kualiti-kualiti ini, memilikinya dan berazam untuk terus memperbaikinya.

Soal Jawab Munakahat

Soalan 1: Kelab Isteri Taat.

Beberapa bulan yang lepas timbul isu “Kelab Isteri Taat” dan “Pelacur Kelas Pertama”. Ada yang menyokongnya dan ada yang membantahnya. Sehingga kini saya dan rakan-rakan masih membicarakannya. Persoalan saya, apakah pandangan Islam tentang “Kelab Isteri Taat” dan “Pelacur Kelas Pertama” ini?

Jawapan:

“Kelab Isteri Taat” memiliki kebenaran dan kesalahan di dalamnya. Kebenarannya ialah isteri memang perlu taat kepada suami, kesalahannya adalah Islam mewajibkan ketaatan ini kepada semua isteri dan bukan sekadar ahli kelab. Dalam erti kata lain, Islam mewajibkan semua isteri untuk taat kepada suami mereka asalkan ia tidak melibatkan maksiat kepada Allah.

Dalam surah al-Nisa’ ayat ke tiga puluh empat, Allah *Subhanahu waTa’ala* menerangkan ciri-ciri isteri solehah:

فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ.

Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama. Imam Ibn Katsir ketika menafsirkan ayat di atas mengemukakan penjelasan kebanyakan ilmunan Islam bahawa “taat” yang dimaksudkan dalam ayat di atas ialah ketaatan kepada suami.

Ini diperkuatkan oleh hadis-hadis Rasulullah. Di antaranya, baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا صَلَّتِ الْمَرْأَةُ حَمْسَهَا، وَصَامَتْ شَهْرَهَا، وَحَفِظَتْ
فَرْجَهَا، وَأَطَاعَتْ زَوْجَهَا قِيلَ لَهَا: ادْخُلِي الْجَنَّةَ مِنْ أَيِّ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ
شِئْتَ.

Apabila seorang wanita (isteri) mendirikan solat lima waktu sehari, berpuasa pada bulan Ramadhan, menjaga kemaluannya (dari berzina dengan lelaki lain) dan taat kepada suaminya, maka dikatakan kepadanya: “Masuklah ke dalam syurga dari mana-mana pintu yang kamu ingini.” [Musnad Ahmad, no: 1573/1661 dengan sanad hasan]

Jika isteri tidak taat sehingga suami marah atau kecewa dengannya, maka Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam mengingatkan:

ثَلَاثَةٌ لَا تُجَاوِزُ صَلَاتَهُمْ آذَانَهُمُ الْعَبْدُ الْآبِقُ حَتَّى يَرْجِعَ
وَأَمْرَأَةٌ بَاتَتْ وَزَوْجُهَا عَلَيْهَا سَاحِطٌ وَإِمَامٌ قَوْمٌ وَهُمْ لَهُ كَارِهُونَ.

Tiga orang yang solatnya tidak akan melampaui telinga mereka (yakni tidak naik kepada Allah): (1) seorang budak yang lari (dari tuannya) hingga dia kembali, (2) seorang isteri yang tidur sementara suaminya dalam

keadaan marah (kepadanya) dan (3) seorang imam bagi suatu kaum sedangkan mereka benci kepadanya. [Shahih Sunan al-Tirmizi, no: 328/360]

Semua ini dengan catatan, ketaatan isteri kepada suami hanyalah dalam perkara yang selari dengan Islam. Jika ia bertentangan, seperti suami yang menyuruh isteri mendedahkan aurat, maka tiada ketaatan di dalamnya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ.

Diwajibkan mendengar dan taat ke atas setiap muslim sama ada dalam hal yang dia suka atau benci selagi mana dia tidak diperintah untuk melakukan maksiat. Jika dia diperintah melakukan maksiat maka tiada wajib mendengar dan tidak wajib taat. [Shahih al-Bukhari, no: 6611/7144]

Apabila ada pihak yang tidak setuju atau membantah ciri ketaatan isteri kepada suami, ia adalah kerana mereka telah terpengaruh dengan budaya kehidupan asing. Ini adalah satu bentuk sekularisme masa kini, di mana Islam hanya

tinggal ibadah seperti wudhu' dan solat manakala kehidupan harian – seperti kehidupan suami isteri – disesuaikan dengan budaya asing atau kehendak diri sendiri.

Bagi mereka yang menginginkan syurga Allah, maka mereka mengetahui bahawa taat kepada suami bererti taat kepada Allah. Mereka juga menyedari bahawa Islam tidak memisahkan antara solat dan ketaatan kepada suami, bahkan ia saling berkaitan sebagaimana dua buah hadis di atas.

Ada pun “Pelacur Kelas Pertama”, ia hanyalah istilah sensasi untuk menarik perhatian orang ramai. Jika digunakan istilah “isteri solehah” sahaja, tentu ramai yang tidak terlintas tentang hubungan seks di antara suami isteri. Apabila digunakan istilah sensasi tersebut, suami sebagai “pelanggan kelas pertama” akan berusaha memberikan kepuasan seksual yang terbaik kepada isteri sementara isteri sebagai “pelacur kelas pertama” akan berusaha memberikan kepuasan seksual yang terbaik kepada suami.

Betul atau salah istilah sensasi ini adalah relatif dan terpulang kepada penilaian masing-masing. Namun apa yang benar adalah kualiti hubungan seks di antara sebahagian suami isteri masa kini agak kurang dan menjadi salah satu

punca perselisihan rumahtangga. Justeru hendaklah setiap pasangan suami isteri berusaha untuk meningkatkan kualiti hubungan seks mereka. Usah segan-segan untuk menuntut ilmu atau bertanya kepada mereka yang ahli (pakar) dalam bidang ini. Hubungan seks bukanlah sesuatu yang mesti disembunyikan sepenuhnya. Perhatikan bagaimana al-Qur'an juga turut membicarakan tentangnya, bahkan menggunakan istilah "kebun tanaman" untuk menarik perhatian orang yang membacanya:

نِسَاؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأْتُوا حَرْثَكُمْ أَنَّى شِئْتُمْ.

Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai. [al-Baqarah 2:223]

Soalan 2: Membawa Tunang Ke Rumah.

Sempena Hari Raya Aidil Fitri sepanjang bulan September ini, saya bercadang membawa tunang saya untuk berhari raya di rumah ibubapa saya, juga agar mereka dapat saling bersalaman dan meminta maaf. Apakah etika yang perlu saya perhatikan agar rancangan saya ini selari dengan

ajaran Islam?

Jawapan:

Hajat agar tunang anda dapat berjumpa dengan ibubapa anda adalah sesuatu yang baik. Melalui perjumpaan-perjumpaan ini, ibubapa dan tunang anda dapat saling berkenalan dengan lebih baik, saling meyakini dan saling berkasih sayang kerana Allah. Beberapa etika yang perlu diperhatikan:

- Hari Raya Aidil Fitri hanya sehari, iaitu pada satu Syawal. Ia bukannya sebulan penuh. Justeru boleh saja untuk tunang anda berjumpa dengan ibubapa anda pada bila-bila masa tanpa terhad kepada bulan September sahaja.
- Meminta maaf adalah budaya yang baik, namun ia dilakukan oleh orang yang pernah membuat salah, sudah dikenal pasti kesalahannya dan dilakukan segera selepas membuat salah. Ia tidak ditangguhkan kepada saat Hari Raya sahaja, dilakukan setahun sekali sahaja atau sekadar menjadi ucapan manis dibibir. Oleh itu seandainya anda atau tunang anda pernah membuat

salah atau mengecewakan ibubapa anda, maka segeralah meminta maaf.

- Maksud “tunang” ialah seseorang yang sudah anda miliki perjanjian dengannya untuk bernikah pada tarikh yang dipersetujui. Tunang bukanlah pasangan hidup seperti suami isteri, justeru anda tidak boleh bersalaman dengannya atau membawanya secara berduaan ke rumah ibubapa anda mahupun ke mana-mana. Hendaklah tunang anda datang berseorangan atau ditemani oleh mahram yang dipercayainya.

Jom Bincang Berkenaan Nafkah

Dalam artikel yang lepas, saya menerangkan bahawa antara syarat kelayakan seseorang itu menjadi suami ialah kesedaran dan kemampuan untuk memberi nafkah kepada isterinya. Dalam artikel ini, *insya-Allah* saya akan mengupas tajuk nafkah dengan lebih mendalam, agar kita sama-sama dapat mengetahui tentangnya dan mempraktikkannya sebaik mungkin.

Nafkah bererti belanja. Secara lebih terperinci ia bererti belanja yang dikeluarkan oleh suami bagi memenuhi keperluan asas ahli keluarganya, yakni isteri dan anak-anak. Keperluan asas yang dimaksudkan ialah tempat tinggal dan kelengkapannya, makanan, minuman, pakaian, pendidikan (anak-anak) dan perubatan apabila diuji dengan penyakit.

Hikmah nafkah ini ialah sebagai penghargaan dan timbal balik suami kepada isterinya yang bekerja keras melayan keperluan suami, menguruskan rumah dan membesarkan serta mendidik anak-anak.

Hukum dan Kadar Nafkah.

Hukum suami memberi nafkah kepada ahli keluarganya adalah wajib. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ .

Dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. [al-Baqarah 2:233] Dalam ayat yang lain Allah berfirman juga:

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وُجْدِكُمْ .

Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu. [al-Thalaq 65:06] Demikian juga pada ayat seterusnya:

لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِنْ سَعَتِهِ .

Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. [al-Thalaq 65:07]

Firman Allah “*Tempatkanlah...*” dan “*Hendaklah...*” adalah kata kerja perintah, bererti ialah adalah satu perintah yang membawa hukum wajib ke atas suami. Berdasarkan

ayat-ayat ini, para ilmuwan Islam menyatakan bahawa hukum suami memberikan nafkah kepada ahli keluarganya adalah wajib.

Apa yang menarik untuk diperhatikan di sini adalah, sekalipun Islam mewajibkan tanggungjawab nafkah ke atas suami, Islam menyerahkan kadar nafkah tersebut kepada tahap kemampuan suami tersebut. Jika disemak semula ayat-ayat di atas, akan didapati Allah *Subhanahu waTa'ala* menyatakan kadar nafkah sebagai “...*menurut cara yang sepatutnya...*” dan “...*sesuai dengan kemampuan kamu*”. Ini dijelaskan lagi dalam ayat berikut:

لِيُنْفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّنْ سَعَتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا
آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا آتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ
يُسْرًا.

Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-

orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan. [al-Thalaq 65:07]

Keadaan Isteri Yang Diberikan Nafkah.

Suami tetap wajib memberi nafkah kepada isteri sekalipun isteri tersebut seorang yang kaya atau memiliki pendapatan tersendiri. Hanya sahaja, kadar nafkah tetap diukur berdasarkan kemampuan suami dan bukannya permintaan isteri. Justeru seorang isteri yang berasal dari latarbelakang keluarga yang kaya atau berpendapatan tinggi tidak boleh mengharapkan atau meminta barang-barang yang mewah daripada suaminya.

Atas dasar ini, penting bagi seorang wanita untuk memerhatikan kadar kewangan dirinya dan kadar kewangan calon suaminya. Jika dia (wanita) seorang yang biasa dengan kehidupan selesa, berpendapatan tinggi atau menyukai benda-benda yang mewah, tidak disyorkan memilih calon suami yang biasa dengan kehidupan serba minimum, berpendapatan rendah atau berkecukupan dengan apa yang sedia ada.

Alternatif lain, isteri yang kaya atau berpendapatan tinggi boleh menyumbang sama di atas apa yang dibelanjakan

oleh suami. Alternatif ini adalah satu pilihan kepada isteri dan apa yang dia sumbangkan atau belanja menjadi sumber pahala kepadanya. Pahala kerana meringankan beban suami, pahala kerana merupakan sedekah untuk ahli keluarganya.

Nafkah Ialah Sedekah, Sedekah Ialah Pelaburan.

Dalam suasana ekonomi yang semakin menghimpit ini, subjek nafkah mungkin merupakan sesuatu yang agak berat. Bahkan agak ramai suami yang sangat berkira apabila mengeluarkan nafkah untuk ahli keluarganya.

Sebenarnya, nafkah ialah satu bentuk sedekah. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا أَنْفَقَ الرَّجُلُ عَلَى أَهْلِهِ يَحْتَسِبُهَا فَهُوَ لَهُ صَدَقَةٌ.

Apabila seseorang (suami) memberi nafkah untuk keluarganya dengan niat mengharap pahala, maka itu baginya adalah sedekah. [Shahih al-Bukhari, no: 53/55]

Nafkah yang diberikan secara ikhlas, yakni semata-mata kerana mengharapkan keredhaan, pahala dan ganjaran daripada Allah, akan menjadi satu sumber pelaburan yang amat menguntungkan.

Allah menyatakan hal ini dalam firman-Nya:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ
سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ
وَاسِعٌ عَلِيمٌ.

Bandingan orang-orang yang menafkahkan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya. [al-Baqarah 2:261]

Jika orang yang menafkahkan harta pada jalan Allah mendapat pulangan pelaburan sebesar di atas, bagaimana pula dengan orang yang menafkahkan harta kepada keluarganya? Hadis berikut menjadi rujukan:

دِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَدِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِي رَقَبَةٍ وَدِينَارٌ
تَصَدَّقْتَ بِهِ عَلَى مَسْكِينٍ وَدِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ أَعْظَمُهَا أَجْرًا
الَّذِي أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ.

Dinar (harta) yang kamu belanjakan di jalan Allah dan dinar yang kamu berikan kepada seorang budak wanita,

dan dinar yang kamu sedekahkan kepada orang miskin serta dinar yang kamu nafkahkan kepada keluargamu. Maka yang paling besar ganjaran pahalanya adalah yang kamu nafkahkan kepada keluargamu. [Shahih Muslim, no: 1661/995]

Tiada had minima untuk modal pelaburan yang dijadikan sebagai nafkah untuk keluarga. Apa jua yang dinafkahkan merupakan modal pelaburan, sekalipun sekadar sesuap nasi. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

وَلَسْتَ تُنْفِقُ نَفَقَةً تَبْتَغِي بِهَا وَجْهَ اللَّهِ إِلَّا أُجِرْتَ بِهَا حَتَّى

الْقَمَّةُ بَجَعْلُهَا فِي امْرَأَتِكَ.

Tidaklah kamu menafkahkan suatu nafkah dengan tujuan untuk mencari redha Allah, melainkan kamu akan mendapatkan pahala karena pemberianmu itu, sehinggalah sesuap makanan yang kamu hulurkan ke mulut isterimu juga merupakan sedekah daripadamu. [Shahih Muslim, no: 3076/1628]

Kesimpulannya, sama ada nafkah yang wajib diberikan oleh suami atau sumbangan yang ditambah oleh

isteri, semuanya ada sedekah yang menjana pahala lagi menghasilkan pulangan yang tinggi. Oleh itu ayah wahi suami dan isteri, sama-samalah mengeluarkan belanja untuk rumahtangga masing-masing, asalkan tidak ke tahap pembaziran.

Soal Jawab Munakahat

Soalan 1: Nikah Mut'ah.

Apakah nikah mut'ah dan kenapakah ia dikaitkan dengan Syi'ah?

Jawapan:

Terima kasih atas soalan ini. Bagi lebih memahaminya, saya akan menerangkan secara ringkas berkenaan Syi'ah terlebih dahulu. Syi'ah dari sudut bahasa bererti kelompok atau parti. Dari sudut istilah ia bererti sekelompok orang yang menyandarkan diri mereka kepada Hussain bin Ali dengan memiliki aqidah dan hukum fiqh yang tersendiri.

Pada zaman Khalifah 'Umar bin al-Khattab, Islam telah berkembang sehingga ke negara Parsi. Apabila kerajaan Diraja Parsi berjaya ditumbangkan, sebahagian daripada

rakyat Parsi memeluk Islam secara ikhlas sementara sebahagian lagi kekal di dalam agama asal mereka dan membuat perjanjian damai dengan kerajaan Islam. Namun sebahagian yang lain pura-pura memeluk Islam dengan rancangan jahat ingin merosakkan Islam dari dalam.

Di antara kerabat Diraja Parsi yang ditumbangkan, terdapat seorang puteri yang bernama Syahr Banu. Dia kemudiannya dinikahi oleh Hussain bin Ali bin Abi Thalib (cucu Rasulullah). Orang-orang Parsi yang pura-pura memeluk Islam ingin menjadikan keturunan Hussain dan Puteri Syahr Banu sebagai pemimpin baru mereka. Maka mereka mengangkat keturunan Hussain yang dilahirkan oleh Puteri Syahr Banu sebagai imam-imam mereka, yakni pemimpin-pemimpin mereka. Ini mereka lakukan kerana di dalam keturunan tersebut masih terdapat “darah Parsi” daripada Puteri Syahr Banu.

Demikianlah secara ringkas sejarah kemunculan Mazhab Syi’ah. Para pembaca sekalian boleh mendapat maklumat yang lebih lanjut daripada buku saya sebanyak lima siri yang menjawab serta menerangkan kebatilan Mazhab Syi’ah (www.hafizfirdaus.com). Hanya pada kesempatan ini,

saya ingin menekankan beberapa fakta penting:

- Mazhab Syi'ah bukanlah seumpama Mazhab asy-Syafi'e, Hanbali, Maliki dan Hanafi. Mazhab Syi'ah memiliki sumber rujukan yang berbeza, sekali gus dengan hukum-hukum agama yang berbeza. Sementara Mazhab asy-Syafi'e, Hanbali, Maliki dan Hanafi memiliki rujukan yang sama yakni al-Qur'an dan al-Sunnah. Hanya mereka berbeza pendapat dalam memahaminya.
 - Mazhab Syi'ah disepakati kesesatannya daripada Islam dengan sebahagian daripada aliran-aliran yang terdapat di dalamnya mendekati hukum kafir.
 - Pasangan-pasangan hendaklah menyemak latarbelakang agama calon mereka, baik suami mahupun isteri. Jika dia dari Mazhab Syi'ah atau cenderung kepada Mazhab Syi'ah, hendaklah berpisah daripadanya. Usah memberi nasihat atau cuba berdialog kerana kerap kali pemberi nasihat yang akhirnya akan terpengaruh dengan dakyah Syi'ah.
- Kembali kepada persoalan Nikah Mut'ah, ia

merupakan salah satu ciri khusus perkahwinan dalam Mazhab Syi'ah. Nikah Mut'ah bererti seorang lelaki menikahi seorang wanita dengan perjanjian tempoh waktu tertentu umpama sebulan, setahun dan sebagainya. Apabila tempoh itu tiba, berlaku perceraian secara terus (*automatic*) tanpa pihak isteri mahupun anak-anak mendapat apa-apa nafkah mahu pun harta warisan. Dalam erti kata mudah, Nikah Mut'ah adalah Nikah Kontrak.

Pada zaman awal Islam, Rasulullah membenarkan Nikah Mut'ah kerana ia merupakan satu kebiasaan masyarakat ketika itu. Baginda merancang untuk mengharamkan Nikah Mut'ah ini secara berperingkat-peringkat, agar tidak menjadi satu kejutan budaya bagi umat Islam yang masih “muda” ketika itu. Dengan berlalunya masa, Nikah Mut'ah mula diharamkan kecuali apabila darurat, seperti pada saat peperangan. Akhirnya di penghujung hayat Rasulullah, baginda mengharamkan Nikah Mut'ah secara keseluruhan, baik dalam keadaan selamat mahupun darurat.

Justeru hukum muktamad Nikah Mut'ah adalah haram dan inilah yang menjadi pegangan para sahabat dan tokoh-tokoh ilmunan Islam dari semua Mazhab baik asy-Syafi'e,

Hanbali, Maliki dan Hanafi.

Jika ditinjau dari sudut etika dan kemuliaan, Nikah Mut'ah adalah satu bentuk zina dan penghinaan ke atas kaum wanita. Sejak awal bernikah, suami telah menyatakan bahawa "Aku menikahi fulanah binti fulan selama tiga bulan". Sepanjang tempoh tersebut, suami dan isteri hidup dalam keadaan tidak komited kepada masing-masing kerana mereka mengetahui ia hanya untuk sementara waktu. Apa yang dilakukan hanya berseronok-seronok melakukan hubungan seks. Jika isteri hamil atau mendapat anak, semuanya itu adalah di atas urusan isteri sebaik sahaja kontrak perkahwinan mereka selesai.

Di sini dapat dilihat bahawa Nikah Mut'ah menyelisihi roh Islam secara umum mahupun objektif perkahwinan secara khusus. Ia juga tidak akan diterima oleh sesiapa yang berakal sehat lagi matang.

Soalan 2: Kos Perkahwinan.

Saya kini telah bertunang. Ketika rundingan dengan pihak bakal isteri, mereka telah meminta duit hantaran, mas

kahwin (mahar) dan barangan dulang-dulang hantaran yang jauh di atas kemampuan saya. Apa yang perlu saya buat?

Jawapan:

Sebagai bakal suami, anda akan menjadi pemimpin ke atas isteri anda. Salah satu ciri pemimpin ialah tegas dan berani berkata “tidak”. Dalam kes ini, apabila bakal isteri atau pihak bakal isteri meminta sesuatu yang di luar kemampuan anda, maka jawablah secara terus bahawa anda tidak dapat memenuhinya. Seterusnya nyatakan apa yang mampu anda sediakan dan jika mereka tidak mahu menerimanya, maka batalkan saja pertunangan tersebut.

Semua ini mungkin sukar diterima, namun inilah hakikat yang perlu diperhatikan oleh semua bakal suami. Pertunangan dan perkahwinan merupakan kesefahaman di antara dua pihak, dengan masing-masing pihak cuba mencari jalan pertengahan yang adil (*win-win situation*). Jika satu pihak menuntut apa yang membebani pihak yang lain, maka jelas tiada kesefahaman dan bertimbang rasa.

Di sini juga terdapat hikmah mengapa Islam melarang dua orang lelaki dan wanita bercinta sebelum berkahwin. Tanpa cinta, masing-masing akan menilai kesesuaian calon

mereka secara adil, tanpa dipengaruhi oleh emosi. Tanpa cinta, bakal suami dengan mudah akan berkata “tidak” apabila pihak bakal isteri meminta sesuatu di luar kemampuannya. Berbeza jika sudah terlanjur bercinta, bakal suami tidak akan sanggup berkata “tidak”, bahkan akan menurut apa saja yang diminta sekalipun ia memudaratkan dirinya.

Tujuan Di Sebalik Perkahwinan

Pada kolum kali ini, saya ingin menjemput para pembaca sekalian untuk merenungi firman Allah *Subhanahu waTa'ala* dalam ayat 162-163 surah al-An'aam:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.
لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ

Katakanlah: Sesungguhnya solatku dan ibadahnya, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Tiada sekutu bagi-Nya dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan dan aku adalah orang Islam yang awal (yang berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintah-Nya). [al-An'aam 6:162-163]

Ayat ini dimulakan dengan peringatan bahawa solat dan semua ibadah yang kita lakukan, seperti wudhu', puasa, zikir, zakat harta adalah semata-mata untuk Allah. Kita tidak melaksanakan apa-apa ibadah itu untuk tujuan lain, seperti meraih pujian rakan, merasa diri hebat dan mendapat restu

keluarga mertua.

Ayat ini seterusnya membawa kepada peringatan yang lebih penting, bahawa bukan sahaja ibadah yang ditujukan kepada Allah tetapi seluruh kehidupan dan kematian kita ditujukan hanya kepada Allah yang memelihara dan mentadbir sekalian alam. Ini adalah peringatan yang sangat penting, kerana kerap kali kita lupa akan tujuan sebenar hidup ini. Ramai umat Islam masa kini yang kehidupannya adalah bertujuan meraih kekayaan, kemewahan, kelulusan kertas dan anak yang ramai.

Khusus bagi bakal-bakal pengantin, apatah lagi di saat-saat menghampiri tarikh pernikahan, maka tujuan hidup bagi pengantin perempuan ialah bakal suaminya sementara tujuan hidup bagi pengantin lelaki ialah bakal isterinya. Siang dan malam, pagi dan petang, panas dan hujan, yang menjadi tujuan atau fokus ialah bakal pasangan hidup masing-masing. Semua ini menjadikan bakal-bakal pengantin kerap kali lupa bahawa ***...hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.***

Di sini tidaklah bererti semua orang perlu mengabaikan urusan kehidupan, lalu bersolat serta beribadah

kepada Allah setiap masa. Pengertian sebenar ayat di atas ialah kita perlu sedar bahawa kehidupan ini hanyalah wasilah yang membawa kepada tujuan yang sebenar, yakni Allah, keredhaan-Nya, pahala-Nya dan syurga-Nya.

Maksud Wasilah dan Tujuan.

Marilah kita mengulangkaji sedikit maksud wasilah dan tujuan. Ambil saja contoh makanan. Makanan adalah wasilah sementara tujuannya adalah kesihatan dan tenaga. Apabila kita makan pada kadar yang sepatutnya dengan gizi yang betul, ia akan memberikan kesihatan yang baik dan tenaga yang secukupnya kepada kita. Di samping itu, kita juga dapat menikmati keenakan makanan, asalkan ia masih duduk dalam batasan kadar yang secukupnya dan gizi yang betul.

Sebaliknya jika kita menyalahgunakan wasilah ini, maka ia akan memberi kesan negatif kepada tujuannya. Umpama jika kita makan mengurangi atau melebihi kadar sepatutnya serta tidak memerhatikan gizi yang sesuai, ia akan memberi kesan negatif kepada kesihatan dan tidak menghasilkan tenaga yang sepatutnya.

Dalam contoh ini, dapat diperhatikan kepentingan wasilah yang betul untuk mencapai tujuan yang betul.

Wasilah yang betul tidak bererti kita perlu mengabaikan kenikmatannya, namun wasilah yang betul menyebabkan kita mencapai tujuan yang lebih besar lagi penting, iaitu kesihatan dan tenaga.

Demikianlah juga, kita jadi kehidupan dan kematian sebagai wasilah yang menyampaikan kita kepada satu-satunya tujuan yang hakiki, iaitu Allah, tuhan sekalian alam. Kita jadikan kekayaan sebagai wasilah, di mana dengan zakat dan sedekah kita memperoleh pahala Allah. Kita jadikan kemewahan sebagai wasilah, di mana dengan kesyukuran dan perkongsian kita memperoleh keredhaan Allah. Kita jadikan ilmu sebagai wasilah, di mana dengan mendidik dan menyebarkannya, kita memperoleh syurga Allah. Kita jadikan kematian sebagai wasilah, di mana dengan ilmu yang disebarkan, sedekah jariah dan anak-anak yang soleh, kita memperoleh ganjaran Allah.

Suami dan Isteri Sebagai Wasilah.

Tidak ketinggalan, masing-masing suami dan isteri adalah wasilah kepada satu sama lain yang membawa kepada tujuan yang hakiki, iaitu Allah pencipta sekalian alam. Tujuan hidup suami bukanlah isterinya, tetapi Allah. Apabila suami

berbuat baik kepada isteri, memberikan nafkah kepadanya, memerhatikan hal-ehwalnya, menjaga urusan agamanya, maka semua itu adalah wasilah yang menyampaikan suami kepada Allah, keredhaan-Nya, pahala-Nya dan syurga-Nya.

Demikian juga, tujuan hidup isteri bukanlah suaminya, tetapi Allah. Apabila isteri taat kepada suami, melayaninya dengan baik, menguruskan rumah dengan teratur, maka semua itu adalah wasilah yang menyampaikan isteri kepada Allah, keredhaan-Nya, pahala-Nya dan syurga-Nya.

Dengan mengetahui antara wasilah dan tujuan, semoga para suami dan isteri lebih bermotivasi berbuat baik kepada satu sama lain kerana Allah, sambil mengharapkan pahala dan syurga-Nya yang tidak ternilai keistimewaannya. Di samping itu perbezaan wasilah dan tujuan hendaklah diperhatikan dan diingati selalu. Ini kerana – sepertimana yang saya sebut di awal penulisan ini – kerap kali kita terlupa sehingga menjadikan wasilah sebagai tujuan sementara Allah hilang entah ke mana.

Nilai Aqidah Di Sebalik Perkahwinan.

Allah menyambung ayat di atas dengan firman-Nya:
Tiada sekutu bagi-Nya dan dengan yang demikian sahaja

aku diperintahkan dan aku adalah orang Islam yang awal (yang segera berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintah-Nya).

Erti lain bagi sekutu ialah syirik, iaitu kita menyamakan Allah dengan sesuatu yang lain, padahal ia adalah hak Allah semata-mata. Ibadah adalah hak Allah semata-mata. Jika kita beribadah untuk meraih pujian manusia atau untuk mendapatkan ganjaran Allah beserta manusia, maka ia adalah syirik.

Demikianlah juga, jika kita hidup dan mati dengan tujuan selain Allah atau dengan tujuan Allah beserta sesuatu yang lain, ia adalah syirik. Ini kerana Allah jualah yang memberikan kita kehidupan ini dan segala wasilah yang terkandung di dalamnya. Justeru Allah sahaja yang berhak menjadi tujuan hidup kita, bukan selainnya atau sesuatu bersamanya.

Merujuk kepada alam perkahwinan, hendaklah suami dan isteri sentiasa saling mengingati dan mengingatkan bahawa mereka masing-masing hanyalah wasilah kepada tujuan yang satu, iaitu Allah. Inilah yang kita diperintahkan dan hendaklah kita segera menurutinya tanpa berlengah-

lengah: *...dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan dan aku adalah orang Islam yang awal (yang segera berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintah-Nya).*

Soal-Jawab Munakahat

Soalan 1: Nikah Di Sempadan.

Saya pernah terdengar tentang pasangan yang bernikah di sempadan Malaysia-Thailand. Mereka biasanya disebut sebagai “kahwin lari”. Kenapakah ada pasangan yang ingin nikah di sempadan dan adakah pernikahan itu sah?

Jawapan:

Pertama sekali, jangan kita bersangka buruk atau memiliki pandangan yang negatif kepada mana-mana pasangan yang bernikah di sempadan atau di negara lain. Islam mengajar kita:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ
إِثْمٌ وَلَا جَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبَ بَعْضُكُم بَعْضًا أَيُّبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ

لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَحِيمٌ.

Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani. [al-Hujurat 49:12]

Pada asalnya setiap pasangan menginginkan pernikahan di kampung halaman masing-masing dengan dihadiri oleh ahli keluarga, sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat handai. Akan tetapi jika memiliki sesuatu halangan, maka mereka berubah dari Plan A ke Plan B, iaitu nikah di sempadan atau negara lain.

Antara halangan yang dimaksudkan ialah ibubapa

yang meletakkan syarat yang tidak dapat dipenuhi oleh bakal pengantin lelaki, seperti meminta wang hantaran yang berpuluh ribu ringgit. Ada juga ibubapa yang tidak menyukai calon pilihan anak mereka, atas sebab-sebab yang tidak selari dengan syari'at Islam, seperti ibubapa yang tidak sukakan bakal menantu perempuan yang memakai tudung menutup aurat.

Pada dasarnya anak-anak hendaklah mentaati ibubapa, kecuali jika ibubapa memerintahkan mereka sesuatu yang menyelisihi syari'at Islam (maksiat). Maka dalam kes terakhir ini, tiada ketaatan sebagaimana sabda Rasulullah:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ حَقٌّ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِالْمَعْصِيَةِ فَإِذَا أُمرَ بِمَعْصِيَةٍ
فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ.

Mendengar dan taat adalah haq (kewajiban) selama tidak diperintah berbuat maksiat. Apabila diperintah berbuat maksiat maka tidak ada (kewajiban) untuk mendengar dan taat. [Shahih al-Bukhari, no: 2735/2955]

Dalam contoh-contoh di atas, setelah beberapa percubaan tetap bertemu dengan kegagalan, maka bakal pengantin boleh beralih ke Plan B iaitu bernikah di sempadan

atau negara lain. Pernikahan mereka diuruskan oleh Majlis Agama Islam negeri berkaitan dan kemudiannya didaftarkan bersama konsulat Malaysia di negara tersebut. Seterusnya mereka boleh mendaftarkan pernikahan itu dengan jabatan agama negeri masing-masing.

Apa yang penting, pernikahan ini adalah sah.

Bagi pernikahan di sempadan Malaysia-Thailand umpamanya, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-52 yang bersidang pada 1 Julai 2002 telah membincangkan Kahwin Lari di Selatan Thailand. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum pernikahan di luar negara adalah sah dengan syarat: (1) Pernikahan itu mengikut rukun nikah, (2) Pernikahan itu melebihi dua marhalah, (3) Tiada keputusan mahkamah yang menghalang perempuan itu berkahwin atas alasan syarak ditempat dia bermastautin, (4) Pernikahan itu dilakukan oleh wali hakim yang diiktiraf oleh wilayah negara berkenaan dan diakad nikahkan di wilayah berkenaan di mana ia ditauliahkan sebagai wali hakim.
[www.e-fatwa.gov.my]

Adapun gelaran “kahwin lari”, maka ia bukanlah

sesuatu yang tepat lagi sesuai. Pertama sekali, pasangan tersebut tidak berlari tetapi menaiki kenderaan umpama kereta, bas atau kapal terbang. Kedua, ia bukan di atas kerelaan pasangan mahupun pilihan utama mereka, tetapi atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, mereka terpaksa beralih dari Plan A ke Plan B. Ketiga, pernikahan tersebut adalah halal lagi sah dan ia jauh lebih baik daripada berpacaran (*dating*) atau berzina yang jelas haram lagi dilarang.

Pun begitu, amat dianjurkan kepada bakal-bakal pengantin untuk berbincang secara hikmah dan rendah diri kepada kedua-dua ibubapa mereka, seandainya adalah apa-apa yang menghalang mereka bernikah di kampung halaman masing-masing. Usah terus beralih ke Plan B sementara ada banyak ruang untuk tetap kekal dalam Plan A.

Soalan 2: Suami Enggan Pulang Ke Rumah.

Beberapa rakan saya yang baru berkahwin merungut tentang suami mereka yang seolah-olah enggan balik ke rumah. Suami kerap *overtime* di pejabat atau lepak di kopitiam bersama rakan-rakan di hari biasa sementara pergi memancing di hujung minggu. Kenapa ini berlaku dan

bagaimana ia boleh dielakkan? Saya akan bernikah tidak lama lagi dan tidak mahu perkara yang sama berlaku dalam rumahtangga saya.

Jawapan:

Suami zaman moden ini tidak jauh berbeza dengan suami zaman purba kala. Mereka keluar dari gua untuk memburu, kemudian pulang dengan hasil buruan untuk berehat di dalam gua. Apabila wujud sesuatu yang tidak mereka sukai dalam gua, maka suami tersebut keluar semula untuk lepak di bawah pokok atau di tepi sungai.

Bagi memastikan suami tetap berehat dalam gua – bagi kes zaman kini dalam rumah – isteri sebagai pengurus rumah hendaklah melakukan dua perkara. **Pertama**, pastikan tidak wujud sesuatu yang tidak disukai oleh suami di dalam rumah. Antara yang tidak disukai oleh suami ialah rumah yang semak, menu makan malam mee segera dan isteri yang suka berleter lagi asyik meminta itu dan ini.

Kedua, jadikan rumah anda umpama besi berani (*magnet*) yang sentiasa menarik suami ke rumah dan kekal di dalamnya. Pastikan rumah kemas teratur supaya suami dapat berehat dengan selesa sekembalinya dari pejabat. Dengan ini,

suami tidak perlu berehat di pejabat dengan helah *overtime*. Pastikan tersedia makanan dan minuman kegemarannya, dengan menu yang berubah-ubah. Dengan ini, suami tidak perlu lepak di kopitiam untuk makan malamnya. Pastikan diri anda sendiri dalam keadaan seksi, wangi dan ceria. Dengan ini, suami tidak perlu lagi keluar untuk apa-apa aktiviti lain kerana sudah sedia isteri tersayang di sisinya.

Demikian beberapa contoh yang tetap kembali kepada dua perkara yang asas: Pertama, jauhi perkara yang tidak disukai oleh suami di dalam rumah dan pada diri anda. Kedua, jadikan rumah dan diri anda umpama *magnet* yang kuat daya tarikannya kepada suami.

Kisah Nabi Musa dan Isterinya

Saya yakin para pembaca sekalian kenal akan Nabi Musa *'alaihi salam*. Banyak kisah-kisah yang terdapat di dalam al-Qur'an. Sebagai orang-orang yang beriman kepada al-Qur'an, kita beriman bahawa semua kisah-kisah tersebut adalah benar dan ia mengandungi mesej atau pelajaran yang bermanfaat di sebaliknya.

Di sini saya ingin berkongsi satu bab dari kisah Nabi Musa. Ia merujuk kepada ketika beliau dalam perjalanan dari Madyan ke Mesir bersama isterinya. Al-Qur'an tidak menceritakan nama isteri beliau, bererti ia bukanlah sesuatu yang penting untuk mengetahui namanya.

Di sini para pembaca sekalian perlu berwaspada dengan para penceramah dan penulis buku agama yang suka menokok tambah nama dan kisah-kisah yang tidak terdapat di dalam al-Qur'an. Ini kerana apa yang diterangkan di dalam al-Qur'an sudah mencukupi sebagai pelajaran yang bermanfaat, apa yang tidak diterangkan dalam al-Qur'an bererti ia bukanlah pelajaran yang bermanfaat.

Tatkala Musa Meninggalkan Isterinya...

Apabila dalam perjalanan dari Madyan ke Mesir, Nabi Musa ternampak api atau cahaya di sebalik Gunung Tursina. Lantas beliau berkata kepada isterinya:

امْكُثُوا إِنِّي آنَسْتُ نَارًا لَعَلِّي آتِيكُمْ مِنْهَا بِخَبَرٍ أَوْ جَذْوَةٍ مِنَ
النَّارِ لَعَلَّكُمْ تَصْطَلُونَ.

Berhentilah, sesungguhnya aku ada melihat api, semoga aku dapat membawa kepada kamu sesuatu berita dari situ atau sepuntung dari api itu supaya kamu dapat memanaskan diri. [al-Qashash 28:29]

Di sini terdapat sebuah pengajaran bahawa sekali pun Nabi Musa adalah seorang suami dan pemimpin keluarga, beliau tidak pergi begitu saja meninggalkan isterinya untuk menyiasat api tersebut. Beliau memaklumkan kepada isterinya untuk berhenti. Beliau memaklumkan kepada isterinya sebab berhenti – yakni kerana ada melihat api. Beliau memaklumkan kepada isteri tujuan dia pergi sebentar – yakni untuk mendapatkan berita atau sepuntung api untuk isterinya dapat memanaskan diri.

Demikianlah ciri-ciri seorang suami yang baik. Meski

pun suami tidak perlu meminta izin daripada isteri untuk pergi ke mana-mana, merupakan satu etika suami-isteri yang baik apabila suami memaklumkan kepada isteri akan aktivitinya dan sebab di sebalik aktiviti tersebut.

Umpama: “Sayang, hari ini abang menjangka pulang lewat dari pejabat. Ada temujanji dengan pelanggan pukul enam petang. Moga pertemuan ini berjaya dan memberikan kita pendapatan tambahan.” Atau: “Ummi, malam nanti abang akan bermain badminton bersama jiran sebelah di kompleks sukan berdekatan. Harapnya dengan senaman yang kerap, abang sentiasa seksi dan menarik kepada ummi.”

Apabila suami mendahului dengan teladan memaklumkan aktiviti serta tujuan di sebaliknya, isteri juga akan mengikuti dengan akhlak baik meminta izin sebelum keluar rumah serta menyatakan tujuan untuk keluar. Apabila suami tidak keluar melainkan dengan tujuan yang baik, isteri juga tidak akan keluar melainkan apabila memiliki tujuan yang baik.

Umpama: “Abang, hari Ahad ini ada kuliah muslimat di masjid berdekatan. Boleh saya menghadirinya, moga-moga mendapat ilmu bermanfaat untuk dikongsi bersama.”

Apabila suami menyatakan tujuannya untuk keluar, isteri dapat memahami apa yang dilakukan oleh suami, dapat memberi sokongan dan mendoakan kejayaan. Kembali kepada contoh di atas berkenaan suami yang pulang lewat dari pejabat, isteri dapat membalas dengan: “Baiklah abang, semoga pertemuan berjalan lancar. Saya akan mendoakan kejayaan abang berurusan dengan pelanggan itu. Nanti balik rumah kita makan malam bersama ya!”

Peranan Seorang Suami....

Sejak sejarah bermula, peranan suami ialah menyediakan perlindungan kepada isteri dan anak-anak. Ini jelas tergambar dalam perkataan Nabi Musa apabila beliau ingin pergi melihat api di sebalik Gunung Tursina, agar beliau dapat membawa balik: *...sepuntung dari api itu supaya kamu dapat memanaskan diri.*

Hampir semua suami mengetahui tanggungjawab mereka ialah melindungi isteri dan anak-anaknya. Melindungi dari cuaca dengan menyediakan rumah, melindungi dari kelaparan dan dahaga dengan menyediakan makanan dan minuman, serta pelbagai lagi. Akan tetapi mengetahui tanggungjawab tidak bererti mengetahui cara melaksanakan

tanggungjawab. Apatah lagi dalam suasana kehidupan yang sangat menghimpit zaman kini, kebanyakan suami merasakan diri mereka gagal apabila tidak dapat menyediakan perlindungan yang sebaiknya untuk isteri dan anak-anak.

Berhadapan dengan cabaran ini, isteri dapat membantu dengan berterima kasih kepada suami dengan apa yang dapat beliau sediakan, serta memberi motivasi untuk beliau terus mengusahakan yang terbaik. Turut bekerja tidak semestinya merupakan pilihan yang terbaik, kerana ia sebenarnya mengurangkan peluang pekerjaan kepada para suami, sama ada suami sendiri atau suami-suami kepada isteri yang lain. Akhirnya golongan para suami akan semakin gagal dalam peranan mereka untuk melindungi dan ini lambat laun memberi pengaruh negatif kepada keharmonian rumahtangga semua pihak.

Sikit-Sikit, Lama-Lama Jadi Bukit.

Suami memaklumkan kepada isteri, isteri meminta izin suami, masing-masing menyatakan aktiviti dan tujuan di sebaliknya serta masing-masing melazimkan diri mengucapkan terima kasih dan memberi motivasi....semuanya nampak seperti perkara remeh temeh.

Di manakah nilainya apabila dibanding dengan suami yang memberikan cincin berlian kepada suami dan isteri yang memberikan jam tangan berjenama kepada suami?

Percayalah, sebenarnya perkara-perkara kecil memiliki peranan yang lebih besar dalam menjaga keharmonian rumahtangga berbanding perkara-perkara yang besar lagi mahal. Betapa banyak suami-isteri yang hidup di rumah yang besar, peralatan yang canggih dan perhiasan diri yang mewah, namun mereka tetap tidak bahagia. Berbeza dengan suami-isteri yang hidup serba sederhana, namun hari-hari mereka dipenuhi dengan komunikasi yang bermanfaat antara satu sama lain. Mereka sentiasa tersenyum kerana memiliki rumahtangga yang bahagia.

Sekali lagi, apabila Allah menceritakan sesuatu kisah di dalam al-Qur'an, tentu ia memiliki pelajaran yang bermanfaat di dalamnya. Allah tidak menceritakan perkara-perkara kecil yang dilakukan oleh Nabi Musa bersama isterinya, melainkan ia memiliki pelajaran-pelajaran yang besar lagi bermanfaat untuk kita. Bak kata pepatah Inggeris: *More often than not, it is the small nonmaterial things that count.*

Soal Jawab Munakahat

Soalan 1: *Pre-Nuptial Agreement*.

Apakah pandangan Islam tentang perjanjian Pra-Perkahwinan? Ia lazim disebut sebagai *Pre-Marriage Agreement* atau *Pre-Nuptial Agreement* di dunia Barat. Adakah ia dibolehkan untuk kita yang beragama Islam?

Jawapan:

Perjanjian Pra-Perkahwinan dibolehkan oleh Islam sejak zaman awal lagi. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda:

أَحَقُّ الشُّرُوطِ أَنْ تُؤْفُوا بِهِ مَا اسْتَحَلَلْتُمْ بِهِ الْفُرُوجَ.

Syarat yang paling patut kalian tepati adalah apa yang membuat kemaluan (isterimu) dihalalkan untukmu (yakni akad nikah). [Shahih al-Bukhari, no: 2520/2721] Maksudnya, sebelum melangsungkan akad nikah, isteri boleh meletakkan beberapa syarat dan suami hendaklah mematuhi syarat-syarat tersebut apabila hidup bersama kelak.

Akan tetapi terdapat pengecualian, iaitu syarat-syarat tersebut tidak boleh bertentangan dengan syari'at Islam.

Dalam sebuah hadis yang lain, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menegaskan:

وَالْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ إِلَّا شَرْطًا حَرَّمَ حَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا.

Kaum muslimin berada di atas syarat-syarat (yang dipersetujui di antara mereka) kecuali syarat yang mengharamkan apa yang halal atau menghalalkan apa yang diharamkan (di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah). [Shahih Sunan al-Tirmizi, no: 1272/1352] Oleh itu jika isteri meletakkan syarat yang bertentangan dengan syari'at Islam, suami tidak boleh mematuhi.

Satu contoh syarat yang selari dengan syari'at Islam dan hendaklah dipatuhi oleh suami ialah apabila isteri mensyaratkan pemberian nafkah. Contoh:

“Anda sebagai suami hendaklah memberi nafkah kepadaku setiap bulan.”

Syarat ini adalah selari dengan syari'at Islam kerana memberi nafkah kepada isteri ialah kewajipan suami berdasarkan firman Allah: ***Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya.*** [al-Thalaq 65:07]

Contoh syarat yang tidak selari dengan syari'at Islam ialah apabila isteri mensyaratkan jumlah nafkah yang tertentu. Contoh:

“Anda sebagai suami hendaklah memberi nafkah minima RM3000.00 kepadaku setiap bulan.”

Syarat ini tidak selari dengan syari'at Islam kerana kewajipan suami ialah memberi nafkah mengikut kemampuannya. Jika mampu suami memberi lebih, jika kurang mampu suami memberi sedikit. Tidak ada kadar nafkah yang tetap. Firman Allah: ***Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.*** [al-Thalaq 65:07]

Contoh di atas tidak boleh disyaratkan oleh isteri dan jika tetap dilakukan, suami tidak boleh mematuhinya.

Terdapat dua perkara penting yang perlu diperhatikan berkenaan perjanjian Pra-Perkahwinan:

Pertama: Hendaklah calon suami dan isteri berbincang dengan peguam masing-masing bagaimana prosedur bagi memastikan perjanjian Pra-Perkahwinan tersebut adalah sah di sisi undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Ini kerana tiada ertinya membuat perjanjian jika ia dengan mudah dapat dilanggar oleh pihak yang memegang janji.

Kedua: Meski pun dibolehkan membuat perjanjian Pra-Perkahwinan, ia bukanlah sesuatu yang digalakkan. Ini kerana perjanjian sedemikian bakal mengeruhkan hubungan rumahtangga. Bayangkan, sebelum nikah calon suami dan isteri sudah duduk semeja dengan peguam masing-masing membahas syarat itu dan ini. Kemudian setelah bernikah, akan membahas lagi dengan peguam masing-masing apabila ada di antara perjanjian yang tidak dipenuhi dengan tepat.

Kesefahaman, pengorbanan dan seni berbicara adalah jauh lebih baik dan berkesan berbanding membuat perjanjian Pra-Perkahwinan.

Soalan 2: Minta Izin Keluar Rumah.

Betulkah, setiap kali hendak keluar rumah isteri mesti meminta izin suami? Tidakkah syarat ini seperti merendahkan martabat isteri di zaman serba moden ini?

Jawapan:

Pertama sekali perlu bertanya kepada diri sendiri, adakah Islam diubahsuai mengikut zaman atau zaman yang diubahsuai mengikut Islam? Jika kita beriman bahawa Islam adalah panduan hidup dan Islam sesuai untuk semua zaman hingga Hari Akhirat, maka zamanlah yang diubahsuai agar mengikuti petunjuk Islam.

Merujuk kepada isteri yang hendak keluar rumah, hendaklah disedari bahawa kedudukan asal seorang isteri adalah di dalam rumah berdasarkan firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ.

Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu.
[al-Ahzab 33:33] Apabila isteri hendak keluar rumah, sekali pun ke masjid, hendaklah dia meminta izin suaminya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا اسْتَأْذَنْتِ امْرَأَةٌ أَحَدَكُمْ إِلَى الْمَسْجِدِ فَلَا يَمْنَعُهَا.

Jika salah seorang dari isteri kalian meminta izin ke masjid, maka janganlah melarangnya. [Shahih al-Bukhari, no: 4837/5238]

Lebih lanjut, keluar rumah terbahagi kepada empat kategori.

- **Pertama**, keluar rumah yang sudah menjadi kebiasaan seperti isteri keluar untuk ke pejabat atau menghantar dan mengambil anak dari sekolah. Maka untuk kategori pertama ini, memadai mendapat izin untuk kali yang pertama daripada suami. Keizinan daripada suami merangkumi setiap kali isteri hendak keluar rumah atas tujuan-tujuan tersebut.
- **Kedua**, keluar rumah yang bukan kebiasaan, seperti menziarahi rakan. Maka hendaklah meminta izin suami.
- **Ketiga**, keluar rumah dalam keadaan terdesak, seperti ke klinik membawa anak yang jatuh bermain basikal. Dalam kes terpencil seperti ini, tidak perlu mendapatkan izin suami jika masa atau keadaan tidak

mengizinkan. Namun hendaklah dikhabarkan kepada suami apabila mendapat kelapangan.

- **Keempat**, keluar rumah untuk tujuan maksiat, seperti menyertai kumpulan rakan-rakan yang dikenali suka bergossip dan menyebarkan aib tentang orang lain. Maka tidak perlu keluar rumah, tidak perlu minta izin suami dan tidak perlu mematuhi meski pun suami mengizinkannya.

Bergaduh?

Pemanduan ke pusat membeli belah *Sunway Pyramid* terasa begitu sunyi dan lama. Perjalanan yang sebenarnya lebih kurang 30 minit terasa seperti berjam-jam lamanya. Ikram yang sedang memandu memandang terus ke hadapan, tidak menoleh walau sekali kepada Emilia di sisi kirinya. Emilia pula hanya memandang keluar melalui tingkap kiri kereta, juga tidak menoleh kepada Ikram. Hari yang dirancang ceria beralih menjadi muram beberapa ketika sebelum mereka bertolak dari rumah.

“Abang, dah pukul 7 malam. Milia dah siap ni!” laung Emilia kepada suaminya. Beliau sejak pukul 6.30 petang sudah mula bersiap untuk mandi, memakai pakaian dan mengikat tudung.

“Yalah, abang nak masuk mandi ni” jawab Ikram seperti merungut.

“Ehh! Baru nak mandi? Bukan ke kita dah rancang nak keluar pukul 7 malam?”

“Tak apa, kita sembahyang Maghrib di rumah,

kemudian baru bertolak ke *Sunway Pyramid*.”

“Laa...sebelum ni kata kita sembahyang Maghrib di surau *Subang Parade*. Ehh! Bukankah kita rancang hendak ke pusat beli belah *Subang Parade*? Kenapa tiba-tiba jadi *Sunway Pyramid* pula?” tanya Emilia kehairanan sambil cuba mengawal kemarahan yang mula menaik.

“Bukan ke kita dah setuju untuk ke *Sunway Pyramid*? *Subang Parade* tu cadangan awal awak” jawab Ikram, nada suara turut menggambarkan kemarahan.

“Saya tidak pernah bersetuju dengan *Sunway Pyramid*!”

“*Sunway Pyramid*!”

“*What ever!* Saya dah siap ni. Kenapa awak baru nak terhegeh-hegeh masuk bilik air?”

“Ahh!” balas Ikram sambil menghempas tutup pintu bilik air.

Bukan Hanya Ikram Dan Emilia.

Di atas adalah satu contoh pergaduhan di antara pasangan suami isteri. Ia adalah satu dari sekian banyak

contoh pergaduhan yang lazim berlaku di antara suami dan isteri. Satu contoh adalah memadai kerana jika dikaji semua pergaduhan, akan ditemui beberapa faktor kesamaan di dalamnya.

Sebagai permulaan, dijemput para pembaca sekalian mengkaji contoh di atas dan cuba senaraikan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pergaduhan di antara Ikram dan Emilia serta bagaimana ia dapat dielakkan. Seterusnya bandingkan pula dengan penjelasan berikut ini:

1. Berpegang Kepada Janji.

Faktor pertama yang dapat kita kenal pasti ialah tidak berpegang kepada janji. Ikram dan Emilia telah berjanji untuk keluar pada pukul 7 malam, namun hanya Emilia yang berpegang pada janji sementara Ikram mengabaikannya.

Sama ada dalam urusan perkahwinan atau selainnya, kita umat Islam hendaklah teguh berpegang kepada janji. Jika ada sesuatu sebab janji tersebut tidak dapat ditunaikan, hendaklah segera meminta maaf dan membuat janji yang baru. Jangan mengabaikannya atau memandang ringan, sekali pun ia hanya janji di antara suami isteri atau anak-anak. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ وَإِذَا
أُؤْتِيَ مَنَافِقًا خَانَ.

Tanda-tanda orang munafik ada tiga: apabila dia berbicara niscaya dia berbohong, apabila dia berjanji niscaya mengingkari, dan apabila dia diberi amanah niscaya dia berkhianat. [Shahih Muslim, no 89/59]

2. Pengurusan Waktu.

Satu ciri yang saya perhatikan melekat pada kebanyakan orang Islam ialah tidak tahu mengurus waktu. Apabila membuat temujanji, amatlah sukar untuk menemui orang yang tepat pada masanya, apatah lagi yang lebih awal. Kebanyakannya memang lewat dan mereka bersikap seolah-olah tidak ada apa-apa kesalahan yang telah mereka lakukan.

Sebagai seorang muslim, baik sesama warga kerja atau ahli keluarga, hendaklah kita bijak lagi efisien menguruskan waktu. Termasuk di dalam pengurusan ini ialah berada tepat pada waktunya (*right on time*) apabila membuat sesuatu temujanji. Seandainya tidak dapat memenuhinya, hendaklah dimaklumkan seawal yang boleh sambil meminta maaf.

3. Memandang Remeh Perkara Yang Penting.

Apabila melakukan satu kesalahan, hendaklah segera meminta maaf. Jangan buat-buat tidak tahu atau meremehkannya. Perhatikan sikap Ikram yang enggan meminta maaf, sebaliknya memandang remeh dengan berkata “Tak apa...”.

Kerap kali sesuatu perselisihan kecil boleh berkembang menjadi pergaduhan besar kerana satu pihak memandang remeh apa yang dipandang penting oleh pihak lain. Emilia memandang penting untuk keluar tepat pukul 7 kerana malam itu merupakan suasana untuk mereka berdua meluangkan masa romantik bersama. Tambahan lagi, Emilia enggan lewat menunaikan solat Maghrib ketika sampai di pusat membeli belah itu kelak.

Sayang sekali, apa yang dipandang penting oleh Emilia dipandang remeh oleh Ikram. Ini akhirnya menaikkan kemarahan Emilia, sekali gus menaikkan kemarahan Ikram juga.

4. Membuat Pengesahan.

Perhatikan bahawa Ikram dan Emilia berselisih antara

ke *Subang Parade* atau *Sunway Pyramid*. Ini berlaku kerana ketika berbincang, masing-masing tidak membuat pengesahan (*confirmation*) pusat membeli belah manakah yang mereka persetujuan untuk pergi.

Oleh itu apabila merancang dan berbincang, hendaklah membuat pengesahan di penghujungnya, umpama: “OK sayang, esok 7 malam kita pergi jalan-jalan makan malam ke *Sunway Pyramid*, solat Maghrib di surau di sana.”

Jadikan Rumahtangga Umpama Kerjaya.

Sebenarnya berpegang pada janji, menguruskan waktu, tidak meremehkan sesuatu dan membuat pengesahan adalah etika yang lazim kita laksanakan dalam kerjaya sehari-harian. Sayang sekali, etika yang baik ini kita abaikan di rumah di antara sesama ahli keluarga. Ini kerana ramai yang mengukur kejayaan di dalam kerjaya, bukan rumahtangga.

Hakikatnya, kejayaan diukur dalam rumahtangga. Orang yang berjaya adalah orang yang dapat meneruskan kehidupan rumahtangganya sehingga akhir hayat dalam suasana romantik dan bahagia. Pergaduhan memang akan berlaku, namun selepas setiap pergaduhan masing-masing akan mengaudit diri sendiri “di mana silap aku” dan

“bagaimana aku dapat memperbaikinya”.

Melalui rumahtangga yang bahagia, pasangan suami dan/atau isteri akan pergi ke tempat kerja dalam suasana yang ceria, tenang lagi bersemangat (*motivated*). Ini tentu saja memberi pengaruh besar untuk masing-masing mencapai kejayaan dalam kerjaya masing-masing. Di sinilah terdapat formula yang penting: Kejayaan di rumah akan menghasilkan kejayaan di tempat kerja.

Soal Jawab Munakahat

Soalan 1: Mencari Orang Agama.

Saya difahamkan apabila mencari pasangan hidup, hendaklah memberi keutamaan kepada orang yang baik agamanya. Kemudian barulah kecantikan, harta dan lain-lain. Benarkah? Siapakah orang yang baik agamanya itu? Adakah saya perlu mencari seorang ustaz sebagai calon suami saya dan adik lelaki saya mencari seorang ustazah sebagai calon isterinya?

Jawapan:

Benar. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*

bersabda:

تُنكح المرأة لأربعٍ لِمَالِهَا وَحَسَبِهَا وَجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا فَاظْفَرِ
بِذَاتِ الدِّينِ تَرِبَتْ يَدَاكَ.

Seorang wanita dinikahi kerana empat sebab: hartanya, keluarganya, kecantikannya dan agamanya. Maka pilihlah kerana agamanya, jika tidak kamu akan rugi.
[Shahih al-Bukhari, no: 4700/5090]

Akan tetapi yang dimaksudkan “kerana agamanya” tidak semestinya seorang ustaz dan ustazah. Ini kerana “Ustaz” dan “Ustazah” adalah gelaran yang diberikan oleh masyarakat kita kepada sesiapa jua yang ada sijil pengajian agama atau memakai kopiah dan tudung labuh.

Apabila Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menganjurkan kita mengutamakan agama seseorang, yang baginda maksudkan adalah aqidahnya, ilmu pengetahuan agamanya, penghayatannya (mengamalkan ilmu) dan akhlaknya. Ciri-ciri ini boleh saja dimiliki oleh sesiapa jua, tanpa terhad kepada para ustaz dan ustazah.

Oleh itu apabila mencari pasangan hidup, carilah orang yang memiliki ciri-ciri agama, bukan orang yang

memiliki gelaran agama.

Soalan 2: Bulu Roma.

Saya akan melaksanakan perkahwinan beberapa bulan lagi. Satu perkara yang bermain di fikiran ialah bulu roma saya di kedua-dua tangan agak lebat berbanding perempuan yang lain. Apakah hukumnya jika saya mencukurnya agar tidak terlihat oleh para hadirin kelak?

Jawapan:

Sebagai seorang wanita, kewajipan anda ialah menutup aurat. Tangan, dari bahu sehingga ke pergelangan tangan termasuklah aurat yang wajib ditutup. Oleh itu sama ada ketika majlis perkahwinan atau selainnya, anda hendaklah menutup aurat melainkan apabila anda bersama suami. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا بَلَغَتِ الْمَحِيضَ لَمْ تَصُلِحْ أَنْ يُرَى مِنْهَا إِلَّا هَذَا وَهَذَا وَأَشَارَ إِلَى وَجْهِهِ وَكَفَّيْهِ.

Sesungguhnya wanita apabila telah baligh, tidak boleh terlihat daripadanya kecuali ini dan ini: baginda

mengisyaratkan wajah dan kedua tangannya, (selepas pergelangan tangan). [Shahih Sunan Abu Daud, no: 3580/4104]

Ada pun hukum mencukur bulu roma, maka hendaklah diketahui bahawa bulu dan rambut di tubuh badan manusia terbahagi kepada tiga hukum agama:

Pertama: Apa yang dianjurkan untuk dicukur, dicabut atau digunting pendek, iaitu bulu kemaluan, bulu ketiak dan misai. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

الْفِطْرَةُ خَمْسٌ أَوْ خَمْسٌ مِنَ الْفِطْرَةِ الْخِتَانُ وَالْإِسْتِحْدَادُ وَتَنْفُ
الْإِبْطِ وَتَقْلِيمُ الْأَظْفَارِ وَقَصُّ الشَّارِبِ.

(Sunnah-sunnah) fitrah itu ada lima, atau lima dari sunnah-sunnah fitrah ialah berkhitan, mencukur bulu kemaluan, mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan mencukur misai (kumis). [Shahih al-Bukhari, no: 5439/5889]

Kedua: Apa yang dilarang untuk dicukur, dicabut atau digunting pendek, iaitu bulu-bulu di muka seperti bulu mata dan bulu kening semata-mata untuk kecantikan. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

لَعَنَ اللَّهُ الْوَاشِمَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ وَالْمُتَمَصِّصَاتِ وَالْمُتَفَلِّجَاتِ
لِلْحُسْنِ الْمُعَيَّرَاتِ خَلَقَ اللَّهُ تَعَالَى.

Allah melaknat orang yang mentato dan orang yang meminta ditato, orang yang mencukur bulu wajah (muka) dan merenggangkan gigi untuk kecantikan dengan merubah ciptaan Allah Ta'ala. [Shahih al-Bukhari, no: 5476/5931]

Termasuk yang dilarang ialah mencabut uban. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

لَا تَنْتَفُوا الشَّيْبَ مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَشِيبُ شَيْبَةً فِي الْإِسْلَامِ إِلَّا
كَانَتْ لَهُ نُورًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ [إِلَّا كَتَبَ اللَّهُ لَهُ بِهَا حَسَنَةً وَحَطَّ عَنْهُ بِهَا
خَطِيئَةٌ].

Janganlah kalian mencabut uban, tidaklah seorang muslim tumbuh uban padanya dalam Islam kecuali ia akan menjadi cahaya baginya pada hari kiamat. (Dalam riwayat lain disebutkan) ...kecuali dengannya Allah akan menuliskan satu kebaikan dan dihapuskan darinya satu dosa. [Shahih Sunan Abu Daud, no: 3670/4202]

Ketiga: Apa yang didiamkan oleh agama, maka ia

terserah kepada pilihan masing-masing. Bulu roma termasuk yang didiamkan, tidak disuruh atau dilarang daripada mencukurnya. Oleh itu boleh mencukurnya jika dirasakan perlu, namun adalah lebih baik untuk dibiarkan. Ini kerana bulu roma tersebut diciptakan oleh Allah dengan peranan-peranannya yang tersendiri, seperti memerangkap selapisan udara sebagai penebat haba. Sudah tentu kita beriman bahawa semua yang Allah ciptakan ada hikmahnya, bukan sia-sia untuk dibuang begitu saja.

Soalan 3: Muzik Ketika Majlis Perkahwinan.

Kebanyakan majlis perkahwinan sekarang ini diikuti dengan muzik seperti karaoke dan *live band*. Adakah ini dibolehkan dalam Islam?

Jawapan:

قَالَتْ الرَّبِيعُ بِنْتُ مُعَوِّذِ بْنِ عَمْرٍاءَ: جَاءَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ فَدَخَلَ حِينَ بُنِيَ عَلَيَّ فَجَلَسَ عَلَيَّ فِرَاشِي كَمَا جَلَسَ مِنِّي
فَجَعَلَتْ جُؤَيْرِيَّاتٍ لَنَا يَضْرِبْنَ بِالْأُفِّ وَيَنْدُبْنَ مَنْ قُتِلَ مِنْ آبَائِي يَوْمَ
بَدْرٍ.

al-Rubayyi' binti Mu'awwidz bin 'Afran berkata, Suatu ketika Nabi shallallahu 'alaihi wasallam masuk saat aku membangun mahligai rumahtangga (baru menikah). Lalu baginda duduk di atas tilamku, sebagaimana posisi dudukmu (perawi hadis) dariku. Kemudian para budak-budak wanita pun memukul rebana dan mengenang keistimewaan-keistimewaan pejuang yang gugur pada saat Perang Badar. [Shahih al-Bukhari, no: 4750/5147]

Dalam hadis di atas, jelas terdapat muzik dalam bentuk memukul rebana dan orang yang menyanyi dengan lirik yang mengingatkan kembali Perang Badar. Akan tetapi para ilmuwan Islam sebenarnya berbeza pendapat tentang muzik, seperti berikut:

- **Pertama:** Hukum muzik haram. Kebolehan muzik dalam hadis di atas telah dibatalkan oleh hadis-hadis lain pada akhir hayat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.
- **Kedua:** Hukum muzik harus berdasarkan hadis di atas dan beberapa yang lain.
- **Ketiga:** Hukum muzik haram melainkan sekadar memukul rebana (gendang) sebagaimana hadis di atas.

- **Keempat:** Hukum muzik harus selagi mana ia tidak melalaikan orang yang mendengarnya daripada ibadah umpama solat lima waktu.

Di antara empat pendapat di atas, saya mencederungi pendapat keempat. Pun begitu, pengalaman sendiri di kebanyakan majlis perkahwinan mendapati muzik dimainkan terlalu kuat sehingga mengganggu perbualan di antara hadirin. Ini menggagalkan tujuan ke majlis perkahwinan, iaitu saling berkenalan dan mengeratkan silaturahim. Lebih dari itu muzik juga dimainkan oleh DJ atau pemuzik yang tidak handal sehingga ia lebih merosakkan majlis daripada menceriakannya.

Merajuk!

Baked Pasta yang dipesan oleh Emilia terasa masin, seolah-olah ada ketulan-ketulan garam di dalamnya. Piza kecil yang dipesan oleh Ikram pula masih belum disentuh, rotinya semakin mengeras. Emilia bermain-main makanannya dengan garpunya, sementara Ikram pula merenung jauh melepasi dinding restoran di *Sunway Pyramid*. Kedua-duanya diam seribu bahasa.

“Dah buat salah bukan nak mengaku. Memang dasar lelaki...ego!” Emilia merungut dalam hatinya.

“Alang-alang dah siap awal, membebel pula kat aku. Padahal 10 minit je aku dah siap!” Ikram pula merungut dalam hatinya, seolah-olah kedua-dua suami isteri ini berbicara dari hati ke hati. Akan tetapi dengan hati yang sedang marah, menanti dipujuk.

“Tak pernah pun nak minta maaf bila buat apa-apa kesilapan” Emilia merungut lagi.

“Kalau dia yang lewat, tidak pula aku membebel kepadanya” Ikram membalas pula. “Marah-marah pun, aku

juga yang belanja makan malam ini.”

“Cepatlah makan piza tu. Aku nak balik tidur, melupakan semua yang berlaku malam ini” rungut Emilia sambil menjeling ke arah piza Ikram yang masih belum disentuhnya.

“Dia cucuk-cucuk pasta dengan garpu tu macam sedang cucuk-cucuk aku saja. Marahlah tu....humph!” balas Ikram pula sambil menjeling ke arah *baked pasta* Emilia.

Teringat Zaman Kanak-Kanak?

Saya yakin para pembaca sekalian teringat zaman kanak-kanak atau memiliki ahli keluarga yang masih kecil. Kanak-kanak lazimnya suka merajuk bagi meraih perhatian ibubapa dan orang-orang dewasa di sekelilingnya. Kanak-kanak mudah merajuk kepada orang yang istimewa baginya kerana inginkan pujukan, belaian dan perhatian daripada orang istimewa tersebut.

Sebenarnya kes merajuk seperti ini berlaku juga di kalangan suami isteri. Bukan sahaja ketika di usia muda perkahwinan tetapi sehingga ke usia senja. Suami dan isteri merajuk atas sebab yang sama dengan kanak-kanak, yakni

menginginkan pujukan, belaian dan perhatian daripada orang yang istimewa bagi dirinya. Tentu saja orang yang istimewa bagi isteri ialah suaminya, orang yang istimewa bagi suami ialah isterinya. Justeru amat jarang kita menemui suami yang merajuk kepada tukang masak atau isteri yang merajuk kepada pelayan restoran kerana individu-individu tersebut bukanlah seseorang yang istimewa di sisinya.

Atas kesedaran ini, janganlah isteri memandang ringan kepada suami yang merajuk dan jangan pula suami memandang remeh kepada isteri yang merajuk. Sebaliknya pandanglah ia secara positif kerana ia membuktikan anda sebagai orang yang istimewa di sisi pihak yang sedang merajuk. Jika dipandang ringan atau remeh, dibimbangi pihak yang merajuk akan mencari sumber lain untuk memujuknya. Sudah tentu kita tidak mahu ini berlaku kepada pasangan suami isteri!

Pun begitu, kes merajuk akan menjadi agak rumit apabila kedua-dua suami dan isteri merajuk pada waktu yang sama. Perhatikan senario Ikram dan Emilia di atas, masing-masing sedang merajuk dan mengharapkan orang yang istimewa untuk memujuknya. Justeru siapakah yang

sepatutnya memulakan pujukan, belaian dan perhatian? Ikram akan mengharapkan pujukan Emilia sementara Emilia akan mengharapkan pujukan Ikram. Masing-masing berharap kepada pasangan masing-masing, masing-masing tidak mendapat pujukan yang diharap-harapkan.

Ini sesuatu yang lazim di alam perkahwinan.

Siapa Nak Pujuk Dulu?

Merujuk kepada soalan “Siapa nak pujuk dulu?” saya teringat kepada hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berkenaan silaturahmi. Secara tepat, silaturahmi bererti menghubungkan semula talian persaudaraan yang telah terputus di antara ahli keluarga dan saudara mara. Namun dalam konteks yang lebih luas, silaturahmi boleh juga merujuk kepada menghubungkan semula ikatan persaudaraan di antara sesama umat Islam yang telah terputus.

Dalam konteks suami isteri yang masing-masing sedang merajuk, silaturahmi boleh juga bererti menghubungkan, mendamaikan dan meromantikkan kembali hubungan di antara suami dan isteri yang agak renggang pada saat itu.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda:

لَيْسَ الْوَاصِلُ بِالْمُكَافِيٍّ وَلَكِنَّ الْوَاصِلُ الَّذِي إِذَا قُطِعَتْ
رَحْمَتُهُ وَصَلَّهَا.

Bukanlah silaturahmi itu orang yang meneruskan hubungan yang sedia terjalin, akan tetapi silaturahmi itu adalah orang yang apabila terputus hubungan, dia menjalinkannya kembali. [Shahih al-Bukhari, no: 5532/5991]

Dalam sebuah hadis lain, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah berpesan:

صِلْ مَنْ قَطَعَكَ وَأَعْطِ مَنْ حَرَمَكَ وَأَعْفُ عَمَّنْ ظَلَمَكَ.

Jalinkan hubungan dengan orang yang memutuskan hubungan denganmu, memberilah kepada orang yang tidak memberi kepadamu dan maafkanlah orang yang menzalimimu. [Riwayat Ahmad, *Shahih al-Targhib*, no: 2536-b]

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga menegaskan:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ وَأَنْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ فَلْيَصِلْ
رَحْمَةً.

Sesiapa yang ingin dilapangkan rezekinya dan dipanjangkan umurnya, hendaklah dia menjalin silaturahmi.” [Shahih al-Bukhari, no: 5526/5985]

Hadis-hadis di atas dapat memberi jawapan kepada soalan “Siapa nak pujuk dulu?” Jelas bahawa yang pertama memujuk adalah orang yang menjalinkan semula silaturahmi di antara suami isteri dan orang ini mendapat ganjaran sebaik-baik amal, kelapangan rezeki dan dipanjangkan umur. Oleh itu berdasarkan hadis-hadis ini, hendaklah pasangan suami isteri yang sedang merajuk berlumba-lumba untuk menjadi yang pertama memujuk, bukan yang menunggu dipujuk.

Beberapa Nasihat Tambahan

Sekali sekala merajuk termasuk masam manis kehidupan berumahtangga. Akan tetapi jika terlalu kerap merajuk, ia akan menjadikan pasangan anda “naik meluat” dan tidak lagi melayan anda. Oleh itu nasihat saya, jangan terlalu kerap merajuk sehingga ia menjadi agenda harian.

Nasihat kedua, janganlah menjadikan kehidupan

sebagai suami isteri alasan untuk merenggangkan hubungan sesama ahli keluarga, sanak saudara dan sahabat handai. Kerap-kali pasangan terlalu sibuk di antara satu sama lain sehingga mengabaikan ahli keluarga, sanak saudara dan sahabat handai. Hendaklah anda menjadi orang-orang yang menjalinkan silaturahmi, bukan memutuskannya. Oleh itu luang-luangkanlah masa untuk berhubung dengan semua, sama ada melalui panggilan talifon atau ziarah menziarah.

Soal Jawab Munakahat

Soalan 1: Pernikahan Berlainan Agama.

Saya perhatikan di beberapa negara, lelaki yang muslim menikahi wanita yang bukan muslim. Adakah ini dibolehkan dalam Islam? Juga, adakah dibolehkan wanita yang muslim menikahi lelaki yang bukan muslim?

Jawapan.

Dalam Islam, lelaki yang muslim dibolehkan menikahi wanita yang bukan muslim dengan syarat wanita tersebut beragama ahli kitab, yakni Yahudi atau Kristian. Dalilnya ialah firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ إِذَا آتَيْتُمُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ مُحْصِنِينَ غَيْرَ مُسَافِحِينَ وَلَا مُتَّخِذِي أَخْدَانٍ.

Pada hari ini dihalalkan bagimu yang baik-baik. Makanan (sembelihan) orang-orang yang diberi Kitab itu halal bagimu, dan makanan kamu halal pula bagi mereka. (Dan dihalalkan mengawini) wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara wanita-wanita yang beriman dan wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara orang-orang yang diberi Kitab sebelum kamu, bila kamu telah membayar maskawin mereka dengan maksud menikahinya, tidak dengan maksud berzina dan tidak (pula) menjadikannya gundik-gundik. [al-Maidah 5:05]

Maksud orang-orang yang diberi *Kitab* dalam ayat di atas ialah orang Yahudi kerana mereka telah diberikan kitab *Taurat* dan orang Kristian kerana mereka telah diberikan kitab *Injil*. Justeru berdasarkan ayat ini, dibolehkan bagi seorang lelaki yang muslim jika dia ingin menikahi seorang wanita yang beragama Yahudi atau Kristian. Kebolehan ini hanya

terhad kepada para wanita yang menganuti dua agama tersebut, bukan kepada semua wanita dari lain-lain agama. Sebaliknya, tidak dibolehkan wanita yang muslim menikahi lelaki yang beragama Yahudi atau Kristian.

Antara hikmah Islam membolehkan perkahwinan ini ialah sebagai satu rangka dakwah. Lazimnya, isteri akan cenderung untuk mengikuti agama suaminya manakala agama Yahudi dan Kristian memiliki banyak persamaan dengan agama Islam. Atas hikmah ini jugalah, Islam tidak membenarkan wanita yang muslim menikahi lelaki yang beragama Yahudi atau Kristian kerana ia akan menyebabkan wanita/isteri tersebut meninggalkan agama Islam ke arah agama suaminya.

Walau bagaimana pun, sesetengah negara seperti Malaysia melarang perkahwinan dengan wanita beragama Kristian. Ini kerana kebanyakan lelaki sekarang ini tidak mampu menjadi contoh muslim yang baik, apatah lagi untuk mendakwah isterinya kepada agama Islam. Justeru bagi mengelakkan kemudharatan, perkahwinan seperti ini dilarang oleh undang-undang agama.

Soalan 2: Perbezaan Umur.

Calon suami saya umurnya empat tahun lebih muda daripada saya. Saudara-mara di pihak saya tidak setuju dengan calon pilihan saya ini sementara ibubapa saya mendiamkannya. Mungkin juga mereka tidak setuju. Persoalan saya, adakah perbezaan umur ini menjadi syarat agama dalam pernikahan? Apakah yang patut saya lakukan dalam menghadapi masalah ini?

Jawapan:

Perbezaan umur tidak memiliki peranan dalam hukum atau syarat pernikahan di dalam Islam. Akan tetapi ia adalah faktor yang perlu diperhatikan oleh bakal pasangan suami isteri. Ini kerana umur lazimnya dikaitkan dengan kematangan dan pengalaman, maka suami yang lebih berumur akan lebih matang dan berpengalaman berbanding suami yang lebih muda. Sebagai isteri, sudah tentu anda inginkan suami yang matang dan berpengalaman untuk mengemudi bahtera rumahtangga bersama anda. Suami yang sebaya atau lebih muda kerap kali kurang bertanggungjawab, tidak matang, sedikit ilmunya dan tidak memiliki wawasan yang luas.

Pun begitu, kita juga akui hakikat bahawa umur

bukanlah pengukur yang tepat bagi menentukan kadar kematangan seseorang. Orang yang muda umpama Rasulullah misalnya, boleh saja bernikah dengan Khadijah yang lebih berumur daripadanya. Ini kerana meski pun pada umur yang muda, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sudah mencapai tahap kematangan, pengalaman, ilmu, tanggungjawab dan wawasan yang melebihi lelaki yang lebih tua daripadanya.

Oleh itu nasihat saya kepada anda, hendaklah diperhatikan kadar kematangan, pengalaman, ilmu, tanggungjawab dan wawasan calon suami. Umur adalah salah satu ukuran, akan tetapi ia bukanlah penentu yang tepat. Jika diyakini calon suami anda memiliki kadar kematangan, pengalaman, ilmu, tanggungjawab dan wawasan yang secukupnya, maka langkah seterusnya ialah meyakinkan saudara mara dan ibubapa anda bahawa umur yang lebih muda bukanlah sesuatu yang perlu mereka bimbangi.

Soalan 3: Bercinta Sebelum Bernikah.

Bolehkah dua pasangan bercinta sebelum bernikah? Ada yang berkata ia diharamkan selagi belum bernikah, benarkah?

Jawapan:

Jika hendak bercinta sebelum bernikah, hendaklah disusun pada tertib terbawah selepas cinta kepada Allah, Rasulullah, ibubapa dan sesama umat Islam. Cinta kepada Allah dan Rasulullah hendaklah berada di tangga paling atas agar pasangan yang belum bernikah tidak akan melakukan sesuatu maksiat yang melanggar hukum-hakam Allah dan Rasulullah, yakni agama Islam.

Cinta kepada ibubapa hendaklah juga diunggulkan agar masing-masing tidak derhaka kepada ibubapa dalam persoalan pilihan pasangan, tarikh pernikahan dan sebagainya. Cinta kepada sesama umat Islam tetap berada di tangga lebih tinggi agar pasangan tidak lalai dengan percintaan antara satu sama lain sehingga mengabaikan kepentingan dan urusan sesama umat Islam. Kedudukan cinta kepada pasangan pada tertib terbawah menyebabkan masing-masing pasangan tidak akan mengabaikan kecintaan mereka kepada Allah, Rasulullah, ibubapa dan umat Islam.

Realiti alam cinta membuktikan bahawa amatlah sukar untuk bercinta mengikut tertib di atas sebelum pernikahan. Alam cinta juga akan mengaburi pandangan sehingga

seseorang itu tidak dapat melihat kelemahan dan kekurangan calon pasangannya. Hanya selepas nikah barulah kelihatan kekurangan tersebut dan bermulalah penyesalan dan perselisihan faham.

Maka disebabkan kesukaran dan kekaburan inilah ramai orang yang sudah berpengalaman menasihatkan, jangan bercinta sebelum bernikah.

Suami Soleh, Isteri Soleh

Bulan ini saya ingin berkongsi sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibn Hibban di dalam kitab sahihnya (no. 4032). Dalam hadis ini, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

أَرْبَعٌ مِنَ السَّعَادَةِ: الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ وَالْمَسْكَنُ الْوَاسِعُ وَالْجَارُ الصَّالِحُ وَالْمَرْكَبُ الْهَيِّئُ. وَأَرْبَعٌ مِنَ الشَّقَاوَةِ: الْجَارُ السُّوءُ وَالْمَرْأَةُ السُّوءُ وَالْمَسْكَنُ الضَّيِّقُ وَالْمَرْكَبُ السُّوءُ.

Empat perkara termasuk unsur kebahagiaan seseorang: wanita (isteri) yang soleh, kediaman (rumah) yang luas, jiran tetangga yang soleh dan kenderaan yang selesa. Dan empat perkara termasuk unsur penderitaan seseorang: jiran tetangga yang tercela, wanita yang tercela (buruk akhlaknya), tempat kediaman yang sempit dan kenderaan yang tercela.

Dalam hadis terdapat pengajaran tentang empat unsur (perkara) yang memberikan kebahagiaan atau penderitaan. Fokus kita, selari dengan majalah *Pengantin* ialah ke atas

unsur yang pertama.

Isteri Yang Soleh.

Soleh atau salih bererti seseorang yang taat serta patuh kepada perintah dan larangan Allah. Perkataan soleh kerap kali disebut di dalam al-Qur'an sebagai "amal soleh" dan ia seterusnya dikaitkan dengan ganjaran syurga. Di antaranya ialah firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ.

Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh, merekalah ahli syurga, mereka kekal di dalamnya. [al-Baqarah 2:82] Iman ialah perbuatan hati sementara amal ialah perbuatan fizikal. Kedua-dua ini apabila betul dan benar, syurgalah ganjarannya. Orang yang membuat apa yang diperintah oleh Allah dan menjauhi apa yang dilarang oleh Allah, dia telah beramal soleh.

Isteri yang soleh ialah isteri yang taat serta patuh kepada perintah dan larangan agama. Beliau melaksanakan apa yang diperintah oleh Allah dan menjauhi apa yang dilarang oleh Allah. Menjadi seorang isteri yang soleh dengan

sendirinya adalah satu amal soleh yang boleh membawa dirinya ke syurga.

Termasuk yang diperintahkan oleh Allah ialah isteri mentaati suaminya. Firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ.

Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolongan-Nya. [al-Nisa' 4:34]

Sementara apa yang dilarang oleh Allah ialah isteri jangan menderhakai suami (*nusyuz*). Bukti larangan ini ialah Allah mengizinkan suami untuk bertindak ke atas isteri yang derhaka. Tindakan ini memiliki tiga tahap: Pertama menasihati isteri, kedua menjauhi isteri dan ketiga memukul isteri dengan pukulan yang bertujuan memberi peringatan. Firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

وَاللَّاتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ
وَاضْرِبُوهُنَّ فَإِنِ اطَّعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا

كبيراً.

Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar. [al-Nisa' 4:34]

Suami Yang Soleh?

Tentu saja unsur kebahagiaan yang dimaksudkan dalam hadis di atas tidak berat sebelah kepada isteri saja. Memandangkan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menyampaikannya kepada para lelaki, baginda menyebut “isteri yang soleh”. Namun maksud hadis mencakupi juga para suami agar mereka menjadi suami yang soleh. Suami yang soleh akan membahagiakan isterinya dan ia menjadi satu amal soleh yang boleh membawa dirinya ke syurga.

Suami yang soleh ialah suami yang taat serta patuh

kepada perintah dan larangan agama. Beliau melaksanakan apa yang diperintah oleh Allah dan menjauhi apa yang dilarang oleh Allah. Sebagai seorang suami, Allah memerintahkannya untuk bergaul (berinteraksi) dengan baik kepada isterinya dan menjauhi daripada menyakiti mereka. Firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَرِثُوا النِّسَاءَ كَرْهًا وَلَا
تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا بِبَعْضِ مَا آتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَاحِشَةٍ مُبَيِّنَةٍ
وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ.

Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan dan janganlah kamu menyakiti mereka kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. [al-Nisa' 4:19]

Termasuk yang dilarang oleh Allah ialah terburu-buru menceraikan isteri semata-mata kerana beberapa tingkahlakunya yang tidak disenangi. Firman Allah *Subhanahu*

waTa'ala:

فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُمْ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا
كَثِيرًا.

Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu). [al-Nisa' 4:19]

Oleh itu meski pun Islam memberikan kuasa talak kepada suami, tidaklah bererti Islam menyukai suami yang menyalahgunakannya. Suami yang cermat lagi berdisiplin dalam menguruskan kuasa talaknya termasuk dalam kategori suami yang soleh.

Suami Dan Isteri Yang Soleh.

Apabila berbicara berkenaan suami dan isteri yang soleh, janganlah masing-masing memandang sebagai “kerja” atau “beban” yang terpaksa dilakukan kepada pasangan masing-masing. Pandangan seperti ini akan menyebabkan masing-masing mudah kehilangan motivasi untuk berbuat

baik kepada pasangannya. Bahkan masing-masing akan berkira “Saya dah buat ini, dia tak buat itu pun” atau “Saya dah buat macam-macam, dia dah buat apa?”

Sebaliknya hendaklah suami dan isteri memandangkan peranan masing-masing sebagai satu amal soleh di sisi Allah. Suami yang soleh kepada isterinya akan mendapat ganjaran syurga di sisi Allah sementara isteri yang soleh kepada suaminya akan mendapat ganjaran syurga di sisi Allah. Masing-masing berlumba-lumba untuk beramal soleh dalam berperanan sebagai suami dan isteri.

Berdasarkan pandangan yang positif seperti ini, akan tertegaklah sebuah rumahtangga yang bahagia. Bahagia kepada suami, bahagia kepada isteri dan bahagia kepada anak-anak. Lebih penting, bahagia di dunia dan bahagia di akhirat.

Soal Jawab Munakahat

Soalan 1: Sekufu

Apakah maksud “Sekufu”? Adakah ia merupakan antara syarat perkahwinan?

Jawapan:

Sekufu berasal dari perkataan bahasa Arab *al-Kafa'ah* yang bererti kesepadanan, kesetaraan dan kesamaan taraf. Sekufu bukanlah syarat sah perkahwinan akan tetapi merupakan salah satu faktor yang perlu diperhatikan ketika mempertimbangan sesuatu lamaran.

Para ilmuan Islam sebelum ini menerangkan bahawa sekufu atau tidak diukur dari beberapa aspek seperti agama, keturunan dan kekayaan. Namun pada pandangan penulis, bagi zaman moden kini hendaklah ditambah tiga aspek lagi iaitu pendidikan, kematangan dan kerjaya.

Sekufu perlu diperhatikan ketika mempertimbangan lamaran kerana ia boleh memainkan peranan dalam kebahagiaan sesebuah perkahwinan. Sebagai contoh, jika seorang wanita dari kalangan bangsawan menerima seorang pekerja buruh sebagai suaminya, wujud kemungkinan pada kemudian hari ahli-ahli keluarga pihak isteri memandang rendah kepadanya. Meski pun isteri sudi menerima suami yang tidak sekufu dengannya, ahli keluarganya mungkin tidak dapat menerima suami tersebut dalam majlis-majlis yang melibatkan sesama ahli keluarga.

Apabila mempertimbangkan faktor sekufu atau tidak, beberapa poin penting yang perlu diketahui adalah:

Pertama: Aspek sekufu yang paling penting ialah agama. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

الْحَيَّاتُ لِلْحَيِّثِينَ وَالْحَيِّثُونَ لِلْحَيَّاتِ وَالطَّيِّبَاتُ لِلطَّيِّبِينَ
وَالطَّيِّبُونَ لِلطَّيِّبَاتِ.

Perempuan-perempuan yang jahat adalah untuk lelaki-lelaki yang jahat, dan lelaki-lelaki yang jahat untuk perempuan-perempuan yang jahat dan (sebaliknya) perempuan-perempuan yang baik untuk lelaki-lelaki yang baik dan lelaki-lelaki yang baik untuk perempuan-perempuan yang baik. [al-Nur 24:26]

Kedua: Pihak yang penting untuk memerhatikan faktor sekufu atau tidak ialah perempuan dan walinya. Pihak perempuan hendaklah memerhatikan faktor ini ketika mempertimbangkan sama ada hendak menerima atau menolak seseorang calon suami. Ini kerana suami ialah ketua keluarga dan perempuan yang bakal menjadi isterinya hendaklah melihat sama ada ketua tersebut sesuai atau tidak untuk dirinya.

Kembali kepada ayat 26 surah al-Nur di atas misalnya, hendaklah pihak perempuan memerhatikan sama ada calon suami adalah dari kalangan orang yang baik-baik atau sebaliknya. Jika perempuan yang baik menikahi lelaki yang jahat, besar kemungkinan dia akan hidup sebagai isteri yang dizalimi oleh suaminya.

Pihak lelaki hendaklah juga memerhatikan sama ada calon isteri adalah sekufu dengannya atau tidak. Namun ini tidaklah sepenting pihak perempuan kerana lelaki sebagai seorang suami sepatutnya memimpin dan membimbing isterinya sehingga dapat merapatkan jurang perbezaan di antara satu sama lain.

Ketiga: Sekali lagi ditegaskan, sekufu atau tidak bukanlah syarat perkahwinan. Jika disemak sejarah umat Islam pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, kita akan dapati baginda menikahi wanita-wanita lain yang tidak sekufu dengan baginda dari aspek agama, keturunan dan kekayaan.

Selain itu Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga pernah menikahkan seorang wanita bernama Zainab binti Jahsy dari keturunan bangsawan dengan Yazid bin Haritsah,

seorang budak hamba yang dibebaskan. Seorang sahabat Rasulullah yang banyak meriwayatkan hadis bernama Abdullah ibn Mas'ud juga memiliki seorang isteri yang kaya. Apabila isterinya ingin bersedekah, baginda menyuruhnya bersedekah kepada suaminya (Abdullah ibn Mas'ud) dan anak-anak-anaknya.

Oleh itu apabila pihak perempuan mendapati terdapat beberapa aspek pada diri calon suami yang tidak sekufu dengan dirinya, hendaklah difikirkan sama ada aspek-aspek tersebut dapat diterima atau tidak. Jika hendak dicarikan calon yang sekufu seratus peratus memanglah hampir mustahil.

Soalan 2: Pembantu Rumah.

Saya bercadang selepas bernikah dan memiliki rumah sendiri *insya-Allah*, untuk mengambil seorang pembantu rumah dari Indonesia. Akan tetapi saya pernah terbaca bahawa ini tidak dianjurkan. Benarkah demikian? Adakah mengambil dan memiliki pembantu rumah memiliki hukum di sisi agama?

Jawapan:

Islam sebagai agama yang syumul bukan sahaja bertujuan mencegah kemungkaran, tetapi juga mencegah jalan-jalan yang boleh – secara bertahap-tahap – membawa kepada kemungkaran. Oleh itulah Allah *Subhanahu waTa'ala* tidak sekadar melarang zina tetapi melarang apa jua yang dapat mendekati zina. Firman Allah:

وَلَا تَقْرُبُوا الزَّانَا إِنَّمَا كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا.

Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan). [al-Isra' 17:32]

Merujuk kepada hukum pembantu rumah, hendaklah diketahui bahawa rumah ialah tempat suami dan isteri berehat-rehat dan bersenang-senang selepas letih bekerja, baik pada waktu malam atau pada hari cuti. Dalam suasana seperti ini, suami dan isteri kerap dalam keadaan tidak menutup aurat. Suami khususnya, mungkin hanya selesa dengan memakai kain sarung atau seluar pendek.

Tentu saja dibolehkan bagi suami untuk tidak menutup

aurat sepenuhnya jika di dalam rumah, dengan syarat tidak hadir perempuan yang bukan mahram. Jika hadir seorang pembantu rumah perempuan, maka dia adalah mahram bagi suami sehingga suami wajib menjaga aurat dan membataskan pergaulan. Namun agak kerap suami tidak mengetahui pembantu rumah adalah mahramnya atau memandang hal ini sebagai remeh sehingga tidak menjaga aurat dan pergaulan. Tidak ketinggalan, isteri juga bersikap seperti suami sehingga membiarkan suami dalam keadaan bebas dengan pembantu rumah.

Bahkan kadangkala isteri terpaksa keluar rumah kerana sesuatu urusan lalu meninggalkan suami berduaan dengan pembantu rumah. Ini sekali lagi adalah satu kesalahan. Dalam sebuah riwayat, disebutkan:

Berhati-hatilah, jangan sampai kalian berkhawat dengan wanita, demi diriku yang berada di tangan-Nya, tidaklah berduaan seorang lelaki dan wanita melainkan masuk syaitan di antara keduanya.

Bahawa sesungguhnya adalah lebih baik seorang lelaki untuk bergeseran dengan khinzir yang berlumuran dengan tanah atau lumpur daripada dia menggeserkan

bahunya dengan bahu seorang wanita yang tidak halal baginya.[Riwayat al-Thabarani, *al-Tarhib wat Tarhib*, no: 2855]

Atas sebab-sebab inilah, memiliki pembantu rumah bukanlah sesuatu yang selari dengan Islam. Selain itu pembantu rumah juga berkemungkinan menyebabkan suami, isteri dan anak-anak menjadi pemalas. Masing-masing tidak tahu menguruskan hal-ehwal rumah sehingga apabila pembantu rumah berhenti atau menghilangkan diri, kesemua ahli keluarga dalam keadaan yang berserabut ke tahap tidak dapat ke pejabat atau ke sekolah.

SMS

SMS Asnani Kepada Ikhwan:

Abg...dh 6 ptg. Dh keluar ofis ke x?
JANGAN asyik overtime je. Nanti g Tesco atau
Giant, belikan lampin utk Aina. Huggies je, sz
S. Jgn beli yang murah2.

SMS Ikhwan Kepada Asnani:

Ya, kat ofis. Tengoklah...bila nak balik,
baliklah. Kerja byk. U duk rumah je, g lah beli
sendiri.

Di atas adalah contoh komunikasi SMS (Sistem Pesanan Ringkas) antara pasangan suami isteri Ikhwan dan Asnani. Ikhwan bekerja dan kerana kesibukan tugas, masih di pejabat meskipun waktu sudah mencecah enam petang. Asnani juga bekerja namun kini dalam rangka cuti bersalin kerana baru melahirkan cahaya mata mereka yang pertama, Aina Farhana.

Jika dicermati SMS di atas, agaknya ia adalah satu kebiasaan. Tiada apa-apa yang salah, tiada apa-apa yang

hendak dibangkitkan. Akan tetapi, sebagai bakal suami isteri yang cemerlang, sudah tentu kita tidak mahu berada di tahap sekadar “kebiasaan”. Kita ingin kecemerlangan dalam pelbagai aspek, termasuklah komunikasi di antara suami dan isteri. Bagaimana kita boleh perbaiki komunikasi di atas, meskipun hanya melalui SMS? Berikut saya berikan beberapa cadangan.

Ringkas Tetapi Jangan Terlalu Ringkas.

Memang, SMS bererti Sistem Pesanan Ringkas. Kita menyampai sesuatu mesej yang ringkas atau pendek kepada orang lain. Lawan kepada ringkas ialah tulisan umpama cerpen yang panjangnya dua tiga mukasurat kertas A4.

Akan tetapi dalam rangka menyampaikan mesej yang ringkas, cuba elakkan menggunakan ejaan yang ringkas. Menulis dengan ejaan yang penuh dan ayat yang sempurna mencerminkan kesungguhan kita dalam berkomunikasi. Ia menggambarkan kita benar-benar memaksudkan apa yang hendak disampaikan. Kesungguhan ini akan dapat dikesan serta ditangkap oleh orang yang menerima SMS dan ini tentu dihargainya. Seterusnya dia akan membalas SMS tersebut dengan yang seumpama atau yang lebih baik lagi.

Memberi Salam.

Sekalipun hanya SMS, jangan memandang ringan etika memberi salam. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berpesan:

لَا تَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّى تُؤْمِنُوا وَلَا تُؤْمِنُوا حَتَّى تَحَابُّوا. أَوْلَا
أَدُلُّكُمْ عَلَى شَيْءٍ إِذَا فَعَلْتُمُوهُ تَحَابَبْتُمْ؟ أَفَشُوا السَّلَامَ بَيْنَكُمْ.

Tidaklah kalian akan memasuki syurga sehinggalah kalian beriman dan tidaklah kalian beriman sehinggalah kalian saling mencintai. Mahukah aku tunjukkan kepada kalian sesuatu yang jika kalian lakukan nescaya kalian akan saling mencintai? Sebarkanlah salam di antara kalian.
[Shahih Muslim, no: 81/54]

Oleh itu berilah salam dan berilah secara bersungguh-sungguh: “Assalamu’alaikum”. Elakkan memberi salam separuh jalan seperti “Asm”, “Akum”, “Salam”, “asSalam” atau apa-apa lain yang seumpama. Juga elakkan dari menjawab separuh jalan juga umpama “wslm”.

Tidak ketinggalan, jika hendak diberikan apa-apa ucapan taiplah secara penuh umpama “Selamat pagi” atau “Good night”. Elakkan “Slm pg” atau “night” sahaja.

Gunakan Gambar.

Ketahuiilah bahawa apabila dua orang berkomunikasi, 60% maklumat sampai melalui gaya badan (*body language*), 30% melalui perbezaan nada suara sementara hanya 10% melalui perkataan yang diucapkan.

Nah! Apabila dua orang saling berSMS, mereka berkomunikasi hanya melalui perkataan yang mampu menyampaikan 10% sahaja daripada maklumat sebenar yang ingin disampaikan. Ini adalah cara komunikasi yang amat tidak berkesan.

Oleh itu bagi meningkatkan keberkesanan komunikasi melalui SMS, lazimkan diri melampirkan gambar, menyertakan *smiley* atau menggunakan tanda tertentu yang mewakili wajah yang tersenyum dan sebagainya.

Gembirakan, Walau Pun Melalui SMS.

Jangan memandah rendah kepada kemampuan SMS. Walau pun ia sekadar mesej-mesej yang ringkas, ia mampu mengembirakan atau menyedihkan, memotivasikan atau memalaskan, menenangkan atau menggusarkan.

Merujuk kepada suasana Ikhwan dan Asnani dalam

contoh di atas, apa yang mereka berdua sangat inginkan pada waktu lewat petang itu ialah kefahaman dan penghargaan daripada pasangan masing-masing. Ikhwan sibuk dengan tugas di pejabat, Asnani sibuk dengan tugas menjaga bayi di rumah. Ikhwan keletihan untuk singgah membeli lampin bagi Aina, Asnani tidak dapat keluar rumah memandu untuk membeli lampin kerana baru saja melahirkan Aina.

Menyatakan penghargaan (*appreciation*) sebenarnya merupakan sesuatu yang ditekankan dalam Islam. Menyatakan penghargaan termasuk dalam rangka berterima kasih dan dalam perkara ini Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

لَا يَشْكُرُ اللَّهَ مَنْ لَا يَشْكُرُ النَّاسَ.

Tidaklah berterima kasih kepada Allah sesiapa yang tidak berterima kasih kepada manusia. [Shahih Sunan Abu Daud, no: 4177/4811]

Baiklah, berdasarkan tiga cadangan di atas, bagaimanakan Asnani dan Ikhwan dapat memperbaiki SMS mereka agar mencapai kecemerlangan dalam berkomunikasi? Berikut saya berikan contohnya:

SMS Aslina Kepada Ikhwan:

Assalamu'alaikum abang, terima kasih bekerja keras untuk Aina dan Nani. Semoga Allah membalas segala usaha abang. Oh ya, lampin yang Nani pesan pagi tadi, abang tak payah beli. Nani dah pesan kepada jiran sebelah yang kebetulan nak keluar ke Tesco. Nanti abang balik kita makan malam bersama ya.

SMS Ikhwan Kepada Asnani:

Wa'alaikumussalam sayang. Terima kasih juga kerana menjaga Aina. Abang dan Aina saayyaang kepada mama. Wah! Masih sempat memasak ya? Hati-hati, jangan banyak bergerak kerana masih dalam pantang. Macam ini kalau abang balik sekarang, tiba tiba rasa lapar. Kerja tak habis ini abang sambung esok pagi insya-Allah.

Soal Jawab Munakahat

Soalan 1: Suami Tanggung Dosa Isteri.

Dalam sebuah kuliah yang saya hadir baru-baru ini, penceramah menyatakan bahawa suami menanggung semua dosa dan kesalahan isteri dan anak-anaknya. Saya agak terperanjat dengan kenyataan ini dan ia mula memberi keraguan kepada saya yang akan mula bergelar suami pada hujung tahun nanti. Benarkah apa yang dinyatakan oleh penceramah itu? Mohon penjelasannya.

Jawapan:

Di antara perkara dasar dalam Islam ialah setiap orang menanggung pahala atau dosa berdasarkan usahanya yang tersendiri. Jika dia berbuat amal soleh, maka dia mendapat pahala untuk dirinya. Jika dia berbuat maksiat, maka dia mendapat dosa untuk dirinya. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

أَلَّا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ. وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ.
وَأَنْ سَعِيَهُ سَوْفَ يُرَىٰ. ثُمَّ يُجْزَاهُ الْجَزَاءَ الْأَوْفَىٰ. وَأَنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ
الْمُنْتَهَىٰ.

Sesungguhnya seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain, sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya. Sesungguhnya usahanya itu akan diperlihatkan (kepadanya, pada Hari Kiamat kelak). Kemudian usahanya itu akan dibalas dengan balasan yang amat sempurna; sesungguhnya kepada hukum Tuhanmulah kesudahan (segala perkara). [al-Najm 53:38-42]

Perhatikan isteri Nabi Nuh dan Nabi Luth. Kedua-dua isteri ini enggan mengikuti dakwah Islam yang disampaikan oleh suami mereka. Maka mereka berdosa dan diazab dengan neraka. Dosa mereka tidak mempengaruhi suami mereka sementara kedudukan suami mereka sebagai Nabi tidak dapat membantu mereka pada Hari Akhirat kelak. Firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِلَّذِينَ كَفَرُوا امْرَأَتَ نُوحٍ وَامْرَأَتَ لُوطٍ كَانَتَا تَحْتَ عَبْدَيْنِ مِنْ عِبَادِنَا صَالِحِينَ فَخَانَتَاهُمَا فَلَمْ يُغْنِيَا عَنْهُمَا مِنَ اللَّهِ شَيْئًا وَقِيلَ ادْخُلَا النَّارَ مَعَ الدَّاخِلِينَ.

Allah membuat isteri Nabi Nuh dan isteri Nabi Luth perumpamaan bagi orang-orang kafir. Kedua-duanya

berada di bawah pengawasan dua orang hamba yang soleh (Nuh dan Luth) di antara hamba-hamba Kami, lalu kedua-dua isteri itu berkhianat kepada suaminya. Maka kedua-dua suaminya (Nuh dan Luth) tidak dapat membantu mereka sedikit pun dari (seksa) Allah. Dan dikatakan (kepada kedua-dua isteri tersebut): “Masuklah ke dalam neraka bersama orang-orang yang masuk (neraka).” [al-Tahrim 66:10]

Demikian juga apabila isteri yang beramal soleh manakala suami berbuat maksiat, maka isteri mendapat ganjaran pahala dan syurga manakala suami mendapat balasan dosa dan neraka. Pahala isteri tidak berpindah kepada suami sementara dosa suami tidak berpindah kepada isteri. Ambillah iktibar dari kisah Asiah isteri Fir'aun, di mana Asiah beriman kepada Allah lagi beramal soleh manakala Fir'aun kafir kepada Allah lagi berbuat zalim:

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِلَّذِينَ آمَنُوا امْرَأَتَ فِرْعَوْنَ إِذْ قَالَتْ رَبِّ
ابْنِ لِي عِنْدَكَ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ وَبِحَبْلِي وَوَعْمَلِهِ وَبِحَبْلِي مِنَ الْقَوْمِ
الظَّالِمِينَ.

Dan Allah membuat isteri Fir'aun perumpamaan

bagi orang-orang yang beriman, ketika dia berkata: “Ya Tuhanku, bangunkanlah untukku sebuah rumah di sisi-Mu dalam syurga dan selamatkanlah aku dari Fir’aun dan perbuatannya serta selamatkanlah aku dari kaum yang zalim.” [al-Tahrim 66:11]

Oleh itu dalam sebuah keluarga, apabila isteri sengaja enggan menutup aurat maka dia sahajalah yang akan menanggung dosa mendedahkan aurat. Apabila isteri bergossip berkenaan orang lain, maka dia sahajalah yang akan mengganggu perkataan-perkataan yang disebut atau ditaip olehnya. Dosa isteri tidak berpindah kepada suami atau ayah.

Pun begitu, ada satu kewajipan suami yang jika dia tidak melaksanakannya, dia akan mendosa keranannya. Ia adalah kewajipan mendidik, menasihati dan menegur ahli keluarga agar mereka mentaati perintah dan larangan syari’at Islam. Ini berdasarkan firman Allah *Subhanahu waTa’ala*:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ
وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ
وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ.

Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri

kamu dan keluarga kamu dari Neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala). Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya), mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.
[al-Tahrim 66:06]

Kembali kepada contoh di atas, apabila suami tidak mendidik isteri untuk menutup aurat, maka suami mendapat dosa kerana tidak mendidik sementara isteri mendapat dosa kerana tidak menutup aurat. Sebaliknya jika suami telah mendidik isteri untuk menutup aurat namun isteri tetap enggan, maka suami tidak mendapat sebarang dosa sementara isteri mendapat dosa kerana enggan menutup aurat.

Satu perkara sampingan yang tidak kurang pentingnya ialah hendaklah kita berani bertanya – dengan penuh hikmah – kepada para penceramah apakah dalil al-Qur’an dan hadis di sebalik sesuatu pendapat agama yang mereka sampaikan.

Ingat, bahawa kewajipan kita ialah mengikuti al-Qur’an dan hadis, bukan para penceramah. Para penceramah

berperanan sebagai penyampai al-Qur'an serta hadis dan di antara mereka ada yang menyampaikan kebenaran dan ada yang keliru.

Soalan 2: Ujian Kesihatan.

Baru-baru ini tunang saya mencadangkan agar kami berdua membuat pemeriksaan kesihatan yang penuh. Saya merasa agak hairan dengan cadangan ini. Setakat yang diwajibkan oleh pihak Jabatan Agama Negeri hanyalah ujian HIV. Apakah pandangan agama mengenai pemeriksaan kesihatan penuh sebelum perkahwinan?

Jawapan:

Hukum melakukan pemeriksaan kesihatan penuh sebelum pernikahan adalah mubah, yakni ia boleh dilakukan jika dipersetujui oleh kedua-dua bakal pengantin. Ia bukanlah satu kewajipan agama, namun ia selari dengan objektif agama.

Ini kerana Islam sememangnya memberi perhatian kepada penyakit dan menutup jalan-jalan daripada ia merebak. Jika salah satu pasangan menghidapi penyakit tertentu lalu bernikah, dia mungkin akan menjangkitkan penyakit tersebut

kepada pasangannya. Dalam hal ini Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

لَا تُورِدُوا الْمُمْرِضَ عَلَى الْمُصِحِّ.

Janganlah kalian mencampurkan antara yang sakit dan yang sihat. [Shahih al-Bukhari, no: 5330/5774]

Selain itu, jika selepas pernikahan didapati seorang atau kedua-dua pasangan memiliki penyakit atau kecacatan tertentu, ia pasti akan mempengaruhi keharmonian rumahtangga. Bahkan boleh menjadi hujah di mahkamah jika satu pihak ingin menuntut cerai. Maka mengetahui sesuatu penyakit dan memaklukkannya kepada pasangan sebelum bernikah merupakan sesuatu yang memiliki kepentingan dan keutamaan.

Pun begitu, hendaklah disedari bahawa pemeriksaan kesihatan penuh bukanlah jaminan seseorang itu sihat sepenuhnya. Akan tetap ada penyakit yang tersembunyi atau penyakit yang muncul pada kemudian hari, selepas bernikah.

Tidak ketinggalan, andai ditemui sesuatu penyakit atau kecacatan semasa pemeriksaan kesihatan penuh, ia bukanlah alasan kukuh untuk membatalkan pernikahan. Ini

kerana kebanyakan penyakit ada ubatnya yang dapat menyembuhkannya atau mengawalnya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengingatkan:

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ
وَجَلَّ.

Setiap penyakit ada ubatnya. Maka apabila diperoleh ubat penyakit tersebut, akan sembuhlah ia dengan izin Allah 'Azza wa Jalla. [Shahih Muslim, no: 4084/2204]

Mungkir Janji

Asnani tertunggu-tunggu kepulangan Ikhwan. Lazimnya perjalanan balik dari pejabat ke rumah ialah 45 minit. Jika kesesakan lalu lintas agak buruk, ia mengambil masa sejam. Akan tetapi kini sudah sejam lebih, masih tiada bayang Ikhwan.

“Kereta rosak ke? Kesyakan lalu lintas yang amat teruk ke? Kemalangan ke? Jumpa perempuan lain ke?” pelbagai andaian buruk mula bermain-main di fikiran Asnani.

“A’uzubillahi minash syaithan nirajim” Asnani menyebut beberapa kali bagi menghalau bisikan-bisikan jahat syaitan ke dalam dirinya. Seterusnya Asnani mencapai talifon: *“Assalamu’alaikum* abang, perjalanan abang balik ke rumah OK ke?”

“Wa’alaikumussalam. Err...OK, OK. Sebenarnya abang baru hendak masuk ke dalam kereta. Tadi ketika dalam lif ada kawan sepejabat nak bincang sesuatu. Maka sebab itulah abang lewat” jelas Ikhwan.

“Alaa...abang dah janji nak balik rumah awal untuk

kita makan malam bersama. Hmm, Nani dah siap hidang semuanya.”

“Ya, ya, abang minta maaf. Memang salah abang. Abang balik sekarang juga.”

“Janji ya! Janji betul betul ya! Tak mahu janji kosong” pesan Asnani.

Waspada Terhadap Bisikan Syaitan

Di atas adalah sebuah lagi coretan dari kehidupan suami isteri yang ingin saya kongsi bersama para pembaca sekalian. Seperti tulisan-tulisan sebelum ini, marilah kita mengkaji beberapa pengajaran penting dari kisah ringkas di atas.

Pertama sekali, perhatikan sikap Asnani yang segera menepis bisikan-bisikan buruk dalam dirinya berkenaan suaminya. Satu hakikat yang tidak dapat dinafikan dalam kehidupan suami isteri ialah kehadiran syaitan untuk merosakkan hubungan harmonis di antara kedua-duanya. Syaitan akan membisikkan keraguan, sikap khianat dan pelbagai lagi yang secara perlahan-lahan dan bertahap-tahap, akan merenggangkan hubungan suami isteri. Syaitan tidak

akan berhenti, tidak akan berputus asa sehinggalah pasangan suami isteri itu bercerai.

Marilah kita mengambil iktibar dari hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berikut ini:

إِنَّ إِبْلِيسَ يَضَعُ عَرْشَهُ عَلَى الْمَاءِ ثُمَّ يَبْعَثُ سَرَايَاهُ فَأَذْنَاهُمْ مِنْهُ مَنْزِلَةً أَعْظَمُهُمْ فِتْنَةً يَجِيءُ أَحَدُهُمْ فَيَقُولُ: فَعَلْتُ كَذَا وَكَذَا. فَيَقُولُ: مَا صَنَعْتَ شَيْئًا. قَالَ ثُمَّ يَجِيءُ أَحَدُهُمْ فَيَقُولُ: مَا تَرَكْتُهُ حَتَّى فَرَّقْتُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ امْرَأَتِهِ. قَالَ فَيُدْنِيهِ مِنْهُ وَيَقُولُ: نَعَمْ أَنْتَ!

Sesungguhnya iblis meletakkan singgahsananya di atas air. Kemudian dia mengutuskan para tenteranya (untuk memfitnah manusia). Di antara para tentera itu, mereka yang memiliki kedudukan yang paling hampir dengannya ialah yang paling hebat dalam membuat fitnah.

Salah seorang dari tentera itu datang dan berkata: "Saya telah melakukan sekian-sekian!" Iblis menjawab: "Kamu belum melakukan apa-apa." Kemudian datang seorang tentera yang lain dan berkata: "Tidaklah saya meninggalkan (orang yang saya ganggu) sehinggalah dia menceraikan isterinya." Iblis menghampiri tentera itu dan

berkata: “Anda hebat!” [Shahih Muslim, no: 5032/2813-2]

Oleh itu apabila mendapat bisikan atau lintasan yang berbentuk buruk sangka terhadap pasangan masing-masing, segeralah menepisnya dengan membaca “*A’uzubillahi minash syaithan nirajim*”. Bacalah dengan penuh keyakinan dan keazaman. Bacalah berulang kali sehingga hilang bisikan buruk tersebut.

Segera Membuat Pengesahan, Tetapi Secara Hikmah.

Perhatikan juga langkah Asnani yang seterusnya, iaitu beliau terus menalifon suaminya dan bertanya apa situasi beliau yang sebenar. Asnani tidak terus marah-marah umpama: “Bang! Mana tak balik-balik lagi ni?”. Sebaliknya Asani bertanya secara hikmah: “*Assalamu’alaikum* abang, perjalanan abang balik ke rumah OK ke?”

Jika pengesahan ditangguh-tangguhkan, kita sebenarnya memberi ruang untuk syaitan terus mengganggu. Pada zaman komunikasi serba canggih sekarang ini, sepatutnya tidak wujud alasan mengapa pengesahan perlu ditangguhkan. Ada pun alasan bateri habis atau kredit habis, itu hanya untuk budak-budak sekolah. Tidak untuk orang dewasa yang sudah bergelar suami dan isteri.

Jangan Mungkir Janji

Dalam kisah di atas, dapat kita lihat bahawa punca masalah ialah sikap Ikhwan yang memungkir janjinya. Ikhwan pada asalnya telah berjanji untuk segera pulang untuk makan malam bersama Asnani (lihat bab sebelum ini). Namun Ikhwan kemudiannya telah melayan permintaan seorang sahabat sepejabat.

Di sini apa yang patut Ikhwan lakukan ialah bertanya kepada sahabat itu: “Adakah ia *urgent*, sebab saya ada temujanji yang lain.” Jika tidak *urgent*, maka boleh dibincang pada keesokan hari. Jika memang *urgent*, maka hendaklah Ikhwan mengkhabarkan kepada Asnani berkenaan hal tersebut.

Sebenarnya, agak ramai pasangan suami isteri yang memandang ringan janji mereka kepada satu sama lain. Jika ada perjanjian bersama pihak atasan pejabat atau pelanggan, janji tersebut diberi perhatian sepenuhnya. Namun jika ada perjanjian di antara suami isteri, ia diberi perhatian terbawah sekali.

Saya bagi satu contoh. Jika pasangan menalifon anda di pejabat sementara anda saat itu sedang sibuk, anda

menjawab panggilan itu secara ringkas: “*I am busy now, will call you back later.*” Jawapan ringkas tersebut sebenarnya adalah satu janji, namun berapa ramai di antara kita yang benar-benar akan menalifon semula selepas kesibukan berakhir? Bandingkan pula jika orang atasan pejabat atau pelanggan yang menalifon. Pasti kita akan membalas panggilan selepas kesibukan berakhir.

Sebenarnya semua janji, sama ada besar atau kecil, akan dipertanggungjawabkan ke atas kita pada Hari Akhirat kelak. Meskipun janji kecil seperti “*Will call you back later*” atau apa-apa lain yang seumpama. Allah *Subhanahu waTa'ala* telah mengingatkan kita:

وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا.

Dan sempurnakanlah perjanjian, sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya. [al-Isra' 17:34]

Mujurlah Ikhwan segera minta maaf dan mengaku atas kesalahannya.

Soal Jawab Munakahat

Soalan 1: Ayat Pengasih

Saya biasa mendengar ayat al-Qur'an yang bermula dengan "*Qul inkuntum...*" disebut sebagai ayat pengasih. Agak ramai agamawan yang menyebutnya sebagai petua bagi mengeratkan hubungan kasih sayang antara suami dan isteri. Saya sendiri ingin mengamalkan petua ini, namun bagaimana caranya?

Jawapan:

Terima kasih atas soalan ini. Pertama sekali, hendaklah kita sedar bahawa agama ini milik Allah. Hendaklah kita, baik agamawan atau orang awam, tidak berkata-kata tentang Islam melainkan apa yang Allah firmankan di dalam al-Qur'an dan apa yang Rasulullah ajar melalui sunnahnya yang sah.

Berkenaan hal ini Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْدُمُوا بَيْنَ يَدَيْ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَاتَّقُوا
اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ.

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memandai-mandai (melakukan sesuatu perkara) sebelum (mendapat hukum atau kebenaran) Allah dan Rasul-Nya dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. [al-Hujurat 49:01]

Kembali kepada soalan di atas, hampir semua petua-petua yang lazim disebut-sebut oleh para agamawan yang masyur tidak memiliki asal usulnya daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Maksudnya, Allah *Subhanahu waTa'ala* tidak mengajar kita untuk menjadikan ayat tersebut sebagai petua dan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga tidak mengajar mahupun mengamalkannya sebagai petua. Ini termasuklah 'Ayat Pengasih' yang disebut dalam soalan di atas.

Malah jika kita mengkaji 'Ayat Pengasih' tersebut, akan didapati ia menyentuh sesuatu yang jauh berbeza. Ayat tersebut secara lengkap ialah:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ
دُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ.

Katakanlah: "Jika benar kamu mengasihi Allah

maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” [Ali Imran 3:31]

Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengupas ayat di atas secara ringkas. Firman Allah: **“Katakanlah...”** ditujukan kepada Rasulullah, bererti katakanlah wahai Muhammad kepada umatmu mesej penting berikut ini, iaitu: **“Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku”**. Maksudnya jika kalian wahai umat Muhammad mencintai Allah, maka buktikanlah, terjemahkanlah perasaan cinta itu dengan mengikuti sunnah Rasulullah.

Sudah tentu kita semua mencintai Allah atas pelbagai nikmat yang diberikan-Nya kepada kita. Kita juga mencintai Allah atas ujian-ujian kesukaran yang diberikan-Nya kepada kita, kerana di sebalik semua ujian itu ada hikmah dan manfaat. Nah! Bagaimanakah kita membuktikan kecintaan kita kepada Allah? Caranya ialah dengan mengikut sunnah Rasulullah dengan sebaik yang boleh, tanpa dikurangi atau ditokok tambah.

Apabila kita membuktikan kecintaan kepada Allah dengan mengikuti sunnah Rasulullah, balasannya: ***“...nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu.”*** Coba tanya diri sendiri, ganjaran apakah yang lebih baik berbanding kecintaan dan keampunan daripada Allah?

Berdasarkan kupasan ringkas di atas, cuba perhatikan dari sudut manakah ayat 31 surah Ali Imran ini secara terus terang dapat dijadikan petua bagi mengeratkan kasih sayang di antara suami isteri? Tidak ada.

Oleh itu jika anda ingin mengeratkan hubungan suami isteri selepas bernikah kelak, caranya ialah dengan mempelajari ilmu komunikasi, ilmu perbezaan watak antara lelaki dan wanita serta ilmu berkenaan tanggungjawab suami isteri.

Soalan 2: Keadilan Suami Dan Isteri.

Saya percaya Islam adalah agama yang adil untuk lelaki dan wanita, untuk suami dan isteri. Maka saya tidak menerima konsep isteri menjadi suri rumah dan perlu taat kepada suami, sebab ia kelihatan tidak adil di pihak isteri. Adakah salah jika saya berpandangan demikian?

Jawapan:

Perlu dibezakan antara keadilan dan kesamarataan (sama rata). Keadilan ialah setiap pihak mendapat apa yang menjadi haknya, apa yang sesuai untuknya. Kesamarataan ialah setiap pihak mendapat kesamaan. Sebagai contoh, seorang ayah yang adil akan memberikan songkok kepada anak lelakinya dan kain tudung untuk anak perempuan. Sementara seorang ayah yang “sama rata” akan memberikan songkok kepada anak lelaki dan perempuannya. Ayah yang manakah yang sebenarnya betul keadilannya?

Oleh itu, Islam sebagai agama yang adil telah meletakkan hak dan tanggungjawab bagi setiap suami dan isteri. Masing-masing ada peranannya. Apabila seorang isteri menolak hak dan tanggungjawab tersebut, bererti dia menolak neraca keadilan Islam dan menggantikannya dengan neraca keadilan buatannya sendiri.

Bagi menguatkan penjelasan saya di atas, marilah sama-sama kita merenung dan mengkaji firman Allah *Subhanahu waTa'ala* berikut ini:

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ لِلرِّجَالِ

نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبْنَ وَاسْأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا.

Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikaruniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak dari sebahagian yang lain. (Karena) bagi orang laki-laki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan bagi para wanita (pun) ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan mohonlah kepada Allah sebagian dari karunia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu. [al-Nisa' 4:32]

Di sini para pembaca sekalian hendaklah berwaspada dengan aliran Islam Liberal yang sering melaungkan slogan kesamaan hak di antara lelaki dan wanita. Mereka memperalatkan ayat-ayat al-Qur'an tertentu bagi menjustifikasikan slogan mereka. Di antara ayat tersebut ialah:

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَانِتِينَ وَالْقَانِتَاتِ وَالصَّادِقِينَ وَالصَّادِقَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ وَالْخَاشِعِينَ وَالْخَاشِعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالصَّائِمِينَ وَالصَّائِمَاتِ وَالْحَافِظِينَ فُرُوجَهُمْ وَالْحَافِظَاتِ وَالذَّاكِرِينَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ أَعَدَّ

اللَّهُ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَأَجْرًا عَظِيمًا.

Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah), dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya, dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar. [al-Ahzab 33:35]

Maka berdasarkan ayat ini dan beberapa lain yang

senada, mereka mendakwa Islam memberikan keadilan dan kesamaan kepada lelaki dan wanita.

Dakwaan ini salah sama sekali. Jika dikaji keseluruhan al-Qur'an dan hadis, akan ditemui sekian banyak perbezaan di antara lelaki dan wanita, dari saat kejadian Adam dan Hawa sehinggalah ke pengadilan di Hari Akhirat kelak dan balasan di syurga atau neraka.

Ada pun ayat-ayat seumpama ayat 35 surah al-Ahzab di atas, maka ia tidak lain hanyalah menyatakan bahawa lelaki dan wanita masing-masing akan mendapat ganjaran mereka, selari dengan tugas, tanggungjawab dan peranan masing-masing yang telah Allah syari'atkan.

Buku-Buku Lain oleh Hafiz Firdaus Abdullah
Boleh dipesan terus dari Jahabersa di nombor 07-2351602
atau pesanan *online* di www.jahabersa.com.my
Boleh juga dirujuk dalam bentuk e-book atau muat turun di
www.hafizfirdaus.com

1. **Zikir-Zikir Selepas Solat Fardhu.**
2. **Menangani Persoalan Doa Qunut: Dibaca atau Tidak?**
3. **Marilah Berselawat Ke Atas Rasulullah.**
4. **Marilah Mendirikan Sembahyang.**
5. **Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam.**
6. **Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan.**
7. **Solat Tarawikh: Satu Perbahasan Ke Atas Fatwa Yang Menetapkannya kepada 20 Rakaat.**
8. **20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya.**
9. **Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah.**
10. **Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil.**
11. **Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku *Salafiyah Wahabiyah*: 73 Penilaian Semula Ke Atas Penilaian Zamihan Mat Zin al-Ghari.**

- 12. Apakah Jihad Di Jalan Allah? Buku 1: Definisi, Kepentingan dan Kemuliaan Jihad.**
- 13. Apakah Jihad Di Jalan Allah? Buku 2: Hukum dan Syarat-Syaratnya.**
- 14. Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam Persoalan Khalifah. Siri Pertama: Definisi Syi'ah al-Rafidhah, Sejarah Kelahiran Syi'ah al-Rafidhah dan 5 Strategi Asas Syi'ah al-Rafidhah Dalam Berhujah.**
- 15. Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam Persoalan Khalifah. Siri Kedua: Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada Ayat-Ayat Al-Qur'an Yang Dijadikan Hujah Oleh Syi'ah Dalam Persoalan Khalifah.**
- 16. Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam Persoalan Khalifah. Siri Ketiga: Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada Hadis-Hadis Rasulullah Yang Dijadikan Hujah Oleh Syi'ah Dalam Persoalan Khalifah.**
- 17. Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam Persoalan Khalifah. Siri Keempat: Jawapan Ahl al-Sunnah Berkenaan Sejarah dan Keutamaan Para Sahabat.**
- 18. Amalan-Amalan Di Bulan Ramadhan.**
- 19. Marilah Berkenalan Dengan al-Qur'an.**

- 20. Let's Get Acquainted With Al-Qur'an. (Edisi terjemahan Inggeris Marilah Berkenalan Dengan al-Qur'an)**
- 21. Wahai Ibu! Wahai Ayah!**
- 22. Dear Mom & Dad. (Edisi Terjemahan Inggeris Wahai Ibu! Wahai Ayah!)**
- 23. 13 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid.**
- 24. Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat**
- 25. Looking For Allah's Blessing Behind Differences of Opinion. (Edisi Terjemahan Inggeris Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat)**
- 26. Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah.**
- 27. 7 Tipu Daya Syaitan Ke Atas Umat Islam.**
- 28. Membongkar Aliran Islam Liberal.**
- 29. Menjawab 17 Fitnah Terhadap Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah. (Ulasan kepada karya asal Syaikh Murad Syukri yang diterjemah oleh Ustaz Badrul Hisham bin Sulaiman).**

- 30. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 1.**
- 31. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 2.**
- 32. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 3.**
- 33. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 4.**
- 34. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 5.**
- 35. Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah. Buku 6.**
- 36. Berdakwah Melalui Penulisan Efektif.**
- 37. Fiqh Harta: Satu Pengenalan.**
- 38. Cahaya Rohani (Buku 1)**
- 39. Cahaya Rohani (Buku 2)**
- 40. Hukum dan Adab Berjamaah Dalam Islam.**
- 41. Islam, Seks dan Jantina.**

- 42. 36 Kritikan Ke Atas Buku *Amalan Sunnah Selepas Solat Dan Kelebihannya*.**
- 43. Catatan-Catatan Ilmiah Ke Atas Buku Makna Sebenar Bid'ah: *Beberapa Semakan Teliti Ke Atas Satu Penjelasan (Yang Didakwa) Rapi*.**
- 44. Catatan Dari 40,000 Kaki (Buku 1).**
- 45. 47 Persoalan Qadar dan Qadha.**
- 46. 202 Pelajaran Berkenaan Poligami**

Penulis anda, Hafiz Firdaus bin Abdullah lahir di Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John's Institution, Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Pada tahun 1989 beliau menyertai Penerbangan Malaysia (*Malaysia Airlines*) sebagai seorang juruterbang sehinggalah ke hari ini.

Hafiz Firdaus mula menulis sejak tahun 1999. Manhaj beliau ialah mengkaji sesuatu topik daripada sumber khazanah ilmu tokoh-tokoh terdahulu lalu menyusun dan menyampaikannya dalam bentuk yang mudah lagi relevan dengan isu-isu terkini.

Ringkasnya, sesiapa jua yang memiliki manhaj mengkaji dan menganalisa dalam berinteraksi dengan ilmu-ilmu agama akan mendapati buku-buku Hafiz Firdaus sebagai sumber kajian dan analisa yang sesuai untuk mereka.

Hafiz Firdaus tinggal di Lembah Klang bersama tiga keluarganya. Di samping menulis buku, beliau menulis artikel dan kolum bulanan bagi beberapa majalah, juga memberi kuliah-kuliah agama di pusat pengajian tinggi, pejabat dan rangkaian TV tempatan.